

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 38

Khamis

21 Ogos 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008	(Halaman 27)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 21 Ogos 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Peraturan mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua, iaitu di bawah Peraturan Mesyuarat 14(k) Ucapan-ucapan Takziah. Kita membaca dalam laporan akhbar pada hari ini bahawa Y.M. Tengku Abdullah telah pulang ke rahmatullah semalam dan Almarhum ialah bekas anggota Dewan yang mulia ini. Jadi, saya ingin memohon persetujuan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua supaya kita menandakan takziah kita kepada Almarhum dengan cara-cara yang sesuai sebagaimana menjadi amalan Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) berbincang dengan Setiausaha Dewan]

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya mungkin kita menyedekahkan Al-Fatihah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya hargai *concern* yang dibuat oleh Yang Berhormat. Mengikut Peraturan 14(2) usul seperti ini harus dibawa oleh seorang menteri. Jadi, mungkin salah seorang daripada menteri untuk membawakan usul ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan perkara 14(k) dibawa sekarang.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

[Soalan No.1 - Y.B. Dato' Abd. Rahman Dahlan (Kota Belud) tidak hadir]

2. Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai berapakah peruntukan setahun dan bentuk program di bawah Dana Pembangunan Modal Insan yang akan digunakan ke arah pembangunan modal insan dalam sektor pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik di Koridor Utara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat peruntukan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan modal insan yang diperakukan khusus untuk pembangunan inisiatif Koridor Utara di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM190.5 juta untuk tempoh 2008 hingga 2010. Daripada jumlah itu peruntukan yang disediakan bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM6.4 juta, tahun 2009 sebanyak RM104.2 juta dan bagi tahun 2010 sebanyak RM79.9 juta.

Terdapat pelbagai projek yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan, pelan latihan awam seperti Institut Kemahiran MARA (IKM), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kolej Komuniti dan Institut Kemahiran Belia Negara bagi mencapai objektif pembangunan modal insan. Ia termasuk menyediakan program pembelajaran dan latihan yang diperlukan bukan sahaja bagi menyediakan kemahiran asas bahkan kemahiran-kemahiran khusus yang diperlukan oleh sektor-sektor ekonomi. Bentuk program yang dijalankan antara lain termasuk program pembangunan perantisan berasaskan komoditi, program latihan perindustrian di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, program latihan graduan sebelum kerja di institusi-institusi latihan awam dan program peningkatan kualiti tenaga pelajar dan kurikulum. Kesemua program tersebut melibatkan pembangunan modal insan bagi semua sektor ekonomi termasuk pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang bagi saya begitu baik sekali. Negara kita mempunyai terlalu banyak koridor-koridor ekonomi yang telah dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuklah Koridor Wilayah Utara, Koridor Pantai Timur, Koridor Pembangunan Wilayah Iskandar dan juga di Sabah dan Sarawak. Namun demikian, mengambil pengalaman Koridor Raya Multimedia (MSC) yang pada pandangan saya telah mengalami sedikit terjejas walaupun perbelanjaan berjuta-juta ringgit dicurahkan kepada MSC ini. Mungkin faktor kegagalan MSC ini ialah kerana faktor modal insan ataupun tidak cukup latihan-latihan kemahiran yang diberikan.

Jadi, mengambil daripada pengalaman tersebut dan selepas daripada pilihan raya yang lalu tiga buah negeri di wilayah Koridor Utara ini telah jatuh ke tangan pihak Pakatan Rakyat iaitu negeri Kedah, Perak dan Pulau Pinang. Jadi, bagaimanakah kerjasama antara wilayah ekonomi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan ini dengan kerajaan pimpinan kerajaan-kerajaan negeri? Adakah dana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi akan disalurkan juga untuk manfaat kerajaan negeri kerana kerajaan negeri juga mempunyai GLC ataupun bahagian-bahagian latihan di peringkat kerajaan negeri termasuklah institusi pendidikan yang boleh melatih tenaga-tenaga yang berkemahiran di bawah kelolaan kerajaan negeri kerana

kita rasa kepimpinan tiga buah kerajaan negeri di bawah Koridor Utara ini boleh melaksanakan dana tersebut dengan lebih berhemah dan bertanggungjawab. Terima kasih.

■1010

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak berhasrat untuk mempolitikkan permasalahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Komitmen kita Kerajaan Persekutuan adalah jelas. Walaupun kita tahu negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perak dipegang oleh rakan-rakan kita di sebelah sana yang cukup kurang hari ini. *[Menunjukkan tempat duduk pihak pembangkang]* Mungkin sibuk malam tadi dan tidak cukup tidur berkempen di Permatang Pauh. Akan tetapi komitmen kita...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Baru kena tahan dua orang.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Akan tetapi komitmen kita jelas bahawa apabila peruntukan yang telah ditentukan di dalam semua koridor yang telah ditentukan Tuan Yang di-Pertua, akan dilaksanakan, kecuali kalau kerajaan negeri berkenaan mensabotaj program-program yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Akan tetapi demi untuk kepentingan rakyat, kita akan teruskan peruntukan itu. *[Tepuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, tahniah! Kalau dengar jawapan dia, bunyinya begitu hebat, boleh meyakinkan rakyat bahawa kerajaan memang penuh komitmen.

Persoalan yang saya ingin kemukakan, apakah program yang sama juga akan direncanakan di Koridor Negeri Sabah dan Sarawak khususnya? Saya pun sakit hati juga kalau di Utara yang kalah pun diberi besar, kita yang menang diberi kecil, tidak patut! *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kalau negeri yang kalah pun kita bantu, apatah lagi negeri yang menang pasti kita akan teruskan dan insya-Allah kita pertambahkan! *[Tepuk]*

Saya lihat Koridor Pembangunan Sabah, kita jangkakan sektor-sektor pelancongan dan pertanian yang melibatkan modal insan dan juga Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak atau SCORE, kita mempunyai komitmen yang cukup jelas. Umpamanya pada tahun 2008, daripada seluruh sektor yang telah kita berikan iltizam komitmen, RM53.115 bilion memang kita peruntukkan untuk pembangunan modal insan dan Sabah serta Sarawak memang kita tidak akan pinggirkan, asalkan tidak ada yang *cross* ke sebelah sana. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu satu ugutan.

[Soalan No. 3 – Y.B. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) tidak hadir]

4. Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila aliran rel RapidKL yang baru Kota Damansara dan aliran tambahan Puchong dan Subang Jaya yang dicadangkan akan bermula dibina dan siap beroperasi. Apakah pecahan kos untuk pembinaan setiap aliran dan adalah perolehan ini akan dibuat secara tender terbuka.

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan bahawa Syarikat Prasarana Negara Berhad atau SPNB selaku operator dan pemegang aset LRT sedang menjalankan kajian tanah dan kejuruteraan untuk reka bentuk jajaran dan stesen bagi dua projek laluan sambungan LRT seperti berikut:

- (i) Projek sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) LRT 1 - laluan Sri Petaling iaitu dari Stesen Sri Petaling ke USJ-Puchong dan berakhir di Putra Heights dengan laluan sejauh 16 kilometer dan melibatkan 12 stesen baru; dan
- (ii) Projek sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (PUTRA LRT 2) – Laluan Kelana Jaya iaitu dari Kelana Jaya ke Subang Jaya dan berakhir di Putra Heights dengan laluan sejauh 16 kilometer dan 12 stesen baru.

Kedua-dua projek ini akan dapat dilaksanakan secara BFI melalui tender selepas kajian tanah dan kejuruteraan selesai kelak. Setakat ini, jumlah kosnya masih belum ditentukan lagi.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menimbulkan ataupun mengumumkan ada satu Suruhanjaya Pengangkutan Awam yang akan ditubuhkan. Apakah perkembangan mengenai Suruhanjaya Pengangkutan Awam ini dan adakah suruhanjaya ini akan dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri daripada Kementerian Pengangkutan sebab ini adalah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan?

Adakah kalau bukan, sekali lagi satu suruhanjaya ditubuhkan yang tidak dipimpin oleh Kementerian Pengangkutan, adakah agensi ini akan menjadikan satu lagi agensi yang akan memecahbelahkan tanggungjawab pengangkutan, di mana Yang Berhormat Menteri sendiri telah mengakui bahawa tanggungjawab ini berada di dalam tangan 13 agensi di dalam kerajaan dan menyusahkan sekali lagi untuk menjadikan Malaysia ada satu sistem pengangkutan awam yang efisien dan cekap? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya hargai apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, khasnya keprihatinan beliau terhadap apa yang wujud sekarang khasnya bidang kuasa yang kita nampak belum dapat lagi disatukan dalam bidang khidmat pengangkutan awam.

Suka saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa setakat ini apa yang pernah diumumkan itu sesungguhnya merupakan satu keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Menteri ataupun *Cabinet Committee*, dengan izin yang menangani isu pengangkutan awam dan ia masih lagi diperhalusi.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa bidang kuasa yang kita jangka akan dipikul oleh jawatankuasa ataupun suruhanjaya yang berkenaan bukan sahaja mencakupi khidmat LRT, tetapi segala bentuk pengangkutan awam. Di antara lain termasuk juga bidang kuasa dan bidang tugas yang kini dipikul oleh agensi-agensi ataupun kementerian yang lain. Jadi apa yang Yang Berhormat maksudkan itu sebenarnya itu andaian sahaja, belum sampai ke tahap itu. Saya akan maklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebaik-baik sahaja apabila keputusan muktamad telah pun dibuat. Sekian.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, sebelum ini ada cadangan untuk mengehendkan kemasukan kenderaan-kenderaan persendirian ke ibu kota.

Adakah cadangan itu wajar dan bagaimanakah sebenarnya kita hendak menggalakkan mereka untuk memastikan ini dapat dilaksanakan dalam keadaan sistem pengangkutan awam di ibu kota masih tidak efisien sebenarnya? Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Batu Pahat, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pengangkutan awam di ibu kota sesungguhnya adalah terletak di dalam bidang kuasa kementerian yang berlainan iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan.

Apa yang dimaksudkan tadi itu adalah pengehendan kenderaan-kenderaan masuk ke ibu kota dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan pengangkutan awam di ibu kota sendiri. Setakat ini, perkara ini juga dibangkitkan oleh kementerian yang berkenaan untuk dibincangkan bersama di peringkat Jawatankuasa Kabinet atau *Cabinet Committee*. Sekian.

5. Tuan Ahmad Maslan [Pontian] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan tentang usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan agar segala kemudahan asas rakyat iaitu bekalan elektrik, air dan jalan kampung dapat diselesaikan lebih awal sebelum tahun 2016, jika boleh sebelum tahun 2012 telah selesai keseluruhannya.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedar bahawa liputan bekalan air, elektrik dan jalan kampung tidak menyeluruh di seluruh negara.

Selaras dengan sasaran KKLW iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, untuk meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik serta jalan kampung mencapai 100% di seluruh negara sebelum tahun 2016, penekanan akan diberikan kepada negeri-negeri yang masih mempunyai liputan yang rendah khususnya di Sabah dan Sarawak.

Dalam usaha untuk memastikan pelaksanaan projek dapat dimulakan segera, KKLW sedang mengumpul senarai projek-projek infrastruktur dan utiliti yang telah dibina dan yang perlu dilaksanakan mengikut keutamaan dari semua pejabat pembangunan negeri dan jabatan pembangunan persekutuan.

■1020

Melalui perancangan yang teliti ini, senarai projek mengikut keutamaan dapat dimuktamadkan lebih awal, agar kementerian dapat menentukan peruntukan yang diperlukan bagi pelaksanaan projek-projek berkenaan mengikut tahun dan keutamaan supaya semua kemudahan asas yang diperlukan dapat dibuat dan disiapkan menjelang tahun 2016. Terima kasih.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama, apakah halangan yang menyebabkan kemudahan asas rakyat ini belum dapat diselesaikan 100% dalam kadar segera? Yang kedua, bagaimana pula tentang peruntukan dan tindakan penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang rosak dan berlubang-lubang di kawasan luar bandar terutama kawasan saya dan saya kira ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat juga ingin menyatakan perkara yang sama. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Pontian. Saya bagi gambaran dengan mengambil contoh negeri Sarawak. Ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat tahu mengapa kita mempunyai kekangan yang agak serius berkenaan dengan tujuan hendak menyediakan ataupun melaksanakan kemudahan asas di seluruh negara ini sebelum tahun 2016.

Bagi negeri Sarawak, untuk melaksanakan projek secara menyeluruh di negeri Sarawak sahaja iaitu untuk projek-projek asas ini seperti bekalan elektrik, jalan kampung, jalan luar bandar, air, dianggarkan kalau mengikut maklumat yang telah kita kumpul baru-baru ini, kerajaan perlu memberi peruntukan sebanyak RM60 bilion. Kita menggunakan maklumat ini untuk membuat andaian untuk Sabah dan Semenanjung. Sabah kecil sedikit daripada Sarawak, mungkin memerlukan RM40 bilion atau RM50 bilion. Saya buat andaian ini kerana Sabah tahap kemajuan kemudahan asas pun lebih kurang sama dengan Sarawak. Kita ada statistik ini di kementerian. Jadi sudah lebih kurang RM100 bilion.

Semenanjung lebih maju tetapi banyak negeri, besarnya besar sedikit daripada Sarawak. Andai katalah Semenanjung ini memerlukan RM100 bilion atau RM150 bilion. Ini bermakna untuk menyediakan kemudahan asas secara menyeluruh di seluruh negara, kita memerlukan di antara RM200 bilion-RM250 bilion, sedangkan peruntukan untuk satu *Malaysian plan*, misalnya Rancangan Malaysia Kesembilan ini, peruntukan yang ada cuma RM220 bilion. Jadi RM250 bilion kalau dibahagikan dengan lima tahun, lebih kurang setahun RM50 bilion. Kalau digunakan – bukan RM50 juta ini, RM50 bilion – kalau kita tumpukan semua duit negara yang ada ini kepada pelaksanaan kemudahan asas luar bandar ini, bermakna kita tidak ada peruntukan untuk kementerian-kementerian yang lain.

Inilah satu realiti yang mesti kita hadapi. Itulah sebabnya kementerian ini cuma mengatakan kita percaya kita dapat memberi ataupun melaksanakan kemudahan asas ini menjelang tahun 2016. Kita melihat realiti yang di depan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Shah Alam ada luar bandarkah?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebenarnya agak terkilan dengan jawapan yang pertama yang telah diberikan oleh timbalan menteri kerana nampak gaya bahawa kita ini selepas 50 tahun baru hendak mula mengumpul data dan statistik. Nampak seolah-olah macam kita baru hendak ambil secara berat dan secara serius berhubung dengan kemudahan dan jalan di kawasan luar bandar, di Sabah, di Sarawak dan sebagainya. Sepatutnya statistik dan data ini sudah pun ada dan sudah ada perancangan bermula daripada dahulu, bukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan baru kita mahu memikirkannya.

Kedua, saya rasa bahawa soal jumlah bajet yang disebutkan tadi RM60 bilion untuk Sarawak, RM40 bilion untuk Sabah yang merupakan satu anggaran yang dibuat pada hari ini, kemungkinan sekiranya ianya telah dilakukan lebih awal lagi. Kemungkinan besar kosnya adalah jauh lebih rendah dan tidakkah ini menunjukkan – ini soalnya – bahawa selama ini pihak Kerajaan Pusat telah, nombor satu, mengabaikan kawasan-kawasan luar bandar dan nombor dua, telah banyak membazirkan duit negara dengan projek-projek mega yang tidak mendatangkan keuntungan dan manfaat kepada kebanyakan rakyat, khususnya mereka yang berada di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Shah Alam. Saya menafikan dengan tegas bahawa kerajaan tidak mempunyai perancangan yang rapi ataupun yang agak mantap untuk membangunkan luar bandar ini. Kita memang ada perancangan tetapi perancangan yang kita buat ialah mengikut keutamaan dan ini di kumpul dari kerajaan negeri. Kerajaan negeri menentukan apakah keutamaan yang perlu diambil kira oleh Kerajaan Pusat dan mengikut keutamaan..

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya kerajaan negeri yang bersalah sekarang ini, tidak memberi data.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh macam itu.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Memang Kerajaan Pusat tidak akan mengumpul data ini tanpa kerjasama dari kerajaan negeri. Mana boleh Kerajaan Pusat pergi ke negeri-negeri ini dan mengambil data ini tanpa kelulusan ataupun tanpa kerjasama dari kerajaan negeri. Itu mustahil. Barangkali kalau..

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Speaker, ini kerajaan negeri ke Kerajaan Persekutuan? Dia bilang Kerajaan Persekutuan boleh pergi mana-mana negeri pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh soal macam ini, Yang Berhormat.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Memang boleh kita pergi, tetapi maklumat-maklumat yang ada memang dengan kerajaan negeri, maklumat yang mantap, maklumat yang terkini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Oh, selama ini kerajaan negeri Barisan Nasional tidak bagi kerjasamalah.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Bukan dia tidak bagi kerjasama, tetapi dia bagi..

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Itu sangkaan jahat itu.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: ...senarai-senarai projek yang diutamakan. Jadi kita ikut perancangan dan kerjasama kerajaan negeri. Kalau diberi dari awal pun, yang kita laksanakan adalah mengikut senarai yang diberi oleh kerajaan negeri. Jadi kalau kita hendak berbahas tentang perancangan ini tidak mantap, perancangan ini tidak dibuat awal dahulu, memang senanglah. Kalau misalnya projek mega ini tidak sesuai, apa akan terjadi kalau ditutup North-South Highway ini, betul ke rakyat bersetuju? Betul ke kita tidak ada untung, tidak ada manfaat yang tinggi daripada dilaksanakan di North-South Highway?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya jawab. Dia soal, saya boleh jawab ke tidak?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak boleh? Biarlah saya jawab, dia soal.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Jawab, jawab.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Itu sebagai contoh, Yang Berhormat. Jadi kita boleh buat perancangan. Walaupun dibuat dari awal, maklumat-maklumat yang kita kumpul sekarang, ia tetap akan berubah tetapi selama ini berdasarkan kemampuan kewangan kerajaan, kita tetap akan tetap melaksanakan apa yang telah kita laksanakan. Bukan kerana kurang perancangan, tetapi sekarang kerana semua negeri bercakap tentang hendak menyediakan kemudahan-kemudahan asas ini secara menyeluruh dan hendak dicepatkan. Kita lihatlah secara menyeluruh sekarang dan inilah kekangan yang kita hadapi. Tidak mungkin kita dapat mengikut kehendak Yang Berhormat dari Pontian tadi, dia hendak semua pelaksanaan ini dibuat sebelum ataupun pada tahun 2012, paling lambat, tidak mungkin dapat. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bersedia mengkaji semula penstrukturan subsidi minyak yang rata-rata mengakibatkan rakyat merasa terlalu terkesan dan tertekan akibat kenaikan harga barangan keperluan yang meningkat tanpa kawalan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian yang dijadualkan dijawab pada hari ini bersama-sama pertanyaan daripada Yang Berhormat Batu

Pahat yang dijadualkan dijawab pada 23 Oktober memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama.

■1030

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat semasa kerajaan mengumumkan penstrukturan semula subsidi minyak pada 5 Jun 2008. Langkah-langkah yang disebut pada masa itu seperti harga runcit petrol dan diesel dinaikkan, rebat tunai kepada pemilik kenderaan persendirian dan subsidi kepada pengangkutan awam dan barang dikekalkan pada harga lama, adalah merupakan langkah-langkah yang bersifat sementara sahaja.

Dengan kata lain, kerajaan memang berhasrat untuk mengkaji semula penstrukturan semula tersebut di mana kesan langkah sementara itu akan dinilai dan diambil kira sebagai input untuk kajian jangka panjang yang sedang dibuat bagi menghasilkan satu mekanisme pengurusan subsidi yang lebih adil, cekap dan berkesan untuk menggantikan langkah sementara tersebut. Jika, diamati secara mendalam langkah-langkah yang dilaksanakan di bawah penstrukturan semula subsidi minyak sebenarnya telah mengambil kira faktor terlalu terkesan dan tertekan seperti Yang Berhormat maksudkan.

Sebagai contoh, rebat tunai sebanyak RM625 diberi kepada pemilik kenderaan persendirian bertujuan untuk mengimbangkan kesan kenaikan harga minyak. Selain itu, pengusaha pengangkutan awam seperti teksi, bas, bot sungai, dan feri diberi subsidi minyak pada harga sebelum kenaikan. Tujuannya supaya pengusaha pengangkutan awam tidak terkesan dengan kenaikan harga dan tidak memindahkannya kepada pengguna. Malah, kerajaan juga bersedia untuk menurunkan harga petrol mulai 1 September ini jika harga minyak mentah menunjukkan trend menurun.

Harga runcit petrol akan diselaraskan berdasarkan harga pasaran purata bulanan dan subsidi akan dikekalkan pada kadar 30 sen seliter. Harga runcit petrol akan ditetapkan pada 1 hari bulan setiap bulan. Sebaliknya, harga petrol semasa di paras RM2.70 akan dikekalkan sehingga penghujung tahun. Walaupun sejurus selepas pengumuman harga minyak mentah meningkat semula.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat utama penstrukturan semula subsidi minyak adalah untuk memastikan subsidi yang ditanggung oleh kerajaan sepadan dengan keupayaan kewangan negara. Merapatkan jurang harga di antara harga subsidi dan harga pasaran yang melibatkan ketirisan dan meredakan herotan pasaran yang keterlaluan. Selain mencapai matlamat penstrukturan semula subsidi juga memperlihatkan kadar inflasi yang meningkat.

Namun, kerajaan yakin bahawa peningkatan ini berlaku disebabkan proses penyesuaian oleh rakyat dan industri di mana ia bersifat sementara dan bukanlah satu keadaan inflasi yang sebenar. Sekian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kerajaan mengambil langkah-langkah yang efisien dan cekap dalam mengurus tentang subsidi minyak ini. Tahukah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa harga pasaran minyak sekarang telah pun jatuh pada USD110 setiap tong? Mengikut pada kadar harga ini, harga minyak di pasaran sepatutnya pada kadar RM2.35 seliter dan dengan subsidi 30 sen. Sepatutnya hari ini rakyat membayar hanya RM2.05 dan kalau begitulah hujah seperti mana yang dikatakan tadi kerajaan cekap, efisien dan peka.

Pada tanggal 5 Jun 2008 kerajaan begitu tergesa-gesa tanpa menunaikan janji bahawa bulan Ogos baru hendak penstrukturan semula. Pada waktu itu serta-merta menaikkan harga petrol RM2.70. Hari ini harga minyak telah turun USD110...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Macam kera kena belacan masa itu.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Kenapa tidak dengan segera menurunkan harga minyak pada hari ini? Padahalnya rakyat membayar lebih daripada harga pasaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Maka dengan sebab itulah saya tidak boleh terima jawapan yang mengatakan kerajaan cekap dan efisien tetapi bila harga minyak telah turun di pasaran dunia kerajaan tidak bersegera untuk mengatasi beban yang ditanggung oleh kerajaan yang ada pada hari ini. Sila beri penjelasan.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebenarnya, harga minyak mentah dunia ini mulai tahun 2001 yang diparas USD24 satu tong mereka, meningkat kepada harga purata dalam tahun 2007 iaitu kepada USD74 satu tong. Pada tahun ini mulai bulan Januari, ia meningkat dari harga lebih kurang USD93 satu tong kepada bulan Jun USD131 satu tong. Pada bulan Julai meningkat kepada USD133 harga purata untuk bulan Julai. Ia mulai turun pada bulan Ogos ini, kita memantau setiap hari pergerakan harga minyak ini dan dalam jawapan saya tadi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah umumkan bahawa kita akan menstrukturkan harga minyak semula mulai 1 September 2008.

1 September belum sampai, dan kita juga faham tentang harga sebenarnya minyak petrol pada masa sekarang. Tiap-tiap hari kita ada kira, ada memantau tentang harga dan saya yakin bahawa kalau trend penurunan ini berterusan pada 1 September ini, harga minyak akan turun. Sekian terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau harga minyak naik balik macam mana? Tak dapat apa la? *[Ketawa]*.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Pokok Sena, Menteri Alam Sekitar. *[Ketawa]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila harga minyak naik, dia naik tengah malam. Bila harga minyak naik, dia naik, tengah malam dia naik. Jadi, orang masih tidur, orang tak tahu pun sekali tahu

esok sudah harga minyak naik. Waktu naik, kita kasi naik harga minyak, pasaran dunia naik, kita kasi naik. Pasaran dunia turun, kita belum lagi ambil keputusan.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Lambat, lambat bertindak.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kerajaan masih tidur.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Jadi persoalannya yang saya mahu kemukakan. Kenapa negara-negara lain, negara-negara maju, negara-negara luar seperti Australia dan lain-lain, dia punya *rating* minyak ini naik turun tiap-tiap hari? Bolehkah kita buat begitu di Malaysia?

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Kalau kita boleh buat begitu lebih baik untuk ekonomi negara kita, tetapi negara kita dan kerajaan kita masih mengamalkan subsidi ke atas harga minyak di stesen pam. Di negara-negara lain, kita juga faham bahawa harga minyak ini naik turun tiap-tiap hari, tidak tentu mengikut harga pasaran dunia, tetapi negara kita sebab kerajaan hendak tetapkan subsidi 30 sen seliter jadi kita ambil kira harga purata sebulan. Pada hujung tiap-tiap bulan kita akan adakan satu perubahan dan tetapkan harga untuk bulan yang akan datang. Saya ingat ini adalah satu cara yang munasabah, yang baik untuk negara kita.

■1040

[Soalan No. 7 – Y.B. Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir salak) tidak hadir]

8. Dr. Haji Mohd Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) jumlah projek yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh KEDA dalam RMK-9; dan
- (b) jenis dan jumlah projek yang masih belum terlaksana hingga kini dan projek yang terpaksa ditutup dan punca penutupan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pendang. Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun ketiga, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ataupun KEDA telah melaksanakan 22 projek dalam pelbagai peringkat pelaksanaan berbanding 23 projek yang telah dirancang untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Projek yang masih belum dilaksanakan merupakan projek pembangunan vendor bantuan *machine* yang dijangka akan dimulakan pada tahun 2009. KEDA juga tidak mempunyai sebarang projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang terpaksa ditutup atau ditangguhkan pelaksanaannya.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Di antara salah satu projek KEDA yang memberi faedah langsung

kepada rakyat ialah perumahan KEDA. Di tempat saya ada dua perumahan KEDA ini iaitu di Lahat Tunjung dan juga di Tanjung Setol, Junun. Baru-baru ini pada bulan April, dibuka perumahan KEDA ini untuk rakyat yang miskin, tidak mempunyai rumah dan di jalankan penyiasatan dan ditemu duga dan mereka ini dipanggil untuk kursus induksi di Pusat Latihan KEDA di Sik.

Apa yang malang, setelah mereka ini mengikuti kursus, 13 orang daripada mereka ini telah dikeluarkan daripada senarai. Saya bertanya kepada pihak pengurusan KEDA, adakah ini merupakan prosedur biasa dan mengatakan ini bukan biasa. Setelah induksi, mereka ini akan dimasukkan di dalam projek perumahan KEDA tersebut.

Jadi pertanyaan saya, adakah penyiasatan perlu ataupun akan dilakukan oleh pihak kementerian kerana saya mendapat fahaman daripada mereka-mereka yang dikeluarkan ini, ianya adalah campur tangan daripada Adun Sungai Tiang. Jadi saya harap pihak kementerian dapat memberi jawapan kepada saya, apakah pihak Adun ini boleh mengatasi pegawai-pegawai KEDA yang telah memilih orang-orang miskin ini untuk ditempatkan di kawasan perumahan KEDA ini. Saya harap pihak kementerian dapat menjalankan penyiasatan, kalau tak dapat jawapan hari ini, boleh bagi jawapan bertulis kepada saya, terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Pendang. Jabatan ataupun kementerian ini dengan kerjasama lembaga atau pun jawatankuasa yang tertentu dan dibantu oleh juga kerajaan negeri sendiri memilih siapakah peserta-peserta atau pun orang-orang yang menerima bantuan yang dimaksudkan.

Sekiranya ada yang lari dari apa yang biasa kita laksanakan dan selepas komen dari Yang Berhormat tadi kita akan lihat dan saya akan bagi tahu perkembangan yang seterusnya. Terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah bertanggungjawab membawa pembangunan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Saya mahu tanya dengan menteri, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membawa pembangunan melalui kementerian kepada pekerja-pekerja estet yang dianaktirikan di negara ini di masa kini.

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Tak ada kena-mengena Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak ada kena-mengena.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ada Yang Berhormat. Saya tanya dengan kementerian...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia Menteri Sumber Manusia.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tak ada, saya tanya Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana ini bersangkut-paut dengan pekerja-pekerja di kawasan luar bandar, estet-estet...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak ada kena-mengena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena tumpu agensi KEDA ini.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Sebab itulah tak masuk dalam Kabinet.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri Luar Bandar.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Nanti, nanti pergi kursus, pergi kursus. Yang Berhormat Padang Serai pergi kursus ya. Macam mana jadi Ahli Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: 19 September ini, Menteri Luar Bandar itu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Menteri, bolehkah mereka membawa pembangunan untuk pekerja-pekerja ladang di kawasan luar bandar...

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Macam ini pun ada. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di luar soalan, di luar soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat. Timbalan Menteri, nak jawab?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tak payah jawab. Tak kena mengena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tak kena-mengena, ya.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tak apa. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tak payah jawab.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun:... Yang Berhormat Padang Serai. Jawatankuasa tertinggi telah dibuat, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya percaya soalan Yang Berhormat tadi sebenarnya adalah menumpu kepada orang-orang keturunan India ini, bangsa India.

Jawatankuasa ini dianggotai oleh beberapa orang menteri dan juga ahli-ahli dari luar kerajaan untuk membuat perancangan dan memberi penumpuan kepada isu-isu kemiskinan dan pembangunan ekonomi orang-orang bangsa India. Sekian terima kasih.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pergi kursus dahululah. *[Ketawa]*

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) tidak hadir]

10. Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi dan menangani peningkatan kadar kemalangan jalan raya terhadap penunggang dan pembonceng motosikal masa kini sejak kenaikan harga minyak yang menyebabkan lebih ramai orang memilih motor sebagai kenderaan untuk menjimatkan perbelanjaan.

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti bahawa penunggang dan pembonceng motosikal adalah golongan pengguna jalan raya yang paling berisiko tinggi yang terlibat dalam kematian di jalan raya di mana kes-kes kematian yang melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal setiap tahun adalah lebih kurang 58% daripada jumlah kes-kes kematian di jalan raya. Kerajaan juga memantau kedudukan semasa dan mendapati sejak kenaikan harga minyak lebih ramai pengguna jalan raya telah pun bertukar mod pengangkutan kepada pengangkutan awam dan motosikal. Ini bermaksud bahawa lebih ramai penunggang dan pembonceng motosikal akan terdedah kepada risiko kemalangan jalan raya. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah intervensi bagi mengelak seboleh mungkin berlakunya kemalangan jalan raya di kalangan mereka.

Berdasarkan perangkaan tahun 2007, dari kalangan 6,282 kes kematian di jalan raya, 3,646 kes kematian melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal yang mana 68% daripada mereka mati akibat kecederaan serius di kepala.

Hasil pemantauan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia ataupun MIROS mendapati adanya jurang perbezaan yang tinggi dari segi pemakaian topi keledar antara kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, didapati kadar pematuhan pemakaian topi keledar adalah sebanyak 95% berbanding dengan luar bandar, dalam lingkungan 30-40% sahaja. Ini bermaksud penunggang dan pembonceng motosikal di kawasan luar bandar adalah lebih terdedah kepada risiko kemalangan jika keberatan memakai topi keledar.

Tuan Yang di-Pertua, Memandangkan situasi yang sedia ada, kerajaan telah meningkatkan kempen evokasi terhadap penunggang dan pembonceng motosikal dan menasihatkan mereka supaya mereka dapat memakai dan mengikat tali topi keledar dengan kemas dan betul.

Kempen evokasi seumpama ini amat penting bagi mengingatkan penunggang dan pembonceng motosikal tentang pentingnya topi keledar sebagai satu-satunya alat keselamatan bagi melindungi mereka daripada kecederaan serius jika ditimpa kemalangan. Di samping kempen evokasi Tuan Yang di-Pertua, JKJR juga telah meningkatkan kempen melalui media elektronik dan media cetak agar mesej untuk memakai dan mengikat topi keledar dengan kemas dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Kempen media ini didapati amat berkesan dalam usaha merubah tingkah laku penunggang dan pembonceng motosikal.

Selain daripada kempen keselamatan jalan raya, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga akan membina lorong khas untuk motosikal bagi mengasingkan mereka daripada kenderaan yang lebih besar supaya risiko kemalangan jalan raya dapat dikurangkan.

■1050

Berdasarkan kajian oleh MIROS lorong khas motosikal dapat mengurangkan kematian di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal dengan kadar maksimum 80%, kerana mereka tidak lagi terdedah kepada bahaya ataupun risiko yang diakibatkan oleh kenderaan-kenderaan yang lebih besar dari segi saiznya. Hasil kajian MIROS menunjukkan dengan adanya lorong khas motosikal kerajaan dijangka akan dapat menyelamatkan enam nyawa bagi setiap ringgit yang dilaburkan. Oleh yang demikian, kerajaan akan merancang dan menyegerakan pembinaan lorong-lorong motosikal bagi menangani masalah peningkatan kemalangan jalan raya di kalangan penunggang dan pembonceng motosikal. Sekian.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita menyedari di sini bahawa dengan penstrukturan semula harga minyak seperti yang kita semua sedia maklum bukan sahaja harga barang turut naik tetapi nyawa rakyat turut terancam. Ini telah dibuktikan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi dan juga sebagaimana yang kita sedia maklum. Oleh itu seperti apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi maknanya akan mengadakan dan membina lebih banyak lorong khas motosikal.

Itu saya ucapkan tahniah, begitu juga dengan kempen berkenaan dengan keselamatan jalan raya, pakai topi keledar, gambar anak muda hendak pergi beli cili sos mengalami kemalangan jalan raya dan mati di jalan raya. Itu memang satu usaha yang sangat baik, cuma yang dikatakan bila itu agaknya kalau boleh diberi, bila akan dibina. Jadi kita hendakkan *date linenya* itu bila. Sebab ini sangat penting. 16 September itu insya-Allah dengan izin Allah akan berlaku.

Jadi tentang lorong khas motosikal ini yang ada ini pun untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri tidak disenggarakan dengan baik. Tolonglah bagi perhatian sebab ini nyawa rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan soalan Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang lorong khas itu sendiri pun tidak disenggarakan dengan baik Yang Berhormat Menteri. Jadi sering kali maknanya golongan yang berpendapatan rendah ya, itulah mereka menaiki motosikal mengambil risiko yang tinggi menaiki motosikal tetapi mereka ini tidak diberi perhatian.

Saya berharaplah Yang Berhormat Menteri di samping perancangan untuk membuat lebih banyak lagi lorong-lorong khas motosikal menyenggara dengan segera mengambil tindakan untuk menyenggara lorong-lorong khas yang telah sedia ada ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]* Tahniah Menteri Hal Ehwal Wanita.

Datuk Ong Tee Keat Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya boleh faham keprihatinan Yang Berhormat dari Titiwangsa tetapi suka saya hendak maklumkan Yang Berhormat, keprihatinan kita bersama tentang keselamatan pengguna jalan raya itu, itu tidak memilih corak politik ataupun fahaman politik. Dan itu pun bukanlah maknanya rakan-rakan kita di sebelah sana yang prihatin, kerajaan pun tetap prihatin. Kalau tidak, tidakkanlah ada daya usaha ini dan itu.

Sebelum saya jawab tentang lorong khas untuk penunggang motosikal itu, suka saya hendak betulkan tanggapan dan andaian Yang Berhormat bahawa bila saya sebut tadi risiko meningkat ianya merupakan risiko yang dihadapi oleh penunggang motosikal yang semakin ramai. Ianya tidak bermaksud bahawa bila harga minyak naik, maka risiko terus meningkat untuk setiap pengguna jalan raya ini ada bezanya. Dan jangan lupa bahawa terdapat juga pada masa yang sama ramai di kalangan kita *commuters* mengambil keputusan untuk menggunakan pengangkutan awam atau *public transportation*, dengan izin dan ini kena diambil kira.

Berbalik pada soal tadi iaitu lorong motosikal, saya suka hendak maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya daya usaha ini telah pun bermula sejak tahun 2002.

Dan dalam tempoh tahun 2002 hingga tahun 2007 kesemuanya terdapat 163.2 kilometer lorong khas telah pun siap dibina. Dan ianya memakan belanja lebih daripada RM125.68 juta lebih daripada angka itu, dan dijangka ianya akan berterusan sedangkan Yang Berhormat bangkitkan soal tentang penggunaan yang lorong itu setakat mana ianya dapat menyelesaikan masalah dan sebagainya. Yang Berhormat pun...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Penyelenggaraan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ong Tee Keat: Penyelenggaraan ya, penyelenggaraan ataupun *maintenance* itu sebenarnya ia tetap merupakan sebahagian daripada pakej yang dimaksudkan. Dan untuk makluman Yang Berhormat setakat ini program untuk perancangan untuk mewujudkan lorong khas untuk motosikal itu sedang berterusan dan ianya tengah rancak berjalan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, faktor kemanusiaan adalah merupakan antara penyumbang yang terbesar terhadap kemalangan dalam negara kita. Apakah usaha-usaha yang positif, yang drastik yang diusahakan oleh kementerian dalam membangunkan faktor kemanusiaan ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soal faktor kemanusiaan itu sebenarnya adalah sesuatu yang subjektif. Dan suka saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini pihak kementerian tetap berusaha untuk merubah sikap pengguna jalan raya khususnya dari segi tanggapan ataupun *sidekick* mereka, bila mereka didedahkan kepada kempen *advocacy* yang saya maksudkan tadi. Sebab biasanya kalau seseorang penunggang motosikal

umpamanya, dahulu bila seseorang itu disuruh untuk memakai topi keledar banyaknya bersikap sambil lewa ataupun lepaskan batuk atas tangga. Biasanya mereka itu ada yang memakai topi keledar tanpa mengikat dengan kemas.

Dan bila disoal mereka kebanyakannya menjawab bahawa mereka terpaksa pakai kerana takut ditahan polis ataupun penguat kuasa. Tetapi sekarang pula apa yang kita hendak buat adalah kita kena menasihatkan mereka, membangkitkan kesedaran mereka supaya mereka sedar bahawa ini adalah untuk kebaikan mereka, dan bukannya mereka berbuat demikian untuk mengelakkan diri daripada ditahan polis, ini bezanya Tuan Yang di-Pertua.

11. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) bagaimanakah berkesannya program kitar semula sampah yang telah dikutip secara pengasingan sampah mengikut jenis; dan
- (b) tindakan-tindakan proaktif yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan penggunaan bahan plastik yang tidak terbiodegradasi (*non-biodegradable*) sehingga tahap minimum.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dari Tawau. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat kementerian saya mendapati bahawa pada keseluruhannya Program Kitar Semula sampah atau sisa pepejal yang telah dikutip adalah berkisar berdasarkan kepada data-data yang diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan ataupun PBT yang menjalankan Program Kitar Semula.

Berdasarkan data bahan-bahan kitar semula yang telah dikutip daripada pusat-pusat kitar semula di PBT yang terlibat dengan Program Kitar Semula ini menunjukkan bahawa jumlah kutipan barangan kitar semula iaitu surat khabar, kotak, kertas putih, kertas bercampur, kaca, tin aluminium, tin besi, plastik, bateri, besi dan lain-lain telah meningkat daripada 511,000 kilogram dalam tahun 2001 kepada 51,000,000 kilogram dalam tahun 2007.

Mengenai penggunaan plastik yang tidak *biodegradable* atau tidak terbiodegradasi kementerian giat menjalankan Kempen Kesedaran Awam supaya pengguna mengurangkan penggunaan plastik dalam urusan membeli belah mereka.

■ **1100**

Kesedaran awam telah dijalankan bersama-sama dengan Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia, rangkaian enam pasar raya iaitu Carrefour, Giant, Mydin, Tesco, Jusco dan The Store. Di samping itu, melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, kementerian saya diberikan kuasa untuk membuat peraturan bagi menangani isu plastik tidak terurai ini seperti menghendaki pengeluar menggunakan bahan yang mesra alam dan juga menghadkan penggunaan dan penghasilan plastik. Sekian.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkaitan dengan masalah sampah. Adakah pelan kementerian menggunakan sampah bagi tujuan *incinerator* yang boleh menjanakan tenaga elektrik selain membantu menyelesaikan masalah sampah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak? Bagaimanakah kemajuan pelan itu serta berapa buah *incinerator* telah dibina dan prestasinya? Sekian.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat Tawau. Memang kementerian saya mempunyai satu program kemungkinan gunakan *incinerator* untuk pengurusan sampah untuk mengeluarkan tenaga elektrik. Ini kerana ada banyak teknologi dari negara-negara maju. Kementerian sedang menyiasat apakah teknologi yang paling sesuai untuk digunakan di negara kita seperti di dalam tajuk 'Kos, skill, pendekatan dan saiznya'.

Bagi maklumat untuk berapa *incinerator* akan dibina di Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak, ini belum pasti ya. Saya tidak angka di sini kerana kementerian saya belum beri keputusan berapa akan dibina. Sekian.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini, saya membaca laporan akan dikuatkuasakan tahun depan.

Memandangkan tiga buah syarikat konsesi besar telah diberi untuk menguruskan sisa pepejal ini, saya nak tanya pihak kementerian, apakah jaminan boleh diberi kepada syarikat-syarikat kecil, pertubuhan-pertubuhan untuk tujuan amal ini, individu-individu yang sepanjang masa ini menjalankan aktiviti kitar semula ini perlindungan diberi kepada mereka, agar tiga konsesi besar ini tidak menindas mereka dalam menjalankan aktiviti kitar semula ini. Apa jaminan bahawa pendapatan mereka tidak akan terjejas dalam aspek ini dan bagaimanakah atau apakah mekanisme yang sedia ada oleh kementerian untuk memantau bahawa tiga konsesi ini menjalankan tanggungjawabnya dengan penuh bertanggungjawab.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Tiga konsesi ini akan menandatangani satu perjanjian dengan kementerian saya. Di bawah perjanjian itu ada banyak syarat. Daripada itu, ada satu kita akan pakai KPI. Kalau sesiapa konsesi itu dia tidak mematuhi syarat-syarat itu, kami akan beri tindakan yang berat iaitu termasuk menghapuskan kontrak. Saya yakinlah tiga konsesi ini di bawah akta yang baru iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, saya fikir operasi mereka akan lebih berkesan.

Tentang kepentingan individu atau kontraktor-kontraktor yang kecil, kita pun beri perhatian kerana di bawah perjanjian di antara tiga konsesi dengan kementerian saya, ada satu syarat yang mereka perlu menerima pekerja-pekerja daripada kontraktor kecil supaya mereka tidak hilang peluang pekerjaan.

[Soalan No.12 – Y.B Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat) tidak hadir]

13. Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan bagaimana kementerian membantu negeri-negeri dalam mendokumentasikan pengkalan warisan kebudayaan yang unik dan memastikan ianya sentiasa ada untuk kegunaan orang awam.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sentiasa memelihara dan memulihara warisan negara yang meliputi warisan kebudayaan ketara ataupun *tangible* seperti bangunan dan monumen. Warisan kebudayaan tidak ketara atau *intangible* seperti muzik dan tarian serta warisan alam semula jadi yang meliputi flora dan fauna.

Mengenai bantuan kepada negeri-negeri untuk pendokumentasian warisan kebudayaan yang unik, pihak kerajaan melalui beberapa agensinya telah menjalankan pelbagai usaha yang meliputi kerja-kerja penyelidikan, kajian, pendokumentasian dan lain-lain.

Antara langkah-langkah dalam pendokumentasian ini, ianya meliputi penyimpanan dalam bentuk VCD dan cakera padat, lukisan terukur dan Kajian Dilapidasi bagi bangunan dan monumen, penyalinan semula dokumen dan manuskrip, penerbitan buku-buku dan katalog dan sebagainya. Hasil-hasil kajian dan pendokumentasian adalah untuk disimpan serta untuk disebarkan kepada orang ramai melalui pelbagai agensi di bawah kementerian termasuk pengujudan buku daftar dan inventori oleh Jabatan Warisan Negara, penganjuran pameran oleh Jabatan Muzium Malaysia, penyimpanan filem-filem dokumentari oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional atau FINAS, penyimpanan bahan-bahan manuskrip dan rekod oleh pihak Arkib Negara Malaysia. Usaha-usaha pengembangan oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan lain-lain yang juga boleh diakses oleh masyarakat umum. Pihak kerajaan percaya bahawa dengan usaha-usaha yang telah dijalankan, ianya akan dapat membantu negeri-negeri bagi memastikan khazanah warisan unik akan terus terpelihara dan dapat diakses serta dapat disebarkan kepada orang ramai.

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan muzium budaya bagi mengekalkan semua khazanah ini. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini memang kita ada Taman Budaya di kebanyakan negeri tapi bagi rancangan menubuhkan Muzium Budaya di peringkat negeri masih di dalam pertimbangan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: [Bangun]

Tuan Haji Ahmad Kassim [Kuala Kedah]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan usaha untuk mengekalkan warisan

kebudayaan yang unik dan terserlah. Adakah beliau bersetuju bahawa kita mesti memberikan kebebasan seperti dalam peribahasa Cina [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*]

■1110

Let a hundred flowers bloom, let a hundred schools contend. Iaitu biarlah seratus pokok berbunga, seratus sekolah berdaya saing. Dalam aspek ini, apakah usaha-usaha untuk memenuhi aspirasi ini supaya kita ada satu kebudayaan yang kreatif, inovatif dan juga berdaya saing. Dalam aspek ini, saya juga meminta pihak timbalan menteri kerana pengiktirafan yang diberikan oleh UNESCO kepada Georgetown kepada satu tapak warisan dunia amatlah membanggakan bukan sahaja rakyat negeri Pulau Pinang tetapi juga mengharumkan nama Malaysia. Memang diakui bahawa Malaysia dalam dunia ada status dan kedudukan yang diiktiraf dalam peringkat antarabangsa dalam aspek warisan.

Adakah pihak kerajaan bersedia membantu untuk menambah nilai dan mempromosikan usaha warisan ini dengan memberikan kemudahan pinjaman sebanyak RM200 juta supaya ia dapat terus dikekalkan dan juga memberikan satu gambaran kepada peringkat antarabangsa bahawa kita benar-benar cintai dan memberikan penekanan ke atas usaha mengekalkan tapak warisan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, memang telah menjadi dasar kerajaan bahawa kerajaan sudah berulang kali menyatakan bahawa kekuatan kebudayaan negara adalah berlandaskan kepada ciri-ciri kepelbagaian budaya negara kita. Jadi dari segi itu memang perkembangan budaya pelbagai kaum itu digalakkan. Bukan sahaja digalakkan, malah ia diberi bantuan juga. Boleh saya nyatakan beberapa jenis bantuan yang telah diberikan melalui kementerian ini.

Yang pertama, kementerian memberi bantuan dari segi penyelidikan kepada kerajaan negeri. Sungguhpun peruntukan itu kecil sahaja, tetapi usaha itu telah dipamerkan iaitu peruntukan sebanyak RM5,000 bagi setiap program penyelidikan kebudayaan atau kesenian diberikan melalui JKKN atau Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri untuk mengadakan penyelidikan terhadap budaya-budaya tertentu supaya ia boleh dikekalkan untuk generasi yang akan datang.

Yang kedua, bukan sahaja JKKN, kalau mana-mana NGO yang berminat untuk mengadakan penyelidikan juga diberi bantuan kewangan RM5,000 untuk setiap penyelidikan. Selain daripada itu, hasil penyelidikan itu akan diterbitkan dalam bentuk buku, risalah, CD, VCD dan diedarkan kepada semua perpustakaan di seluruh negara. Kita mempunyai 1,089 buah perpustakaan desa di seluruh negara dan maklumat-maklumat itu akan diedarkan kepada seluruh lapisan rakyat supaya sesuatu hasil penyelidikan itu dan juga sesuatu kekayaan budaya itu dapat dikekalkan.

Selain daripada itu, kementerian juga memberi bantuan khidmat nasihat dan latihan dalam bentuk mengadakan bengkel untuk pendokumentasian, dan bengkel cara penyelidikan. Ini diberi kepada semua penggiat-penggiat seni budaya tanpa mengira kaum atau parti, dan tempat.

Yang akhir sekali dari segi bantuan peralatan juga melalui Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negeri dan juga melalui FINAS. Sekiranya sesuatu badan NGO atau kerajaan negeri mempunyai minat untuk mendokumentasikan sesuatu dalam bentuk filem, boleh menghubungi FINAS. FINAS akan menyediakan bantuan dari segi alat dan nasihat kepakaran.

Jadi itulah bentuk bantuan yang diberikan. RM200 juta yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu pada masa ini memang kita mengalami situasi perbelanjaan berhemah. Perbelanjaan untuk Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pun sudah dikurangkan *half* termasuk perbelanjaan perayaan hari kemerdekaan. Ini satu langkah yang sementara. Apabila keadaan ekonomi bertambah baik, saya rasa kerajaan dapat menimbangkan permintaan daripada Yang Berhormat tadi.

14. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Kewangan menyatakan siapakah pemilik sebenar Pos Malaysia, mengapakah kerajaan memilih Pos Malaysia sebagai ejen kerajaan untuk melaksanakan pembayaran rebat (minyak) dan berapakah kadar komisen atau caj yang dibayar atau akan dibayar oleh kerajaan kepada Pos Malaysia untuk pembayaran rebat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pemegang-pemegang saham terbesar Pos Malaysia Berhad setakat 8 Ogos ini adalah seperti berikut:-

- (i) Khazanah Nasional Berhad memegang 32.22%;
- (ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja - 9.74%;
- (iii) Aberdeen Asset Management - 9.38%;
- (iv) Aberdeen Asset Management Asia Ltd. - 7.51%;
- (v) Utilico Emerging Markets Ltd. - 6.96%.

Baki saham 34.19% dipegang oleh 20,007 pemegang saham lain yang masing-masing memiliki pegangan kurang dari 5%. Kerajaan telah memilih Pos Malaysia untuk melaksanakan pembayaran rebat tunai di bawah penstrukturan semula subsidi petrol dan diesel memandangkan aktiviti pengurusan bayaran bukanlah merupakan perkara yang baru kepada Pos Malaysia selaku salah satu ejen pungutan bagi pembayaran bil setempat, cukai tanah, transaksi pelaburan Amanah Saham Bumiputera dan sebagainya.

Di samping itu, Pos Malaysia yang mempunyai 686 buah cawangan di seluruh negara serta dilengkapi dengan sistem *online* dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menjadi pilihan utama orang ramai untuk memperbaharui cukai jalan di mana 60% daripada aktiviti ini telah diuruskan oleh Pos Malaysia. Kerajaan juga telah mengambil kira faktor keupayaan Pos Malaysia untuk melayani tuntutan pemilik-pemilik kenderaan yang telah membaharui cukai jalan pada bulan April hingga Mei 2008 iaitu sebelum pelaksanaan pembayaran rebat tunai

diperkenalkan pada Jun 2008. Berdasarkan faktor-faktor ini, kerajaan yakin Pos Malaysia dapat melaksanakan tugas pembayaran rebat tunai dengan lancar.

Pada masa ini, kadar bayaran komisen atau caj yang akan dikenakan kepada kerajaan masih lagi dalam peringkat perbincangan dengan Pos Malaysia. Sekian.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tanya soalan tambahan mengenai dengan hal ini di mana harga minyak sekarang ini telah turun dan sama ada kerajaan berhasrat untuk memberi rebat lebih banyak kepada pengguna-pengguna ataupun rakyat Malaysia. Saya amat hairan kenapakah kerajaan telah melantik Pos Malaysia tetapi hingga sekarang sudah dua tiga bulan tidak menetapkan apa-apa caj yang akan dikenakan oleh Pos Malaysia ataupun tidak ada apa-apa rundingan. Bukankah ini satu sikap yang amat menghairankan. Kenapakah kerajaan tidak membuat satu *open tender* untuk perkhidmatan ini supaya bank-bank ataupun pertubuhan yang lain boleh ambil bahagian dan juga caj komisen mungkin boleh kurang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju atas soalan tambahan. Sebenarnya walaupun harga minyak pada masa sekarang menurun dan kita akan menstrukturkan semula harga minyak mulai 1 September ini, kemungkinan besar harga di stesen minyak akan turun. Walau bagaimanapun kerajaan akan kekal membayar seperti yang telah dijanjikan membayar balik rebat sehingga 31 Mac dengan kadar yang telah dijanjikan. Berkenaan dengan caj oleh Pos Malaysia. Sebenarnya kerajaan tidak sempat menjalankan satu open tender ataupun mencari cara yang lain oleh sebab kesuntukan masa. Bila kita umum dalam masa dua minggu kerana kerajaan secara amnya ada satu persefahaman dengan Pos Malaysia.

Pada Bajet 2006, kerajaan sudah ada satu persefahaman dengan Pos Malaysia di mana urusan pungutan iaitu bayaran yang diuruskan oleh Pos Malaysia itu, kita ada satu had maksimum iaitu untuk Pos Malaysia menerima bayaran. Had maksimum yang tidak melebihi RM2 satu transaksi tetapi untuk kes ini ia adalah Pos Malaysia membayar bukan memungut. *So there is different, Pos Malaysia is paying not collecting* dan oleh sebab itu kita masih dalam perbincangan dengan Pos Malaysia dengan satu kadar yang munasabah. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kita sebenarnya berpuas hati dengan perkhidmatan Pos Malaysia ini tetapi satu sahaja yang kita sering tidak puas hati...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak puas hati.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat] ... tentang perkhidmatan pos laju ini. Ini menteri alam sekitar ini saya ada senarai.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Pos laju tidak laju ya, *slow*?

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Kabinet Pakatan Rakyat Yang Berhormat Pokok Sena Menteri Alam Sekitar, tidak usah ganggulah.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Eh silap itu Timbalan Perdana Menteri.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *Pos online*, lambat.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Jadi saya ingin tahu apakah usaha untuk memperbaiki perkhidmatan pos laju ini sebab bila kita hantar surat dua, tiga hari juga sampai. Boleh tidak dipertingkatkan kalau hari ini kita hantar, semalam sudah sampai? Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, terima kasih atas keyakinan atas pembayaran rebat yang diuruskan oleh Pos Malaysia tetapi saya ingat pos laju ini di luar tajuk soalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kena pergi kursus juga ini.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Senarai menteri Kabinet.

15. Tuan Masir Kujat [Sri Aman] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Klinik Desa Banting akan dibina.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Sri Aman. Projek Klinik Kesihatan Desa Banting yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dijangkakan dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu selepas 2010.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih kerana hendak melaksanakan projek ini pada Rancangan Malaysia Kesepuluh. Soalan yang saya kemukakan ialah mengenai sebab pampasan tanah telah dibuat beberapa tahun yang lalu. Jadi ada jurang perbezaan pelaksanaan dengan pampasan tanah. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Dalam mengimplementasikan mana-mana projek biasanya tanah menjadi *priority*, jika tanah sudah diselesaikan, kita akan bagi *priority* bagi projek tersebut. Walau bagaimanapun dalam dengan izin *mid-term review* kita berhadapan dengan kekurangan dana, sebab itu kita tunda kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh dan saya akan pastikan Klinik Desa Banting ini menjadi *priority* bila bermulanya Rancangan Malaysia Kesepuluh.

16. Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta Menteri Pelancongan menyatakan bilangan dan kos papan-papan iklan promosi pelancongan yang diletak di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan serta rasional bagi gambar-gambar YAB Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta menteri turut dipaparkan di papan-papan iklan berkenaan, apakah kajian saintifik yang menunjukkan gambar-gambar berkenaan turut membantu menggalakkan pelancongan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada menteri, tidak ada timbalan menteri, tidak ada kementerian? Ada papan sahaja.

- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada wakil?
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini tanda-tanda.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mahu kutuklah ini menteri, bukan potong RM10, potong gaji 10 bulan.
- Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Buang gambar di lebuh rayalah.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Pecat.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada Yang Berhormat menteri untuk menjawab bagi pihak? *[Dewan riuh]*
- Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia pergi melancong tu.
- Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bolehkah ini dia tidak tahu.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dengar dulu Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bukan, dia tidak tahu apa itu.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita dengar dulu Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Sungguhpun peraturan mesyuarat membenarkan tetapi dia tidak tahu dia bukan diwakilkan oleh kementerian.
- Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Bagi Tuan Yang di-Pertua lah cakap.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan Yang Berhormat jawab Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Mana boleh Tuan Yang di-Pertua untuk melantik siapa jawab.
- Tuan Ahmad bin Maslan [Pontian]:** *Collective responsibility.*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Biarkan dia jawab Yang Berhormat.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Bukan. Kalau dia diwakilkan oleh menteri atau timbalan menteri berkenaan, boleh. Sekarang dinamakan oleh Tuan Yang di-Pertua mana boleh.
- Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ini salah guna peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua salah gunakan peraturan mesyuarat.
- Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Menteri jawab bagi pihak kerajaan.
- Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Lagipun Tuan Yang di-Pertua tidak boleh menamakan siapa jawab.
- Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Malulah, *first class.* Bekas Ketua Pembangkang berperangai macam ini.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Apalah bekas ketua pembangkang berperangai macam ini,

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur jangan tuduh Tuan Yang di-Pertua macam itu. Saya tidak namakan dia, saya tidak ada menamakan Timbalan Menteri Kesihatan saya cuma menjemput sama ada ada menteri yang boleh berdiri untuk menjawab secara bertulis. Tidak ada pun saya namakan, Yang Berhormat Ipoh Timur jangan tuduh Tuan Yang di-Pertua macam itu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, tidak boleh ini peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, itu isu lain. Isu saya cakap sekarang ini Yang Berhormat Ipoh Timur menuduh saya menamakan Timbalan Menteri Kesihatan, tidak ada Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tetapi ini malulah, apa Barisan Nasional? Kempen di Permatang Pauh sahaja, semua pergi sana. Malulah macam ini.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Biar Tuan Yang di-Pertua buat keputusanlah. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Sudah tukar kementeriankah?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: ...untuk menjawab Soalan 16 mewakili Kementerian Pelancongan. Saya minta izin dengan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Macam inilah ikut peraturan. Bila suruh duduk, duduklah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ikut peraturan menteri kena datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kewibawaan sudah jatuhlah, *authority confidence* malulah ini untuk Barisan Nasional. Tentu kalah di Permatang Pauhlah macam ini. Bukan sahaja kalah, kalah dengan majoriti yang besar, paling besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab bilangan dan kos-kos papan iklan promosi pelancongan ini sedang berjalan dan tidak ada secara *detail* kos-kos dan bilangan, saya mohon izin agar soalan ini dijawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sudah jawablah. Soalan tambahan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tanya dia, tanya dia.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini diberi masa dekat satu bulan untuk jawab mana boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berdiri, tidak ada

jawapan, ini sangat tidak bertanggungjawab. Kita mahu tahu kenapa mahu gambar-gambar Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pelancongan? Syok sendiri sahaja! Syok sendiri menggunakan wang rakyat untuk syok sendiri. Inilah *criminal negligence irresponsibility*. Bolehkah perkara seperti ini diberhentikan? Turunkan semua papan iklan itu, turunkan gambar-gambar khasnya oleh sebab Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional sendiri pun hilang kepercayaan kepada pucuk pimpinan. GERAKAN ada suara-suara mahu keluar Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, soalan Yang Berhormat?

■1130

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa guna ada gambar? Bolehkan tarik pelancong-pelancong?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan halau sahaja pelancong-pelancong. Bukan tarik pelancong-pelancong.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Soalan apa? Soalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini tanda suatu kerajaan akan jatuh, jahanam di negara kita. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Gambar Yang Berhormat Ipoh Timur tidak cantik. Letaklah gambar Perdana Menteri.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya gambar-gambar yang berada di tepi-tepi jalan raya dan juga lebuh raya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan ganggu Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Sekejaplah. Yang memberi gambaran gambar Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri atau gambar-gambar menteri-menteri yang lain adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memberitahu tentang program dan aktiviti pelancongan. *[Dewan riuh]*

Kalau kita pergi, kalau kita pergi ke...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Dengarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan Yang Berhormat ya.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau kita pergi ke Kedah, ada juga gambar-gambar yang memberi gambaran bahawa gambar Menteri Besar pun ada. Kerajaan yang ada sekarang.

Seorang Ahli: Betul, betul.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Jadi kita berlapang dada. Kita tidak pernah kata bahawa gambar-gambar ini memberi kesan negatif. Tidak kiralah siapa kerajaan berkuasa,

bolehlah memberitahu rakyat dan masyarakat tentang program-program yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan pelancongan itu bermanfaat kepada rakyat. Akan tetapi kalau kerajaan DAP Pulau Pinang tidak ada gambar dia, itu dia punya silaplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa tidak ada kajian saintifik yang mengatakan bahawa gambar-gambar ini ada kesan atau tidak mengenai galakan pelancongan. Akan tetapi program ini baru dan kalau ada saranan daripada pihak Yang Berhormat Ipoh Timur perlu ada kajian saintifik – kita boleh buat kajian saintifik. Tidak ada masalah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sesi soal jawab telah tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANGPERBEKALAN 2009

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDIDIKAN (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang di tangguh atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[20 Ogos 2008]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Hulu Terengganu untuk menyambung perbahasan.

11.34 pg.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang pada kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran menerusi pindaan akta ini kerana ia merupakan satu lagi usaha memperkasa dan mengangkat martabat profesion perguruan selaras dengan teras lima pelaksanaan PIPP.

Dengan pindaan Akta Pendidikan ini membolehkan institusi pendidikan guru mengeluarkan ijazah kepada penuntut-penuntutnya yang sebelum ini hanya mengeluarkan di peringkat sijil dan diploma. Saya amat yakin bahawa pindaan akta ini menjadikan institusi perguruan akan meningkatkan mutu pendidikannya. Saya harap taraf pensyarah juga harus ditingkatkan sama ada dari segi gred jawatannya ataupun dari segi kelulusannya. Namun demikian, kita mahu institusi pendidikan guru ini kekal di bawah Kementerian Pelajaran kerana ia adalah berkaitan secara langsung dengan pihak sekolah.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu. Jadi bila menyebut kenaikan taraf institusi itu, rasa saya ketiga-tiganya elemennya kena sama. Satu ijazahnya, kedua dari segi nama institusi itu sendiri dan tanggungjawabnya dan ketiga pensyarah-pensyarah ataupun staf yang ada dalam institusi itu.

Jadi, kalau kita lihat sekarang IPD iaitu Institut Pendidikan Guru, pensyarahnya masih lagi dalam gred gaji atau dia punya klasifikasi atau namanya DG. Kalau kita lihat pensyarah di universiti ialah DS dan pensyarah di UiTM grednya DM. Jadi, saya mencadangkan agar dibuat satu gred yang baru khusus untuk IPD ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis di atas pertanyaan tersebut. Pada saya oleh kerana Institut Pendidikan Guru ini merupakan sebahagian daripada Kementerian Pelajaran, saya lebih berminat supaya gred jawatan kepada pensyarah terus dikekalkan dengan DG cuma ditingkatkan grednya dari DG41 ke DG44 ataupun DG48 ke DG 52. Itu saja.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Pohon mencelah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sekejap, sekejap. Saya yakin langkah ini akan dapat merealisasikan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia supaya 100% guru di sekolah menengah dan 5% guru di sekolah rendah merupakan guru berijazah menjelang tahun 2010. Sudah tentu dengan penempatan guru berijazah ini akan meningkatkan lagi kualiti pendidikan di negara kita. Silakan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Yang Berhormat, saya mencadangkan begitu bukan kerana. Kerana kalau kita buat perjawatan dalam IPG itu nanti sebagai perjawatan

terbuka, jadi kita tidak dapat meningkatkan kualiti dan kemahiran dan sebagainya kepada pensyarah, sebab pensyarah katakan mereka masuk dengan gred DG41 sebagai pensyarah, apabila mereka naik ke gred DG44, mereka mungkin boleh berpindah ke tempat lain kerana jawatan-jawatan ini terbuka dan juga pegawai-pegawai pelajaran daripada bahagian-bahagian yang lain yang tidak terlibat dalam syarahan dan sebagainya mungkin boleh dipindahkan ke IPG.

Kesannya kesinambungan dari segi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang diajar di IPG itu nanti terputus dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya masukkan sebahagian daripada cadangan Yang Berhormat Lipis dalam ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan rasa sukacita saya apabila nisbah guru kelas telah dinaikkan daripada 1.5 kepada 1.7 yang mengakibatkan pertambahan guru-guru di sekolah kita kira-kira lebih 33,000 orang. Sudah tentulah penambahan ini memberikan ruang dan peluang kepada anak-anak kita untuk melibatkan diri sebagai guru. Dengan penambahan ini juga memberi keringanan, memberi waktu yang lebih banyak kepada guru.

Kalau selama ini mereka mengajar di antara 26 hingga 28 waktu seminggu, dengan pembesaran nisbah ini membolehkan guru-guru kita mengajar 24, 22 ataupun 20 waktu seminggu.

■1140

Kita mengharapkan dengan pengurangan waktu mengajar ini membolehkan guru-guru kita membuat persiapan dan persediaan yang lebih rapi supaya pengajaran mereka akan lebih berkesan dan lebih menyeronokkan. Saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kerajaan memperkenalkan program j-QAF, Jawi, Quran, bahasa Arab dan Fardu Ain.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat, boleh saya sentuh isu yang guru tadi?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sekejap lagi. Dengan pengenalan program ini membolehkan anak-anak kita yang berkelulusan dalam bidang Agama Islam menjadi guru sehingga ramai anak-anak kita yang pulang dari Mesir, yang belajar di Jordan menjadi guru j-QAF.

Sayang seribu kali sayang Tuan Yang di-Pertua, susu yang kita beri, tuba yang mereka balas. Sebahagian kecilnya mereka tikam kita dari belakang, mereka merupakan yang tidak begitu mengenang budi. Silakan.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Usaha pindaan ini dibuat adalah untuk memartabatkan kaum guru adalah merupakan usaha yang sangat murni tetapi kita juga ingin melihat bagaimana latihan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada guru-guru yang masih dilatih di institusi ini. Saya mencadangkan kalau Yang Berhormat bersetuju, kita

kemukakan kepada kerajaan supaya pengkhususan latihan ini dapat diberikan di institusi ini. lanya supaya lahirah guru-guru pakar dalam bidang-bidang tertentu. Kita melatihnya dalam bidang matematik yang sempurna dan dia lahir sebagai guru pakar matematik.

Begitu juga dengan subjek-subjek yang lain tetapi latihan kini yang diberikan kepada guru-guru kita di institusi ini terlampau banyak mata pelajaran yang dibebankan kepada mereka. Akhirnya mereka lahir sebagai guru yang tidak mampu menunaikan tanggungjawabnya begitu berkualiti sekali.

Yang keduanya, mesti ada keseimbangan di antara pusat latihan guru di institusi yang telah pun ditetapkan oleh kerajaan dengan pegawai-pegawai yang menempatkan guru-guru ini. Guru yang telah pun kita latih ini berkualiti, bersemangat tinggi untuk mengajar tetapi ditempatkan di sekolah-sekolah yang tidak memerlukan subjek yang mereka dilatih di institusi tersebut; maka lahirah guru-guru yang bukan opsyen ditempatkan terutama sekali di sekolah-sekolah luar bandar. Ini melunturkan sama sekali semangat daya juang dan juga kebolehan guru ini mengajar. Bersetujukah Yang Berhormat dengan cadangan saya?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat. Cuma di bahagian awal tadi yang mengatakan bahawa pelatih-pelatih kita di institut perguruan dibebankan dengan pelbagai mata pelajaran mungkin kurang tepatlah. Oleh sebab, anak-anak kita yang ditawarkan mengikuti kursus-kursus perguruan itu telah pun ditetapkan opsyennya sama ada Bahasa Melayu ke, Bahasa Inggeris ke, Sains ke atau ketiga-tiganya dan biasanya tidak lebih daripada tiga. Subjek-subjek lain merupakan tambahan kepada pembentukan sebagai seorang guru. Selebih daripada itu, saya masukkan sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat dalam perbincangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kerajaan dan penstrukturan jawatan di peringkat kementerian, jabatan PPD dan sekolah memberi peluang yang sangat besar kepada guru-guru untuk kenaikan pangkat. Saya yakin kenaikan pangkat ini tidak berasaskan gender ataupun etnik. Ia berasaskan dan berdasarkan prestasi dan *seniority* di samping kesanggupan peserta itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin menarik perhatian tentang kenaikan pangkat ini. Saya dapati bahawa memang kita bersetuju, rakan-rakan kita di Sabah dan Sarawak mempunyai tahap perkhidmatan yang lebih pendek untuk kenaikan pangkat berbanding dengan rakan-rakan kita di Semenanjung. Namun demikian, sekiranya kenaikan pangkat itu dibawa ke Semenanjung, tentulah akan timbul perbezaan dari segi *seniority* nya dan ini akan mengecilkan hati rakan-rakan kita di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, tentang peluang kenaikan pangkat ini, juga saya ingin menarik perhatian bahawa pelaksanaannya terlalu lambat...

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Boleh mencelah?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...ibarat kura-kura sedang berjalan. Silakan sahabat saya.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saudara saya dari Hulu Terengganu. Menyentuh soal kenaikan pangkat guru-guru ini, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat kepada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sejak dua tahun yang lalu. Bila mana pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Awam dimasukkan ke Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri menjawat jawatan M52, M44 yang mana saya rasa ini adalah satu tindakan kementerian yang sekali-kali tidak patut.

Kita ada 350 ribu orang guru, dengan bilangan ini peluang kenaikan pangkat dalam bidang pendidikan ini memang kecil, sempit atau terhad sekali. Tindakan kementerian ini saya rasa satu tindakan yang tidak bijak dan perlu dikaji semula kerana kita faham JPA orangnya sedikit. Setakat ini mengikut jawapan yang saya terima dari kementerian, 3,004 ahli-ahli JPA telah dimasukkan ke Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri. Langkah ini saya rasa adalah satu langkah yang amat dikesali dan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat fikir-fikirkan, 350 ribu guru-guru ini akan membawa pengundi lebih daripada sejuta.

Jadi ini satu amaranlah kepada Yang Berhormat juga kalau guru-guru ini buat tsunami politik juga, saya rasa ianya lebih mengancamkan Barisan Nasional pada masa akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya. Memanglah kita pun tidak begitu bersetuju dengan kemasukan pegawai-pegawai PTD ke Jabatan Pelajaran. Namun demikian, kita mengharapkan dengan kemasukan pegawai-pegawai PTD tadi ianya akan membantu pihak kementerian supaya mempercepatkan dan melicinkan perjalanan pengurusan di pihak jabatan. Selebih daripada itu kita harap supaya ruang perbincangan akan menjadi lebih luas dan lebih terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi bahawa walaupun pengumuman demi pengumuman diumumkan tentang kenaikan dan peluang naik pangkat kepada guru-guru tetapi perjalanannya terlalu lambat. Sebagai contoh, suka saya kemukakan bahawa di Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu, jawatan ketua sektor yang sepatutnya DG52, masih lagi di peringkat DG48. Ketua sektor penilaian dan peperiksaan dan ketua sektor agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya ingin menarik perhatian tentang kenaikan pangkat ini yang tidak seimbang. Saya dapati bahawa di daerah saya, ada 10 buah sekolah menengah, tujuh orang pengetua mendapat DG52. Tujuh orang guru akademik tingkatan enam akan ditawarkan DG52 tetapi PPD nya yang menjadi ketua dalam sistem pendidikan di daerah saya masih kekal DG48. Apatah lagi saya dengar cerita, saya harap cerita itu tidak betul bahawa PPD yang bukan gred A, gred B iaitu gred C masih kekal dengan DG48 dan ini akan menyulitkan dan menyukarkan mereka untuk menyelia dan berkomunikasi dengan pengetua-pengetua dan guru-

guru. Kalau kita lihat tentang penempatan pegawai PPD di jabatan-jabatan pelajaran ianya amat mengguris hati guru-guru kita.

■1150

Maklumlah, bahawa pegawai PTD yang ditempatkan sama ada yang dapat M44, kira-kira baru berkhidmat selama empat tahun dan mendapat pula M48 yang berkhidmat kira-kira 10 tahun. Namun, guru-guru kita yang telah berkhidmat dua tahun, 22 tahun masih kekal dengan DG48.

Tuan Yang di-Pertua, semalam ada beberapa Yang Berhormat menyatakan bahawa profesion perguruan merupakan pilihan terakhir setelah gagal mendapat jawatan lain. Dahulu mungkin benar tetapi sekarang sudah tidak lagi. Saya sering didatangi oleh ibu bapa dan anak-anak supaya berusaha membolehkan mereka memasuki kursus perguruan dan pada tahun ini, kira-kira 108,000 orang pemohon telah memohon untuk mengikuti Kursus Perguruan Lepas SPM tetapi hanya diterima kira-kira 500 orang sahaja kerana kekurangan tempat.

Ini tidak termasuk permohonan mengikuti kursus KPLI. Mungkin yang memohon mengikuti kursus bahasa Mandarin agak kurang kerana saya masih ingat kata rakan saya yang berketurunan Cina kepada anaknya. Saya ikut kata-katanya, "Kamu malas belajar, kamu hendak jadi cikgu kah?" Yang menggambarkan bahawa masyarakat Cina tidak memandang tinggi profesion perguruan atas sebab itulah, guru bahasa Cina tidak mencukupi dan saya harap Yang Berhormat rakan-rakan kita terutama daripada DAP berusaha supaya memujuk anak-anak dari keturunan Cina memohon jawatan guru khususnya opsyen bahasa Cina.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan pemilihan calon-calon ke institusi pendidikan guru akan dibuat secara teliti. Penetapan berasaskan kepada agenda juga penting kerana ada tugas-tugas guru lebih sesuai untuk agenda tertentu sahaja. Tugas guru disiplin lebih sesuai untuk guru lelaki. Kegiatan ko-kurikulum kalau ada pelajar perempuan mesti ada guru perempuan, kalau pelajar lelaki mesti ada guru lelaki.

Pemilihan-pemilihan calon tentulah berasaskan kepada kelulusan akademik kegiatan ko-kurikulum dan sikap. Malah, ada pendapat yang mengatakan dari segi rupa paras juga penting supaya murid-murid lebih tertarik kepada guru-guru mereka dan bila mereka tertarik, insya-Allah mereka akan dapat belajar dengan lebih baik. Yang lebih penting ialah minat dan komitmen guru-guru tersebut.

Kurikulum dan institusi perguruan juga perlu kepada perubahan. Ianya harus digubal berdasarkan keperluan sekolah. Penekanan bukan sahaja kepada subjek opsyen yang akan diajar oleh guru-guru tersebut tetapi juga penekanan juga harus diberikan dari segi penguasaan ilmu psikologi, ilmu memahami tingkah laku manusia sama pentingnya dengan subjek itu sendiri. Sesungguhnya, insan itu tidak mempunyai potensi yang sama. Tugas cikgulah untuk mengenal pasti potensi yang ada pada murid-muridnya dan untuk mengembangkan potensi tersebut. Kata

orang, “Kalau seorang doktor membuat kesilapan, mati seorang insan tetapi kalau seorang guru membuat kesilapan, mati satu generasi”.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya pihak institusi mesti mendidik bakal guru supaya menghayati sikap yang positif. Semangat patriotik mesti ditekankan kepada mereka. Dalam soal ini, mata pelajaran sejarah yang membincangkan tentang pembentukan negara bangsa mesti diajar dan mereka memahaminya. Kita harap, guru-guru pada masa ini menghayati di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mereka mempunyai sikap toleransi antara kaum dan memahami kehidupan masyarakat majmuk. Ya, sahabat saya. Dekat pun nak tanya juga.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Hulu Terengganu. Sebenarnya, mengikut kajian pada ketika ini menunjukkan polarisasi kaum semakin ketara walaupun kita telah merdeka selama 51 tahun. Jadi, seharusnya pihak kementerian pada ketika ini mengambil satu langkah yang drastik bagi memantapkan lagi perpaduan yang berkekalan demi kelangsungan *survival* bangsa kita.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya perkara-perkara yang ada hubung kait dengan perjuangan kemerdekaan dan yang pentingnya perkara kontrak sosial patut dijadikan satu pelajaran yang wajib di peringkat menengah dan juga peringkat tinggi. Kita jadikan juga sebagai bahan pembacaan supaya semua peringkat warganegara kita faham tentang perkara sebenar. Jadi, kita akan mengelakkan salah faham untuk generasi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jasin. Saya menyokong penuh apa Yang Berhormat sarankan.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru pelatih ini harus diajar untuk mempunyai sikap yang positif, semangat yang patriotik supaya mereka sayangkan negara dan tidak menunggang terbalikkan bendera yang menjadi lambang kebanggaan negara kita ataupun mengubah lagu Negaraku ikut selera kita sendiri. Kita juga minta supaya guru-guru pelatih ini supaya mempunyai fahaman yang benar, fahaman yang betul, yang salah tetap salah, yang benar tetap benar. Tidak sebagaimana...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Silakan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, ini berhubung dengan guru-guru sama ada pelatih ataupun guru tetap. Saya melihat ianya merupakan satu amalan bagi pihak kementerian iaitu menghantar guru-guru yang anti kerajaan ke negeri Sabah khususnya di kawasan saya di Kinabatangan.

Semasa pilihan raya baru-baru ini, guru-guru ini giat dan aktif membawa bendera pembangkang dan satu ketika mungkin secara kebetulan tuhan hendak tunjukkan ketika itu ada *live telecast* dan saya sedang berhujah. Guru-guru ini duduk dengan selepas pilihan raya mereka duduk di kedai kopi dan dia nampak, "Inilah wakil rakyat yang kita mahu. Cakap *criticize*, bawa pembangunan". Saya punya kawan cakap, "Inilah yang kita kempen dulu dan yang kamu orang lawan". "Yakah?", dia bilang.

Jadi, apa matlamat kementerian apabila guru-guru ini menentang kerajaan di Semenanjung, dia di bawa ke Sabah. Apakah ini menjadi satu amalan ataupun apa mesej yang hendak disampaikan?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Saya tak boleh jawablah bagi pihak kementerian tetapi pada sayalah, pengalaman sebagai seorang pegawai di jabatan, kita tidak menukar mana-mana cikgu kita berasaskan kepada politik. Kita menukarkan berasaskan kepada keperluan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Asyik jelas sahaja ni. *[Ketawa]* Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang cukup penting sebenarnya dan sebab itu saya mengamati ucapan Yang Berhormat Hulu Terengganu bila dia menyebut tentang tidak berterima kasih, tikam daripada belakang dan sebagainya.

Inilah satu contoh bahawa apabila guru tidak bertanggungjawab, maka jadilah perkara-perkara seperti ini. Maka tidak sampai sebenarnya matlamat dan tujuan kita untuk mendidik anak bangsa kita dan kita cukup sedih bila ada pihak yang mengajar pula menggunakan blog supaya terbalikkan bendera Malaysia ini sebagai satu bantahan. Ini satu contoh lagi, bagaimana bendera kita sendiri yang sepatutnya menjadi kemegahan seperti mana berkibar dengan megah semasa kita dapat pingat perak di Olimpik. Kita rasa bangga bersatu padu tetapi ada orang yang hendak mendidik supaya terbalikkan.

Inilah unsur-unsur daripada pengaruh negatif terutamanya yang dibawa oleh pihak pembangkang dan saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Wangsa Majulah kepalanya.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, sebab itu saya setuju. Kalau boleh hantar dia lagi jauh-jauh sebagai satu pengajaran, mendidik mereka supaya lebih bertanggungjawab sebenarnya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Seorang Ahli: Yang Berhormat Wangsa Maju *top the list*.

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh sikit?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Boleh! Kita boleh.

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Silakan. Silakan.

Dr. Lo' Lo' bin Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat. Hantar orang PAS ini ke mana pun dia akan naikkan bendera. Letak dekat pulau mana pun, bendera PAS akan naik juga. Jadi, tak payahlah hantar jauh-jauh.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kalau setakat itu, tak payah celahlah.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kan saya sudah kata tadi...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Beri laluan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...Bahawa saya tak boleh bercakap bagi pihak kementerian tetapi mengikut pengalaman,...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...Kita tidak pernah menempatkan, menghantar cikgu berasaskan politik tetapi berasaskan kepada keperluan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua...

■ 1200

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Hulu Terengganu boleh mencelah?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Sila.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya hendak beri pandangan sikit apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat dan juga daripada Yang Berhormat Titiwangsa.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kita bercakap ini serius, bukan kita hendak main. Bukan kita hendak tegakkan bendera PAS, bendera UMNO sebagainya. Kita cakap serius, kita bercakap masalah pendidikan, masalah anak-anak, masalah bangsa, masalah negara. Bukan kita hendak berkempen dari segi politik. Sebab itu saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, saya kadang-kadang berasa kecewa Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat anak-anak kecil kita daripada mula sekolah rendah, pra sekolah umpamanya tabika dan sebagainya. Mereka ini berbagai-bagai kaum cukup rapat persahabatan mereka. Pergaulan baik main sebagainya, pergi sekolah bersama dan sebagainya boleh pergi rumah antara kaum tetapi bila dewasa sedikit mereka telah mula kurang. Mulalah berjauh sedikit dari segi persahabatan kaum. Apabila semakin dewasa, semakin besar dan akhirnya jadi pemimpin seolah-olahnya semakin berpecah, ini yang berlaku. Saya dalam pengalaman saya Yang Berhormat Hulu Terengganu, kita tidak menggalakkan ini semua tetapi ini adalah dilakukan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat walaupun tadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan, betul. Adanya guru-guru bukan semua guru sebab isteri saya pun guru tidak pernah mengajak menghujahkan masyarakat. Ada juga guru-guru yang sepatutnya sedar bahawa kita menjadi guru bukan semata-mata hendak menangkan politik kita. Kita hendak memperjuangkan, mempertahankan masa depan bangsa kita, agama, negara kita, keselamatan ini semua. Kalaulah negara kita sudah kucar-kacir, berpecah, berperang tidak ada guna lagi negara ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Pohon celah sekali, jawab sekali Yang Berhormat Hulu Terengganu?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Memang boleh.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Oh! boleh, terima kasih. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya ingin bagi pihak rakan saya mengalu-alukan kehadiran rombongan K Bistari, Mukim 11 Dewan Undangan Negeri Rengit dalam Parlimen Batu Pahat yang mana turut hadir Yang Berhormat Rengit dan Yang Berhormat Senggarang yang merupakan orang kuat Ahli Parlimen Batu Pahatlah Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi.

Saya inginkan penjelasan Yang Berhormat Hulu Terengganu berhubung dengan soal guru ini, kerana kita faham dari segi pendekatan psikologi dalam kita mendidik anak-anak dia ada tiga peringkat iaitu:

- (i) pra-olahan;
- (ii) olahan konkrit; dan
- (iii) olahan formal.

Peringkat yang paling kritikal ialah olahan konkrit iaitu ketika di peringkat 4 tahun sehingga mereka berumur 18 tahun ataupun 21 tahun. Di peringkat yang amat memerlukan, mereka mendapat fakta, mereka pendapat penjelasan sebenar kerana di peringkat kerana di peringkat inilah peruntukan sahsiah mereka bermula.

Disebabkan itulah saya ingin bertanya penjelasan Yang Berhormat, kalau guru tidak dapat memberi ataupun fokus sepenuhnya kepada proses PMP ini, saya rasa di peringkat ini kita akan menghadapi kegagalan walaupun peruntukan yang besar telah diberikan oleh kerajaan merupakan yang ketiga terbesar, selepas pertahanan dan kesihatan. Ianya tidak akan mendatangkan kesan kerana profesion ini perlu diperkasakan. Sebab itu dalam pindaan akta ini kita lihat, ia sebenarnya adalah satu pindaan yang baik kerana kerangka yang dibuat, perancangan yang dibuat ini adalah menjurus ke arah memperkasakan bidang PMP ini.

Jadi saya ingin penjelasan Yang Berhormat Hulu Terengganu, kalau guru-guru yang kita pilih, fokus mereka lebih kepada bidang lain meletakkan politik ataupun ketika mengajar mereka ada pendirian lain yang mereka cuba terapkan, indoktrinasikan dalam PMP ini menyebabkan keadaan sebenar, keikhlasan kepada profesion ini tidak dapat dibuat dengan berkesan. Sudah

tentu PMP ini tidak akan berjaya pada mereka yang di peringkat olahan konkrit ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Hulu Terengganu berhubung perkara ini?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Arau. Saya katakan tadi bahawa cikgu, guru memainkan peranan penting untuk mengenal pasti potensi-potensi yang ada pada murid-muridnya. Sebab itu saya katakan bahawa ketika mereka belajar di institut perguruan mereka harus diberi ilmu untuk mengenali potensi-potensi tersebut ataupun dikatakan sebagai *multiple intelligent*. Di mana anak-anak kita ini ada yang mempunyai kemahiran daripada segi verbal ada mempunyai kemahiran dari segi estetik, ada mempunyai kemahiran dari segi ruang. Guru-guru harus mengenal pasti kepada murid tersebut supaya mereka akan mendidik menjadikan murid-murid itu berkembang sebagaimana potensi yang ada pada mereka.

Tentang apa yang dibangkitkan oleh sedara saya Yang Berhormat dari Maran tentang perkauman, memang saya setuju. Anak-anak sekolah kita tidak ada masalah langsung dari segi perkauman, perbezaan kaum. Mereka boleh bergaul, mereka boleh bercakap, boleh makan bersama tetapi sebenarnya orang dewasa, pemimpin-pemimpin politiklah yang menyebabkan timbulnya perkauman ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi setelah saya katakan bahawa guru-guru ini harus ditanamkan sikap positif.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya hendak bercakap sekejap, sekejap sahaja. Insya-Allah saya akan bagi.

Tadi saya sudah katakan bahawa guru-guru kita ini harus ditanamkan sikap yang positif, yang salah tetap salah, yang benar tetap benar. Akan tetapi ada di antara kita yang merosakkan faham tersebut.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:...umpamanya dalam Berita Harian pada hari ini....

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Minta laluan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Berita Harian pada hari ini yang mengatakan bahawa ada beberapa orang pemimpin politik yang telah dituduh dan telah direman kerana kes rasuah. Belum apa-apa lagi sudah ada yang mengatakan itu merupakan isu politik. Ini merupakan satu pandangan, satu pendapat yang merosakkan pemikiran masyarakat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia tidak biasa ada kuasa.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Biarkan ianya berlalu dan biarkan supaya pihak yang berkuasa, pihak mahkamah yang menentukan. Silakan sahabat saya.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soal perpecahan dan soal perpaduan tadi antara kaum dalam negara kita

ini. Saya bersetuju bahawa seharusnya kita mendidik anak bangsa kita ini daripada sekolah sampailah ke peringkat yang paling tinggi dan kemudian lahir sebagai masyarakat yang tahu erti nikmat kita hidup dalam negara kita ini untuk satu berhubungan antara satu sama lain.

Saya bersetuju bahawa dalam hal ini juga orang-orang politik harus memainkan peranan untuk menunjukkan sesuatu contoh yang baik dan tidak *manipulate* perkara-perkara yang boleh membangkitkan persoalan-persoalan sentimen perkauman ini. Seharusnya orang-orang politik, saya kira bahawa harus memberikan fakta yang betul kepada masyarakat kita khususnya kepada anak-anak muda generasi kita ini. Saya tunjuk contoh dalam isu perhimpunan pelajar-pelajar UiTM baru-baru ini bukan sahaja di Selangor tetapi di mana-mana. Hanya atas isu kononnya kenyataan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mencadangkan supaya 10% perlu diberikan tempat pelajar UiTM kepada *non Malay* kepada bukan bumiputera. Lalu dianggap itu sebagai satu pengkhianatan kepada institusi yang dibina atas asas untuk kemajuan masa depan anak bangsa Melayu. Bagi saya bahawa itu hanya bersifat cadangan, dia tidak ada kuasa untuk hendak *implement* apa yang dia cadang. Akan tetapi pelajar-pelajar saya kira telah dihasut oleh pihak-pihak yang tertentu dan saya percaya bahawa ada kepentingan-kepentingan politik oleh kepentingan-kepentingan politik parti pemerintah. Seolah-olahnya bahawa kita hendak menghapuskan institusi dan juga kepentingan-kepentingan kepada bangsa Melayu.

Padahal faktanya Yang Berhormat, kerajaan sendiri telah memberikan 10% kedudukan penempatan pelajar bukan bumiputera kepada MRSM dan matrikulasi. MRSM dan matrikulasi memang asas penubuhannya ialah untuk kepentingan masyarakat, pelajar-pelajar bumiputera dalam bidang sains. Biasiswa umpamanya yang disebut di Dewan ini yang sebelum itu di bawah JPA 90%, 95% adalah diberikan kepada bumiputera dan akhirnya tinggal 55%. Kenapa ini tidak diberikan fakta yang betul? Saya bukan hendak mengatakan bahawa soal kita harus...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ... ataupun kita hendak menafikan hak yang bukan bumiputera sebenarnya.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya, saya sudah faham dah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tetapi saya hendak katakan di sini fakta yang tidak berikan kepada pelajar-pelajar kita. Jadi saya hendak sebutnya bahawa pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang telah mengorbankan kepentingan bangsa Melayu dalam negara kita ini...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak sokonglah? *[Dewan riuh]*

■1210

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya cabar kepada Kerajaan Barisan Nasional ini.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Ha, PAS sokong, eloklah tu!

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya cabar, kalau Kerajaan Barisan Nasional mengatakan bahawa kenyataan Menteri Besar Selangor itu satu kenyataan yang mengkhianati bangsa Melayu, adakah sekarang ini Kerajaan Barisan Nasional hendak tarik balik peruntukan 10% dalam MRSM dan juga matrikulasi?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Itu lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Nampak ini? Tidak berani!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: MRSM lain!

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa lainnya?

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Lain.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau bercakap soal kepentingan Melayu!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Itu universiti.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya katakan kalau bercakap soal kepentingan Melayu.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Cadangan itu sendiri membuktikan bahawa itu memang satu pengkhianatan sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Soalnya sekarang ini, kalau dianggap bahawa apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Selangor itu satu pengkhianatan kepada...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang berbaris di hadapan Parlimen itu arahan siapa?
[Dewan gamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Pokok Sena, Arau dan Hulu Terengganu, tolong duduk sekejap.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sudahlah! Yang Berhormat Pokok Sena, sudahlah.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bolehkah saya membuat cadangan. Kalau ada ramai lagi yang mencelah oleh kerana menggamit perhatian daripada hujah Yang Berhormat Hulu Terengganu ini, elok kalau Ahli Yang Berhormat sendiri ambil bahagian dalam perbahasan. Apabila hujah itu terlampau panjang bukan lagi mencelah. Itu mengambil *floor*, hak orang lain yang sedang berucap.

Saya juga bersetuju dengan cadangan-cadangan bahawa perpaduan ini biarlah bermula daripada Dewan yang mulia ini. Kalau berbahas, bahaslah secara berhemah. Tidak payah teriak-teriak. Apabila ini kita dapat tunjukkan mungkin rakyat yang di bawah itu juga akan bersatu, tidak berteriak-teriak dan berdemonstrasi antara satu sama lain. Silakan, Yang Berhormat Hulu Terengganu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, inilah yang saya katakan tadi supaya kita tahu dan sedar. Kita harus faham inilah yang baik. Kalau diberi peluang untuk mencelah, janganlah pula diambil kesempatan untuk berceramah. Inilah yang kita hendakkan. Saya malu kepada anak-anak murid saya yang di belakang ini. Kita harus faham di mana kita mencelah, di mana pula kita berbahas. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, Saya juga ingin mengulas apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi bahawa tentang apa yang telah diucapkan, cadangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor. Saya tidak tahulah apakah darah yang mengalir dalam diri saya dan dalam diri sahabat saya. Bagi saya, kalau kita faham tentang penubuhan UiTM di mana kalau kita kaji tentang kekurangan bilangan kaum bumiputera, orang Melayu di pusat-pusat pengajian tinggi dan kemudiannya hendak dibuka semula dan mendapat sokongan daripada rakan saya, tidak tahulah apa yang hendak dikata. Namun, sedarlah bahawa saya perlu bercakap sesungguhnya apabila kita mati nanti yang mengusung, mengangkat, mengapankan, dan sembahyangkan kita ialah sesama kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon penjelasan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hujah daripada Yang Berhormat Hulu Terengganu ini seolah-olah beliau ini sebagai menteri, ramai yang mengambil perhatian ini. Hendak beri kepada siapa, Batu Pahat atau Shah Alam?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya benarkan Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Yang kurang mempunyai nilai yang murni itu kita diamkan sedikit.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini *point of order!*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of order.* Yang ini...

Tuan Yang di-Pertua: Ini betul-betul *point of order* kena buat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Niat jahat. Mana dia tahu nilai murni atau tidak murni. Yang Berhormat Shah Alam tahu dalam senarai Kabinet, Kerajaan Pakatan Rakyat tidak ada dalam senarai pun! Tidak payahlah, duduk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu *list* kamu, kami ada *list* lain.
[Ketawa]

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Shah Alam ini dia jahat tidak apa.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *List* yang sebenarnya kita tidak tunjuk.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Shah Alam ini dia jahat tidak apa, bila orang jahat dia tahu. [Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Dalam senarai Kabinet pun tidak ada!

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Batu Pahat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jamin saya tidak teriak-teriak.

Tuan Yang di-Pertua: Setakat boleh dengar, bolehlah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Hulu Terengganu tentang kenyataan Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Apakah Yang Berhormat Hulu Terengganu bersetuju dengan saya bahawa apa yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor ini hanya untuk sebenarnya menarik perhatian bagi mendapatkan undi bukan Melayu sempena pilihan raya di Permatang Pauh yang sedang berlaku sekarang ini? Itu sahaja.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukan sekadar untuk menarik pengundi-pengundi di Permatang Pauh tetapi ia telah hilang akar dan urat sarafnya. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam sudah berdiri. Kalau minta laluan, beritahu.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya rasa tidak hendak bagi lagi...

Seorang Ahli: Ceramah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Ceramah.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan ceramah, hendak tanya soalan sahaja. Ringkas sahaja.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya tidak percaya sebab kata ringkas tetapi tidak ringkas sebenarnya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ringkas. Jamin. Tidak sampai lima minit pun.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tidak payah jamin. Sila duduk.
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Kita mengharapkan bahawa mereka mempunyai sikap toleransi antara kaum dan memahami kehidupan masyarakat majmuk.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Toleransi antara YB pun tidak ada!

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Mereka menghayati nilai-nilai murni serta sanggup berkorban dan berbudi bahasa. Mereka menghargai jasa dan budi yang mereka terima ibarat pantun:

*Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan di kandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

Bukannya menjadi kacang lupakan kulit atau melepaskan anjing tersepit atau menggigit tangan yang menyuap. Dulu, mereka mempunyai sikap yang baik tetapi sekarang merekalah merupakan orang-orang yang tidak mengenang budi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor penempatan guru juga sangat penting untuk memantapkan sistem pendidikan kita.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Saya menyokong penuh dasar penempatan berasaskan prinsip kemanusiaan dan kasih sayang. Penempatan yang mengutamakan suami isteri, kaum keluarga dan kampung halaman.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun hendak minta juga...

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Namun begitu, janganlah kita mengorbankan kepentingan anak-anak kita di sekolah. Janganlah oleh kerana isteri akan mengikut suami, anak-anak kita sampai ketiadaan guru dan janganlah juga hendak memindahkan guru-guru ke bandar...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Menteri Alam Sekitar, duduklah.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: ...anak-anak kita di pendalaman dan luar bandar kekurangan guru.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meminta penjelasan pasal isu menggigit tangan yang menyuap.

Beberapa Ahli: Tidak payah! Tidak payah!

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun hendak tanya.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Kalau tahu tidak apa.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia suap setakat bibir tidak apa tetapi kalau dia masuk dalam kerongkong, itu kena gigit, sungguh!

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Pokok Sena sudah biasa gigit, okeylah tu! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, faktor penempatan guru juga sangat penting. Saya juga ingin menarik perhatian mengenai sistem penilaian dan peperiksaan dalam sistem pelajaran kita. Sistem dalam pelajaran kita yang telah terlalu *exam oriented*, dengan izin menyebabkan kita mengabaikan aspek-aspek yang lain terutama pembinaan akhlak dan akal budi. Prestasi sekolah, guru dan murid sangat dikaitkan dengan pencapaian dalam peperiksaan dan perkara ini menjadi tekanan kepada semua pihak guru, murid dan ibu bapa. Oleh itu, sistem penilaian ini harus dikaji semula dan saya yakin ia akan dapat mengurangkan masalah disiplin kerana tanggapan yang diguna pakai sekarang bahawa murid yang lemah dalam akademiknya dianggap murid yang tidak cemerlang sehingga mereka pernah digelar berada di kelas mayat. Murid-murid yang lemah akademiknya mungkin cemerlang dari segi kemahiran vokasionalnya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam berkenaan dengan guru menggunting rambut. Saya tidak fikir cikgu ingin jadi tukang gunting. Untuk makluman dan pengetahuan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat bahawa guru-guru yang berdedikasi, guru-guru yang komitmennya tinggi, guru-guru inilah yang biasanya akan mengambil tindakan kepada murid-muridnya. Kalau guru-guru yang tidak dedikasi, dia biarkan murid-muridnya buat apa sahaja ataupun tidak buat apa-apa. Guru-guru yang berdedikasi, guru-guru yang berkomitmen, guru-guru yang sentiasa menegur, mengasuh murid-muridnya, guru-guru inilah yang biasanya akan mendapat kesan yang kurang baik.

■1220

Semalam yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kubang Kerian, mengatakan bahawa pada hari ini guru-guru tidak lagi dihormati berbanding dengan zaman dahulu. Memang betul, saya bersetuju tetapi kita kena ingat bahawa dahulu ayah pergi ke sekolah, tangan kanan memimpin anaknya, tangan kiri membawa rotan. Kemudian menyerahkan anaknya kepada guru, "*Buatlah yang terbaik cikgu, asalkan jangan patah dan buta sahaja*". Akan tetapi pada hari ini ayah membawa peguam ke sekolah dan akan menyaman guru apatah lagi peguam-peguam yang mencari makan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai masalah disiplin. Kadang-kadang peraturan-peraturan sekolah yang lapuk dan masih diguna pakai pada hari ini sudah tidak sesuai lagi. Perkara ini harus dikaji supaya ia tidak menyusahkan guru-guru dan murid-murid. Satu sahaja yang saya cadangkan bahawa sesungguhnya beban yang sangat terasa oleh guru ialah bertugas sebagai warden asrama.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Penjelasan.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Oleh itu, saya mencadangkan diwujudkan jawatan warden asrama sepenuh masa dan tidak membebankan guru sehingga 24 jam. Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Hulu Terengganu.

Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Hulu Terengganu sama ada sistem terdahulu yang dibuat ketika kita memulakan proses memajukan negara adalah merupakan di antara sistem yang terbaik terutamanya di dalam kita melihat seperti Yang Berhormat bangkitkan tadi ketika bapa kita sendiri menghantar kita ke sekolah, maka timbul di situ hubungan intim yang cukup baik yang membolehkan kita merasa cukup dihargai. Sedangkan apabila negara sudah meningkat maju, golongan menengah dan juga golongan yang berkemampuan sudah tidak lagi mengamalkan tradisi itu malah disebabkan kesibukan dan juga disebabkan oleh masa yang tidak mencukupi maka sistem yang diamalkan terdahulu tidak lagi diamalkan pada masa kini. Jadi wujudnya kerenggangan di antara anak dan ibu bapa yang menyebabkan ibu bapa juga jarang berada di sekolah.

Malah kita lihat sekarang di dalam mesyuarat PIBG sekalipun, untuk hendak hadir sekali setahun pun, ibu dan bapa tidak kira ahli politik daripada kerajaan ataupun parti pembangkang, saya ingat jarang menghadirkan diri, hanya menghantar isteri atau ibu sahaja untuk pergi mesyuarat. Oleh sebab itu kalaulah kita hadir mesyuarat PIBG, 90% adalah terdiri daripada wanita, 10% sahaja lelaki. Seinggakan sukar hendak dilantik AJK PIBG di kalangan lelaki, itu pun hanya terpaksa cari untuk dibuat pemilihan.

Jadi, disebabkan kurangnya kekerapan ibu bapa ke sekolah bersama-sama dengan anak-anak, adakah menyebabkan fenomena terkini yang berlaku ini juga disebabkan perkara-perkara kurangnya *intimate* ataupun rapatnya hubungan kita dengan anak dan pihak sekolah itu menyebabkan apa yang berlaku sekarang ini sukar diatasi oleh pihak sekolah dan juga oleh dasar yang telah kita wujudkan ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih sahabat saya dari Arau. Memanglah benar dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi, sesungguhnya bukan itu sahaja. Malah sebagaimana yang telah diperkatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kubang Kerian semalam dan yang mencelah sahabat saya dari Kuala Kedah, mereka sebenarnya merendah-rendahkan cikgu. Apabila ibu bapa sendiri yang turut merendah-rendahkan cikgu, bagaimana anak-anak akan menghormati guru?

Malah semalam terdengar suara-suara dari Yang Berhormat yang mengatakan bahawa guru sekarang hanya sekadar mencari makan. Saya tidak bersetuju kerana sesungguhnya guru sekarang lebih kuat bekerja berbanding dengan cikgu dahulu. Tengoklah keputusan peperiksaan yang berlaku. Tengoklah pencapaian yang berlaku.

Pencapaian anak-anak pada hari ini jauh lebih baik berbanding dengan pencapaian anak-anak zaman dahulu. Itulah pengorbanan guru. Oleh sebab itulah Usman Awang pernah berkata, “*Kalau hari ini seorang Perdana Menteri berkuasa, kalau pada hari ini seorang hakim yang bijaksana, kalau pada hari ini seorang peguam menang bicara, ianya bermula dari seorang guru*”. Sekian, saya mohon mencadangkan. Sekian, assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Titiwangsa. Saya mahu dengar pendapat daripada wanita.

12.25 tgh.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh. Saya juga mohon untuk bersama-sama memberikan pandangan saya pada hari ini berkenaan dengan isu pendidikan ini.

Pertamanya, saya ingin mengetahui ataupun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran ataupun kementerian sendiri, bagaimanakah kementerian pada masa ini menangani permasalahan bahasa rojak yang digunakan oleh anak-anak murid. Bahasa rojak ini bukan sahaja bahasa campuran antara Melayu dan juga bahasa Inggeris seperti yang sering kali dipaparkan di media elektronik di mana bapa-bapa menteri, juga ibu-ibu menteri dan juga yang lain-lain pimpinan pun bercakap menggunakan bahasa rojak, campuran antara bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris. Akan tetapi pada masa yang sama juga, anak-anak kita menggunakan bahasa SMS. Anak-anak kita menggunakan bahasa *friendster* dan *chatting*.

Saya difahamkan oleh ramai guru-guru yang mengatakan di dalam karangan bahasa Melayu mereka, mereka menggunakan ringkasan-ringkasan tulisan ataupun perkataan-perkataan yang diringkaskan seperti mana mereka saling membalas SMS. Jadi saya kira ini adalah di antara perkara yang juga perlu diberi perhatian di bidang pendidikan ini terutamanya guru-guru yang dilatih bagaimana untuk mengatasi permasalahan ini.

Isu kedua yang ingin saya bangkitkan adalah isu disiplin pelajar. Saya bersetuju dengan ramai rakan-rakan saya di mana yang telah membangkitkan isu disiplin pelajar. Kita lihat disiplin pelajar sekarang ini semakin hari semakin teruk. Kita semua sedia maklum dalam *youtube*, kadang-kadang ditunjukkan bagaimana pelajar-pelajar ini dalam pakaian sekolah terlibat dalam perlakuan sumbang ataupun perlakuan yang menjurus kepada hubungan jenis yang tanpa segan silu merakamkannya di dalam *mobile phonenya* ataupun telefon bimbitnya.

Jadi ini bermakna adalah satu fenomena yang kita rasa sangat menyedihkan. Pada umur yang begitu muda, mereka telah pun tercemar akhlak mereka, tercemar pemikiran dan minda mereka dengan masalah-masalah yang tidak sepatutnya dan tidak sewajarnya mereka mengambil kira. Saya ingat ini bukanlah satu fenomena di negara kita tetapi juga adalah satu fenomena global dan kita tidak boleh membiarkan keadaan dan permasalahan ini berleluasa begitu sahaja. Langkah-langkah yang tegas, langkah-langkah berstrategik mestilah diambil untuk

memastikan pelajar-pelajar ini mempunyai disiplin yang tinggi dan akhlak yang mulia kerana mereka adalah generasi pemimpin pada masa yang akan datang. Merekalah yang akan mewarisi negara kita pada masa akan datang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan perkara tersebut, saya mahu mencadangkan supaya mata pelajaran Islam di sekolah-sekolah hendaklah diperkasakan. Sekarang ini mata pelajaran Islam seolah-olah merupakan satu mata pelajaran untuk melengkapkan sahaja kurikulum. Ia tidak diberi perhatian ataupun penekanan yang sewajarnya. Mata pelajaran Islam tidak perlu lulus, tidak perlu mendapat pencapaian yang cemerlang ataupun tidak menyumbang kepada *grading* dalam keputusan peperiksaan. Kita lihat mata pelajaran Islam juga tidak melahirkan anak-anak, pelajar-pelajar dan juga remaja-remaja yang soleh dan solehah. Malah, mata pelajaran Islam yang ada sekarang ini boleh dikatakan tidak pun mampu untuk mendidik anak-anak kita untuk tetap ataupun dikatakan membudayakan solat dalam diri mereka.

■1230

Menurut kajian-kajian, ramai daripada pengkaji-pengkaji di kalangan kita, umpamanya Yang Berbahagia Dato' Dr. Fadilah Kamsah mengatakan 80% daripada anak-anak kita, remaja kita tidak solat ataupun tidak bersembahyang. Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan, satu perkara yang sangat mengecewakan setelah 51 tahun negara kita merdeka, sepatutnya masyarakat kita, remaja kita, pewaris-pewaris kita menjadi lebih baik daripada kita tetapi malangnya, nampaknya sekarang mereka akan menjadi satu kumpulan masyarakat yang semakin teruk, semakin meninggalkan agama dan mungkin pada bila-bila masa juga mereka akan menggadaikan akidah mereka.

Jadi saya lihat di sini solat tidak diberi keutamaan. Saya mahu mencadangkan di sini supaya pihak Kementerian Pelajaran bersungguh-sungguh memberikan penekanan tentang pelaksanaan solat semasa di sekolah, bersungguh-sungguh untuk memastikan setiap waktu solat itu, anak-anak murid, pelajar-pelajar diperingatkan, malah guru-guru sendiri membimbing pelajar-pelajar ini untuk solat berjemaah bersama-sama.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Minta laluan. Pohon laluan, Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, sila.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Terima kasih Tuan Speaker dan Titiwangsa. Seperti kita sedia maklum berkaitan dengan solat, kita dapati ramai daripada waris, khususnya menjelang cuti sekolah, mereka akan hantar ke *Summer Camp*. Di sana kita dapati anak-anak ini akan berkekalan hinggalah tiga, empat bulan anak-anak ini akan kekal dalam sembahyang mereka dalam kerja-kerja rumah seumpamanya, hasil daripada pengawasan kem yang hanya dua hari tiga malam sahaja, sedangkan di sekolah, setiap hari, seminggu lima hari. Apakah Yang Berhormat Titiwangsa bersetuju guru ini juga perlu dibawa ke *Summer Camp* untuk memastikan teknik-teknik atau cara untuk mengekalkan solat anak di rumah? Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai iaitu kadang-kadang kita berasa hairan kenapakah agaknya di negara kita seolah-olah ada satu *trend*, ibu bapa terpaksa mengeluarkan kos perbelanjaan yang ekstra, berlebihan untuk menghantar anak-anaknya mengikut kursus-kursus, kem-kem dan sebagainya kerana saya kira dengan penuh penghormatan kepada guru-guru di sekolah yang bertungkus-lumus mendidik anak-anak kita, seolah-olah anak-anak kita ini tidak mendapat satu motivasi yang secukupnya semasa dalam sesi persekolahan sehingga terpaksa pula ibu bapa menambah di luar membayar sehingga sampai RM200, RM300 dalam satu-satu sesi termasuklah dalam hendak melekatkan budaya solat itu dalam diri mereka.

Ini kita belum bercakap lagi tentang Al-Quran sama ada anak-anak kita, orang Islam ini khatam Al-Quran yang merupakan panduan kepada orang Islam. Sebab itulah antara yang saya kira faktor kenapa berlaku pelbagai perkara kepada anak-anak remaja kita, dengan mat rempitnya, HIVnya, pergaulan bebasnya, seks bebasnya, ini satu fenomena yang walaupun kita membangun, walaupun kita menjadi antara negara termaju, walaupun kita penuh dengan pencakar langit tetapi kalau masyarakat rosak, kalau anak-anak kita rosak, tidak ada nilainya lagi kepada kita semua.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Jerai tadi supaya kita mendesak Kementerian Pelajaran untuk mengkaji balik cara-cara pengajaran, pedagogi dan sebagainya, terutama kepada guru-guru yang sedang dilatih, guru-guru pelatih. Dengan ini mereka sendiri boleh menjadi *motivator* ataupun memotivasikan anak-anak murid, dengan mereka itu menjadi contoh kepada anak-anak murid mereka sendiri. Sila.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hormati ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Titiwangsa tadi. Cuma saya hendak bertanya, berapa peratuskah yang dikatakan segala pencemaran dalam masyarakat, perangai anak-anak muda kita, pewaris-pewaris kita ini, berapa peratus dibebankan tanggungjawab kepada sekolah dan berapa peratuskah dibebankan kepada ibu bapa sebab solat kalau ibu dan bapa tidak mengamalkan, anak-anak juga tidak akan mengamalkan. Kalau bapa menghisap rokok, anak sewenangnya melihat rokok sebagai perkara biasa. Jadi pengaruh bapa dan ibu, saya hendak tanya Yang Berhormat bersetuju atau tidak bahawa penting sekali di rumahnya itu lebih berat tanggungjawab untuk membawa anak-anak kepada tahap moral, perwatakan yang lebih baik sebab sekolah hanya mampu membuat sesuatu sahaja, tetapi yang lain adalah datang tanggungjawab daripada ibu bapa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Speaker, saya bersetuju 200% dengan Yang Berhormat Padang Besar. *[Disampuk]* 200%, 300% pun tidak apa.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ha, tengok, PAS terbuka. UMNO yang bengap. *[Ketawa]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini adalah kerana...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Pokok Sena...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Bapa tadi itu bapa PASKah atau bapa apa itu?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Pula dah. *[Ketawa]* Ini adalah kerana ibu bapa memang mempunyai peranan yang besar.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Mana la betul, kata orang bengap ini macam. Takkan PAS kata orang bengap?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kita bercakap tentang pendidikan di sekolah. Banyak betul virus-virus di sini, Tuan Speaker. Virus-virus ini patut kena rawatan ini.

Tuan Speaker, saya bersetuju bahawa ibu bapa mempunyai peranan yang besar dari segi pendidikan anak-anak, penerapan solat dan sebagainya. Malah dalam ajaran nabi kita, Nabi Muhammad SAW, anak itu hendaklah dididik solat, disuruh untuk solat sejak daripada umurnya 7 tahun dan sehinggalah umurnya 10 tahun, sekiranya tidak solat, maka anak itu boleh dipukul. Pukul untuk mendidik, bukanlah pukul untuk patah riuk dan sebagainya. Jadi masa tiga tahun yang diberikan kepada ibu bapa untuk menerapkan budaya solat itu kepada anak-anaknya dan saya telah membuat perkiraan sebab ini adalah isu ataupun topik *favorite* saya apabila saya memberikan motivasi ataupun kuliah-kuliah.

Selama tiga tahun ini bermakna ibu bapa termasuk guru-guru, sebab antara 7 hingga 10 tahun ini anak-anak bukan duduk di rumah sahaja tetapi mereka juga duduk di sekolah. Antara masa tiga tahun ini, ibu bapa dan guru-guru akan menyuruh mempraktikkan meletakkan anak dia dalam Akademi Solat sebanyak 5,475 kali suruhan, arahan, galakan dan sebagainya. Barulah solat itu membudaya ataupun menjadi agenda yang penting dalam hidup anak-anak kita. Ini ajaran nabi kita, Nabi Muhammad SAW. Setelah 10 tahun barulah anak itu boleh dipukul. Berapa ramai ibu bapa yang pukul anaknya kerana tidak solat? Kita tanya diri kita sendiri kerana kita ibu bapa. Saya ini sudah jadi opah, sudah jadi nenek dah.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan, Titiwangsa, Silam.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya, sila, sila.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya tertarik dengan perbincangan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa, menyentuh tentang istilah pendidikan agama ataupun yang dihubungkan dengan solat, tetapi apabila kita merujuk kepada Sabah dan Sarawak, adakah Yang Berhormat setuju supaya pihak Kementerian Pelajaran mengambil kira juga sebab kita melihat kepelbagaian etnik. Sebagai contohnya, kalau di negeri Sabah, terutamanya macam di daerah saya ada 35 etnik iaitu Dusun, Bajau dan sebagainya.

Bagi yang beragama Islam itu mungkin kita boleh perkenalkan sistem iaitu Kementerian Pelajaran mengambil kira untuk memasukkan istilah pendidikan solat itu di kurikulum yang akan dimasukkan, yang akan diajar kepada guru-guru tetapi bagaimana etnik yang lain. Adakah Yang

Berhormat setuju supaya juga mengambil kira tentang penyesuaian akta ini, jika ada pindaannya disesuaikan dengan etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah dan Sarawak supaya ianya lebih selaras dan memahami sensitiviti masyarakat yang berbilang kaum di negeri tersebut. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Silam. Tuan Speaker, sebenarnya saya pun memang hendak pergi ke arah itu kerana kita semua sedar bahawa negara kita adalah negara berbilang kaum, berbilang bangsa, berbilang kepercayaan.

Saya kira juga dalam institusi pendidikan di mana guru-guru dilatih perlulah di situ ada kurikulum yang khusus, di mana guru-guru ini dilatih untuk melatih anak-anak muridnya menghormati budaya kaum lain, kepercayaan kaum lain, pada masa yang sama, tidak meninggalkan kepercayaan asasi mereka, terutama khususnya kepada orang Islam itu sendiri dan ini adalah sangat penting.

■1240

Hormat kepada orang lain yang mempunyai kepercayaan lain, hormat kepada kaum lain yang mungkin berbeza daripada kita. Bahasanya, kebudayaannya, tatacara kehidupannya mungkin berbeza. Pada masa yang sama juga, guru-guru patut juga dilatih untuk melatih anak-anak itu terutama orang lelaki, kaum lelaki menghormati kaum wanita, antara sebab utama masalah-masalah keganasan ke atas kaum wanita, kes-kes rogol yang meningkat adalah kerana pihak lelaki tidak menghormati kaum wanita. Kaum wanita dilihat sebagai simbol objek seks. Jadi ini sangat penting, ini bukan salah guru sahaja, suasana keliling. Dalam perjalanan kita ke sini kalau sesiapa melalui Jalan Tun Razak berhampiran dengan Jalan Pekeliling, perkara ini saya sudah bangkitkan dan saya lihat ada sedikit perubahan di mana ada iklan ditunjuk di situ iaitu iklan pakaian BUM.

Saya sudah bangkitkan, satu iklan seperti ini ditunjukkan satu bukan budaya kita. Tidak ada satu pun orang Melayu di situ, tidak ada satu pun orang Cina, tidak ada satu pun orang India, yang ada orang putih, orang daripada Barat dengan pakaian Barat, dengan cara pergaulan Barat yang ditunjukkan antara lelaki dan perempuan. Setelah agaknya saya bangkitkan sebelum ini dalam Dewan yang sama sebelum ini...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: ...Maka Tuan Yang di-Pertua, seluar yang pendek tadi telah dipanjangkan ditambah, dicat sikit, dada yang terbuka luas tadi telah ditutup sikit. Jadi dia *modify* sikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau atau Yang Berhormat Padang Besar.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titawangsa]: Mungkin yang belum ikut agaknya. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Hendak bagi yang mana? Yang Berhormat Arau dulu?

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Syok tengok baju jarang, minat mungkin.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya daripada Titiwangsa. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya Yang Berhormat boleh berkongsi dengan saya berhubung dengan masalah ataupun fenomena Yang Berhormat bangkitkan tadi iaitu melihat gejala keterlaluan yang kita anggap cukup serius. Bukan sahaja tanggungjawab UMNO, PAS dan semua kita sebagai bapa, sebagai pemimpin yang telah diberi amanah oleh Allah SWT.

Jadi, dalam konteks ini saya melihat peranan ibu bapa sekarang ini yang menjadi tanggungjawab utama telah mula berkurangan. Kenapa kita masih menyalahkan mana-mana pihak? Sedangkan tidakkah sedar dalam diri ibu bapa pukul satu atau dua atau tiga pagi, bagaimana anak-anak boleh berada di luar rumah dengan bebas? Kita boleh ada faktor-faktor menolak seperti keadaan kediaman yang tidak selesa, keadaan-keadaan lain tetapi sebagai ibu dan bapa. Bagaimana kita boleh membiarkan anak kita berada di luar rumah lebih daripada masa yang secukupnya yang sepatutnya berada di bawah kawalan kita?

Memang kita tahu kehendak remaja kadang-kadang sekarang kalau ditegur sekali dia ada *rebels* iaitu dalam diri mereka kalau mengikut Dr Hassan *Langgulong* yang mengemukakan teori *stress and stormy* di mana remaja dalam konteks ini, dia tidak boleh ditegur, dia cepat memberontak, dia cepat menzahirkan perasaan tidak puas hati, tetapi sebagai ibu dan bapa kita gagal. Kalau kita gagal menangani di peringkat olahan konkrit ini, di mana remaja dianggap di peringkat inilah yang memerlukan kawalan sepenuhnya.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Dia *stress* lah macam pelajar UiTM lah dihasut oleh BN.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Tidak ada *lack of controlling*. Yang Berhormat Pokok Sena jangan kacau. Saya dengan Yang Berhormat Titiwangsa sahaja ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang berhubung dengan ini? Kacau daun lah.

Seorang Ahli: Jahat Yang Berhormat Pokok Sena.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak setuju juga 300% dengan Yang Berhormat Arau, memang betul. Kita tidak nafikan apa yang dikatakan itu, ibu bapa sepatutnya mengawal anak-anak, mungkin saya ini anak merdeka sudah umur 51 tahun tetapi saya masih ingat lagi...

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Nantilah kejap Yang Berhormat. Bagi selesai yang ini dulu. Bagaimana saya dididik oleh Allahyarham bapa saya seorang bekas Mufti Selangor dan juga bekas Mufti Perak, bekas Imam Besar Masjid Negara yang pertama. Beliau mungkin bukan seorang bapa yang pandai menggunakan psikologi, ketegasannya. Begitulah seorang bapa dulu-dulu, tetapi dia begitu mengawal, dia tidak membiarkan kita bergaul begitu

sahaja dan paling saya rasa cukup bangga adalah kerana walaupun dia seorang mufti, seorang ulama yang mungkin tidak tinggal serbanlah, memang tidak tinggal serban, tetapi dia memberikan pendidikan dan juga perhatian yang sama rata antara anak lelaki dan perempuan.

Memastikan setiap anak lelaki dan perempuan mendapat pendidikan sampai ke peringkat yang tertinggi. Memastikan kami di rumah ini antara yang saya tak boleh lupa mesti solat jemaah, mesti makan berjemaah, makan pun berjemaah. Di situ dia akan tengok mata tiap-tiap anak, daripada situ dia boleh *detect* kalau ada dengan izin anak-anak dia yang mungkin ada sedikit hendak melencong sana-sana. Jadi, saya kira pendidikan seperti ini sehinggalah saya bersekolah, saya beritahu sehingga saya bersekolah, di sekolah asrama apa yang tak ada...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, di sekolah asrama ini, hendak jadi baik boleh, hendak jadi buruk boleh, minta maaf cakap, minta maaf...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Minta laluan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Minta maaf. Ada satu insiden yang saya tak boleh lupa sampai sekarang ya. Saya mohon keampunan kepada Allah semoga diampunkan kepada guru saya itu. Bagaimana, beliau ini seorang warden, saya tak mahu sebut sekolah mana tapi dia telah menunjukkan gambar lucah...

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu dua-dua Yang Berhormat, kita dengar...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kejap cerita seronok ini. Dia telah menunjukkan gambar lucah kepada saya apabila saya pergi ke...

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sebab seronok Yang Berhormat Batu Pahat bangun itu...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Beberapa kawan saya pergi mengunjungi dia minum-minum teh maka yang ditunjukkannya adalah gambar lucah tetapi alhamdulillah dengan pendidikan asas yang kuat oleh ibu bapa saya di rumah saya tidak tertarik langsung, saya tidak mahu tengok. Demi Allah memang saya tak tengok dan saya tidak tertarik dan saya rasa pada masa itu kekebalan yang ditanam oleh ibu bapa saya, alhamdulillah membentengi saya daripada melakukan perkara-perkara yang orang kata melanggar disiplin sekolah.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Tak tengok macam mana tahu gambar lucah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Bagi Yang Berhormat Padang Besar dulu lah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju apa Yang Berhormat sebut tadi cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat kemungkinan Yang Berhormat bersetuju bahawa kita patut mengkaji. Kenapakah gejala sosial yang banyak berlaku adalah di kalangan masyarakat Melayu, orang Cina, orang Tionghoa gejala dadah tidaklah begitu berleluasa.

Gejala sosial yang lain rogol kalau kita lihat tidak begitu banyak di kalangan Cina. Peratusan *population* dia dibanding dengan peratusan yang ada di dalam tempat-tempat tahanan dadah dan juga pusat-pusat serenti orang Cina, orang Tionghoa jauh berkurangan daripada peratusan *population*. Bermaknanya, walaupun orang Cina liberal dari segi pakaian, kalau di Pulau Pinang mereka pakai *short* merata-rata tetapi gejala rogol dan gejala-gejala yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak begitu ketara. Mat rempit tidak ketara, lepak tak ketara.

Jadi di manakah bezanya? Apakah sebabnya? Saya hanya bertanya kepada Yang Berhormat sama ada kita wajar membuat penyiasatan dan membuat kajian. Apakah bezanya cara mereka mendidik anak-anak, cara mereka membesarkan anak-anak, cara mereka bergaul dalam keluarga? Agar kita dapat kemungkinannya mempelajari sedikit sebanyak kebaikan yang ada pada mereka supaya kita dapat menerapkan kepada kita.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Satu pandangan yang cukup baik daripada Yang Berhormat Padang Besar, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira kajian itu memang patut di buat, saya ingat bukan Yang Berhormat Padang Besar sahaja yang ada persoalan seperti itu, saya juga dan kami semua juga. Cuma pada saya sendiri dan ramai sahabat-sahabat saya. Pada kami apabila kita mengaku kita sebagai orang Islam, dilahirkan sebagai orang Islam oleh ibu bapa kita yang juga beragama Islam. Panduan kita adalah al-Quran.

■1250

Apabila kita tinggalkan al-Quran, maka musibah dan balanya adalah, inilah yang berlaku dalam masyarakat kita tetapi saya kira dari segi kajian itu tidak menjadi satu masalah, malah sepatutnya telah ada kajian tersebut. Kementerian mana, mungkin kementerian sahabat saya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mungkin agaknya, di situ sepatutnya atau pun saya percaya institusi-institusi pendidikan, di UPSI misalnya universiti pendidikan. Sepatutnya telah ada kajian-kajian di kalangan pensyarah-pensyarahnya yang hendak membuat PhD dan sebagainya tentang fenomena yang kita anggap agak pelik berlaku dalam negara kita.

Seterusnya, saya nak meneruskan juga tentang...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Penjelasan.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Penjelasan lagi?

Seorang Ahli: Dia tak jelaslah itu.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Okeylah, boleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat tidak akan berhenti sehingga diberi peluang. Sila.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Sedikit sahaja, ya, sedikit, jangan panjang sangat. Saya hendak pergi Permatang Pauh ini, jangan panjang sangat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tak pergi Permatang Pauh, tak penting. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tertarik dengan isu peranan ibu bapa,

contoh yang diberikan oleh Titiwangsa itu sudah pun membuktikan bahawa sebenarnya ibu bapa memainkan peranan yang penting.

Cuma, saya nak bangkitkan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa tadi, tentang penderaan lelaki terhadap golongan wanita ini. Ini memang saya pun cukup marah sebenarnya dengan isu lelaki mendera wanita, dan saya menyokong 300% Yang Berhormat Titiwangsa. Cuma, kalau ikut senarai ini, Yang Berhormat disenaraikan sebagai 'Menteri Wanita, Kebudayaan dan Kesenian', 'Kabinet Pakatan' September ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya ingin tahu, apakah yang akan dilakukan oleh Yang Berhormat mengenai dengan isu lelaki mendera wanita dan masalah peranan ibu bapa ini, macam mana kita hendak pastikan ibu bapa ini betul-betul menjalankan tugas keibubapaan mereka ini, terima kasih.

Dato' Haji Lilah Yassin [Jempol]: Lelaki dera lelaki pun kena jawab.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Saya ingat saya hendak memecahkan rekod hendak menjadi Timbalan Perdana Menteri wanita yang pertama di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi itu, saya juga bersetuju 300%.

Saya hendak meneruskan lagi apa yang ingin saya perkatkan di sini iaitu, oleh sebab kepelbagaian agama dan kepercayaan kita tadi. Kalau boleh maknanya, dalam kurikulum pendidikan di peringkat guru-guru pelatih ini hendaklah juga kurikulum itu boleh menjuruskan kepada kita melahirkan bahawa *God fearing citizen, God fearing society, God fearing leaders*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Banyak masalah-masalah yang berlaku. Saya kira bukan sahaja orang Melayu yang ada masalah. Walaupun mungkin Melayu yang banyak yang jadi doktor, *self service doctor*. Dia cucuk sendiri, dadah, tetapi Cina juga terlibat dalam banyak masalah ekstasi. Anak-anak gadis Cina, anak-anak remaja Cina, ramai yang lari daripada rumah. Begitu juga kaum India, ramai yang kecikiran dan bermasalah.

Tanpa menafikan menonjolkan permasalahan di kalangan orang Melayu Islam...

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Penjelasan.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Jadi, saya kira ini sepatutnya kita ambil kira bukan sahaja di kalangan orang Melayu tetapi juga kepada semua kaum di negara kita, mereka pewaris kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Maran.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Sedikit sahajakah?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Ya, sedikit sahaja.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Sedikit, setengah minit ya.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]: Ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Saya tertarik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Titiwangsa dan juga berkaitan dengan Yang Berhormat Padang Besar tadi, iaitu

penglibatan orang lain juga, orang bukan Melayu, Cina, India dan sebagainya tentang masalah-masalah sosial ini.

Saya pernah bekerja di satu daerah, saya tak perlu sebut daerahnya. Kita telah bina satu kawasan rekreasi untuk kebaikan sebenarnya, tetapi ada seorang bapa Cina jumpa saya. Dia kata, "Tuan, saya dapati ramai juga anak-anak Cina yang terlibat dengan masalah-masalah sosial ini termasuklah bersekedudukan dan sebagainya."

Saya bukan hendak timbulkan masalah perkauman, Cina, India, Melayu dan sebagainya. Yang penting kepada kita bagai mana kita boleh mengatasi masalah sosial yang berlaku dalam negara kita ini. Tadi, Yang Berhormat Padang Besar sebutkan, sebahagian yang terlibat dalam masalah sosial ini adalah orang Melayu. Saya hendak betulkan sedikit Yang Berhormat, mungkin kita perlu berikan perhatian serius.

Kalau boleh, mungkin Yang Berhormat Titiwangsa sebagai seorang wanita yang saya kenal, kita dapat mencari jalan supaya tanggapan ini dapat kita perbetulkan. Sebab saya takut begini, walaupun sekarang ini kita melihat masalahnya orang Melayu terlibat dengan masalah sosial yang cukup hebat, tapi mungkin mereka kita melihat pada pandangan agama. Bila adanya berlaku, kita ambil tindakan yang cukup serius. Akan tetapi sebenarnya bangsa lain, Cina, India mungkin berlaku, tetapi mungkin bagi mereka perkara biasa.

Bermakna, kalau buka seluar, bukan buka seluar, pakai seluar pendek, pakai pakaian singkat, biasa bagi mereka, tapi mungkin bagi kita, tidak. Saya bimbang, kalau benda ini dibiarkan, kalau mungkin kita tak buat kajian yang baik yang boleh menghasilkan sesuatu *finding* yang cukup dengan izin, yang cukup berkesan bagi kita mengatasi masalah sosial ini, kita takut kerana anak-anak Melayu, anak-anak bangsa lain, India, Cina, mereka ini bergaul bersama-sama. Sebab itu kita lihat dalam kes-kes kita jumpa di kelab-kelab malam dan sebagainya, melibatkan Melayu, Cina dan sebagainya.

Jadi, kalau kita biarkan isu sosial ini berlaku begitu sahaja dalam kaum lain, ia boleh menular kepada kaum Melayu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Sebab itu saya katakan tadi, bukan orang Melayu sahaja yang orang kata ada masalah sosial ini, semua kaum, anak-anak kaum lain juga ada masalah sosial.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta laluan.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Nantilah dahulu Yang Berhormat Padang Besar.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Ini hendak *time* dah ini, empat minit lagi.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Baru hendak cakap. Sekejap, sekejap, nanti habis idea saya. Apa benda hendak cakap tadi, sudah lupa dah.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: [*Ketawa*] Bagi pada sayalah, sekejap lagi fikir. *You* sambung lagilah pukul 2.30.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Hendak habis masa dah. Jadi, apa yang ingin saya perkatakan di sini ialah, yang saya sebutkan tadi, kurikulum guru-guru pelatih itu sendiri mestilah menjurus kepada *God fearing society* tadi. Saya rasa kita patut berbangga sebenarnya, sebagai orang Islam kita patut berbangga kerana kita meletakkan *benchmark* yang tinggi. Kalau boleh saya kongsi di sini, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Acuan Allah, model Allah, sistem Allah. Maka manakah yang lebih baik daripada acuan, model dan sistem Allah ini.

Jadi, kita meletakkan di situ, apakah *value* baik, bila kita sebut kita mesti menanamkan nilai-nilai positif. Positif dari segi apa? Nilai kita adalah yang telah ditentukan oleh Islam. Biar kita punya nilai itu tinggi, kerana itulah keperibadian dan kemuliaan. Sebab itu kita sebagai orang Islam kena yakin "*Ai-Islamuyaklu walayunlaalah.*"

Jadi, Islam itu adalah tinggi dan tidak ada yang lebih tinggi daripadanya. Itu adalah keyakinan kita.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Minta maaf, saya tak dapat bagi sebab tinggal tiga minit sahaja lagi. Kemudian saya hendak pergi Permatang Pauh.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tak apa, tak apa, *you* boleh sambung 2.30.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Kemudian seterusnya, saya juga merasakan mata pelajaran sivik perlu diperkasakan semula, sebab sampai sekarang setelah 51 tahun sudah kita merdeka. Masalah sampah yang paling *basic* pun masih belum dapat kita urus dan tangani dengan baik. Saya tidak menyalahkan kerajaan 100%. *Attitude, habit*, apa sudah jadi dengan orang kita sehingga tidak sayang kepada negara kita sendiri, tak sayang kepada sungai kita sendiri, tak sayang kepada tanah-tanah kita sendiri, tidak sayang kepada hutan kita sendiri.

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Bersetuju, bersetuju bulat-bulat.

Dr. Lo'Lo' Mohamad Ghazali: Jadi, saya mengharapkan supaya dalam kurikulum pendidikan ini mesti ada di situ mata pelajaran sivik yang menekankan tentang alam sekitar, yang menekankan tentang kebersihan, menekankan ketepatan masa, kesungguhan dan kekuatan minda dan sebagainya sehingga kita boleh melahirkan atlet-atlet, ahli-ahli sukan yang sepatutnya berjaya di Olimpik dan sebagainya. Jadi, ini antara perkara yang sepatutnya telah kita selama berapa tahun anak kita di sekolah, enam tahun campur lagi lima tahun, sebelas tahun, campur lagi prasekolah, dah hampir 12 tahun tetapi kita masih tidak boleh lagi menerapkan satu nilai yang mulia. Nilai yang orang kata kita boleh berbangga dengan anak-anak kita, bukan *straight A's*, dengan izin, bukan itu sahaja yang kita perlu lihat, tetapi keseluruhannya.

Kemudian seterusnya, sebelum saya mengakhirkan, saya mohon di sini jugalah kalau tadi ramai sahabat-sahabat kita jaga, malah di Permatang Pauh diberi peruntukan berjuta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, saya juga mengharapkan di sini atas masalah-

masalah sosial dan sebagainya, peranan sekolah agama rakyat mestilah diberi perhatian dan penekanan sewajarnya oleh pihak kerajaan

Jangan kata daripada sekolah agama rakyat ini boleh lahir pembangkang-pembangkang sahaja, orang PAS daripada sekolah agama rakyat. Ramai juga daripada sekolah agama rakyat ini, duduk di sebelah sana, menjadi menteri, menjadi penasihat agama, sekolah agama rakyat. Jadi, sekolah agama rakyat ini bukanlah untuk melahirkan orang-orang PAS juga tetapi melahirkan juga orang-orang UMNO sehingga tercetusnya Islam Hadhari agaknya.

Jadi, saya memang hendak habiskanlah. Dengan itu mengambil peluang ini mengharapkan cadangan-cadangan saya itu tadi diberi perhatian. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, boleh kita sambung perbahasan pada pukul 2.30 petang nanti. Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.33 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996. Ingin saya menyentuh beberapa perkara mustahak berkaitan pendidikan. Perkara yang pertama kegagalan membaca, menulis atau mengira di kalangan murid-murid Tahun 1 di Sabah dan di Tawau. Berdasarkan ujian penapisan K1A2M pada 20 Januari 2008, peratusan dan bilangan murid-murid Tahun Satu Sekolah Kebangsaan yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca, menulis atau mengira dalam program K1A 2M di Sabah adalah sebanyak 65.5% atau 28,700 orang murid-murid dan khasnya di Tawau sebanyak 58% atau 2,697 orang murid-murid.

Keputusan ini adalah amat membimbangkan kerana murid-murid ini adalah anak-anak Malaysia di Sabah. Mengapakah begitu tinggi kadar insiden ini di Sabah dan di Tawau? Memang langsung tidak dapat saya atau rakyat Sabah terima bahawa kegagalan ini sebenarnya berlaku di Sabah atau di Tawau. Mengapakah masih terdapat jurang besar di antara pembangunan kemudahan pendidikan pencapaian murid-murid sekolah dalam peperiksaan itu di antara Semenanjung Malaysia dan di Sabah. Adakah Kementerian Pelajaran ...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Kuala Krau Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Mempunyai sebarang pelan untuk mengkaji mengapa ini berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau bangun Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Nanti tunggu saya habis dahulu ya. Adakah kegagalan ini berlaku kerana murid-murid tidak pernah menghadiri kelas-kelas pra sekolah. Contohnya kelas pendidikan tadika atau taska terutamanya sekali di kawasan luar bandar. Adakah ia berlaku kerana kurikulum yang disediakan tabika atau tadika taska oleh KEMAS atau Jabatan Kemajuan Masyarakat tidak melengkapkan murid-murid dengan kemahiran membaca dan menulis yang mencukupi. Adakah kementerian mempunyai sebarang plan untuk menyelaraskan tabika atau tadika untuk memperbaiki kemahiran-kemahiran membaca, menulis atau mengira di kalangan kanak-kanak sebelum mereka menghadiri Tahun Satu Sekolah Kebangsaan. Apakah agaknya jangka masa yang perlu diambil untuk mengurangkan kegagalan-kegagalan murid-murid tersebut?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tawau. Saya juga merasakan begitu bimbang terhadap apa yang terjadi di Sabah kerana beratus ribu atau puluhan ribu pelajar kita yang masih lagi tidak dapat membaca dan mengira atau terpaksa mengikuti kelas intervensi awal K1A2M ini. Pada pandangan Yang Berhormat Tawau adakah kerana pelajar-pelajar atau anak-anak kita ini tidak memasuki kelas-kelas tadika seperti KEMAS dan Tabika Perpaduan atau ada juga diberi peluang untuk mengikuti kelas pra sekolah.

Contoh di dalam kawasan saya di Kuala Krau ada juga pelajar yang terpaksa mengikuti kelas tiada M ini kelas intervensi awal ini untuk membaca dan mengira kerana mereka ini walaupun mengikut kelas pra sekolah tetapi keadaannya tidak sama dengan kebolehan yang pelajar-pelajar yang telah mengikuti tadika Kemas dan tadika Perpaduan. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap sukatan pelajaran atau cara pengajaran dan pembelajaran di pra sekolah dan terpaksa juga pelajar-pelajar daripada pra sekolah ini terpaksa mengikut kelas K1A2M ini? Minta pandangan Yang Berhormat Tawau, terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat dari Kuala Krau. Kalau mengikut statistik ini ada 28,700 orang murid-murid. Saya hendak tahu juga daripada pihak kementerian kalau ikut itu statistik ini memang ada separuh ada masuk tabika atau tadika. Mungkin lain itu tidak pernahlah tidak masuk tabika di luar bandar. Jadi kerana perkara ini yang begitu serius yang saya hendak minta kementerian untuk mengambil prihatin tentang perkara ini. Kita hendak minta jawapan yang teliti daripada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua oleh kerana kekurangan kemahiran-kemahiran tersebut ramai murid-murid sudah mulai tercicir dari sekolah seawal peringkat sekolah kebangsaan. Adakah sebarang kajian atau penyiasatan dijalankan berkaitan kadar dan sebab-sebab keciciran murid-murid dari sekolah kebangsaan dan begitu juga sekolah menengah di Sabah dan di Tawau. Tuan Yang di-Pertua perkara yang kedua keperluan perlu dalam sistem pendidikan. Terdapat murid-murid sekolah di Sabah dan Tawau yang datang daripada keluarga yang miskin atau miskin tegar atau bermasalah telah berhenti bersekolah bagi tempoh satu hingga dua tahun.

■1440

Apabila keadaan keluarga pulih, mereka telah memohon hendak balik ke sekolah demi menyambungkan pendidikan mereka akan tetapi sistem pendidikan kebangsaan yang tegar atau tidak fleksibel, maka mereka tidak dibenarkan masuk tahun atau darjah di mana mereka telah berhenti dahulu. Mereka terpaksa masuk kelas yang merupakan satu atau dua tahun lebih tinggi daripada tahun atau darjah di mana mereka telah berhenti dahulu. Peraturan ini sangat merugikan mereka yang ingin masuk semula ke sekolah. Mereka didapati terlalu jauh ketinggalan di belakang murid-murid lain dalam kelas.

Mereka langsung tidak dapat memahami apa juga yang diajar guru dan seterusnya tidak dapat menguasai sebarang ilmu kemahiran yang diajar. Kegagalan mereka akhirnya mengakibatkan keciciran mereka dari sekolah dan adakah kementerian bercadang supaya membenarkan sedikit kelenturan atau fleksibiliti dalam sistem pendidikan sekarang iaitu membenarkan murid-murid yang sudah berhenti sekolah selama satu atau dua tahun untuk balik ke sekolah dengan memasuki kelas atau darjah yang menyambungkan tahap pendidikan di mana mereka sudah berhenti sebelum ini. Saya yakin dengan adanya fleksibiliti ini, penguasaan pembelajaran dapat dipertingkatkan dan keciciran murid sekolah dapat dikurangkan.

Perkara yang ketiga, prasarana pendidikan komputer dan IT bagi Sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan mubaligh atau *mission school*. Dalam zaman komputer dan teknologi maklumat, semua murid-murid sekolah di seluruh Malaysia perlu diberi peluang sama ada untuk menerima pendidikan sains komputer dan teknologi maklumat supaya Malaysia dapat melahirkan satu generasi sumber manusia yang berkualiti dalam bidang-bidang tersebut.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Minta laluan. Minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tawau. Saya tertarik daripada segi pendidikan ICT terutamanya di negeri Sabah dan juga termasuklah di kawasan-kawasan luar bandar di seluruh Malaysia ini.

Setujukah Yang Berhormat ataupun apa pandangan Yang Berhormat jika kita kalau boleh memasukkan dalam ucapan Yang Berhormat iaitu supaya mewujudkan sekolah khas ataupun pendidikan khas yang memberi penumpuan dengan mewujudkan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh daripada pusat pentadbiran daerah, sekolah-sekolah khas bagi dapat mengatasi masalah iaitu tidak berkemahiran murid-murid yang berada di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah dan Sarawak dan kawasan luar bandar yang lain di Malaysia. Terima kasih, mohon penjelasan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih kepada rakan saya dari Silam. Memanglah ini adalah satu cadangan yang baik dan saya bersetuju jugalah. Ini akan masuk ke dalam ucapan saya dan saya merayu kepada pihak kementerian juga mengambil perhatian

tentang perkara ini dan disambungkan daripada tadi KIA2M ini. Ini sudah berlaku di mana-mana kawasan pun di Sabah dan kalau kita mahu mahir dalam komputer, kita patutlah mulakan pada asas pendidikan. Kalau kita tidak ada kemahiran untuk menulis atau membaca, macam mana kita boleh jadi mahir dalam sistem komputer. Inilah saya berharap pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan komputer dan teknologi maklumat sepatutnya adalah untuk semua murid Malaysia. Berdasarkan hakikat ini, ingin saya merayu kepada Kementerian Pelajaran agar dapat memberi bantuan prasarana dan kemudahan komputer dan IT kepada semua sekolah di seluruh Malaysia termasuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil serta sekolah-sekolah mubaligh atau *mission school* khususnya di Sabah dan di Tawau. Pihak guru juga memerlukan kemudahan komputer sebagai alat bantuan pengajaran manakala murid-murid pula memerlukan komputer untuk latihan kemahiran menggunakan komputer serta melayari *internet* demi kerja projek, penyelidikan dan sebagainya. Murid-murid daripada semua kumpulan etnik perlu diberi peluang sama rata untuk mempelajari kemahiran komputer dan IT. Ambil contohnya, Sekolah Menengah St. Patrick di Tawau, saiz purata kelas adalah 45 orang hingga 50 orang murid setiap kelas dengan 45% murid bumiputera dan 55% murid bukan bumiputera.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ini adalah satu sekolah *mission school*. Diharap kementerian mengambil tindakan segera untuk menyediakan prasarana komputer dan IT bagi sekolah-sekolah yang tersebut di atas supaya memastikan tiada mana-mana kumpulan murid-murid yang dinafikan peluang pendidikan komputer dan IT.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Putatan bangun.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tawau. Saya tertarik apabila Yang Berhormat menyentuh soal bantuan daripada pihak kerajaan tentang prasarana di sekolah-sekolah jenis kebangsaan dan sekolah-sekolah mubaligh.

Yang Berhormat, saya mempunyai soalan pada hari Selasa yang lalu iaitu pada 19 hari bulan Ogos, soal satu sekolah jenis kebangsaan Cina (Tionghoa) di kawasan saya yang bernama SRJKC Hua Sing di Putatan. Saya juga pernah menimbulkan perkara yang sama kepada pihak kementerian soal bantuan. Bukan sahaja bantuan prasarana komputer dan teknologi maklumat tetapi soal bantuan sekolah-sekolah yang telah uzur dan di sekolah ini sedang membuat satu pembinaan sekolah yang baru menggantikan sekolah-sekolah yang lama.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ada di sini dan tahu perkara ini yang sebenar. Sekolah ini Yang Berhormat, bukan sahaja budak-budak kita daripada masyarakat Cina tapi 7% adalah daripada golongan bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam, 7% menuntut di sekolah ini. Jadi apa yang masalah ialah jawapan kepada soalan saya yang menyatakan

kerajaan telah menyediakan RM50,000 kepada sekolah tersebut untuk tujuan pembaikan dan penyelenggaraan bangunan sekolah. Jadi Yang Berhormat, apa yang disoal oleh saya ialah adakah sekolah ini perlu dibantu untuk menyiapkan bangunan yang baru yang sekarang sudah tergendala empat tahun dah.

Hanya sekarang sudah 80%. Jadi saya memohon daripada pihak kementerian kalau boleh, masukkan dalam teks ucapan Yang Berhormat dan apa yang dijawab di sini tidak begitu jelas kerana tidak menyentuh kerajaan akan membantu. Apa yang dinyatakan dalam jawapan untuk soalan saya, akan disalurkan kepada semua sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah mubaligh (*mission school*), peruntukan bertujuan untuk membantu sekolah ini kepada seluruh negara, RM100 juta. Jadi tidak menjawab soalan yang spesifik.

■1450

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi setujukah Yang Berhormat. Ada pernah saya minta bantuan daripada syarikat-syarikat swasta dan seorang individu untuk membantu dan terima kasih kepada satu syarikat dalam kawasan saya yang telah berjumpa dengan pihak pengurusan sekolah untuk membantu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Jadi kerajaan haruslah juga membantu dari segi peruntukan untuk menyiapkan bangunan ini. Saya minta persetujuan dari Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat dari Putatan. Memanglah di banyak *government-aided school* ada banyak kekurangan infrastruktur di Malaysia dan khususnya di Sabah dan Sarawak. Tidak dinafikan RM50,000 ini tidak boleh buat apa-apa. Sekarang semua bahan pun telah naik dan dari pihak rakan-rakan Sabah kita merayulah kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya mereka boleh menyelesaikan masalah ini. Tentang peruntukan yang besar - RM50,000 ini tidak boleh buat apa-apa. Saya tahu di Permatang Pauh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun ada memberi peruntukan RM200,000 setiap sekolah Cina. Tahniahlah dan kita berharap pihak kementerian memberi peruntukan yang sewajarnya untuk sekolah-sekolah *government-aided school* di Sabah dan Sarawak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat ada sebut soal komputer tadi. Apakah Yang Berhormat setuju dengan cadangan saya dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat supaya mengambil kira sambutan hari kemerdekaan dan usaha kerajaan dalam Program Celik Komputer

supaya kerajaan memberi *laptop* percuma kepada semua pelajar di sekolah, politeknik, menengah dan universiti. Semua sekali tanpa mengira kaum.

Saya kira satu komputer *laptop* kalau beli banyak dengan cara murah RM2,000 boleh dapat. Kalau banyak. Bermakna kalau sejuta pelajar baru RM200 juta. Ini sebagai satu langkah drastik yang betul-betul mempunyai impak dalam program memberi kesedaran dalam penggunaan komputer sebab sekarang ini ialah zaman internet, zaman teknologi maklumat dan ini sebagai satu hadiah kerajaan kepada generasi muda dalam menyambut dan mengisi kemerdekaan negara kita. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat dari Pasir Mas. Ini memang satu cadangan Yang Berhormat baik, tetapi saya kuarir kerana Kementerian Pelajaran ada belanjawan yang begitu besar atau tidak. Kalau kita mampu memang ia adalah satu cadangan yang baik, tetapi di sini saya menyeru kepada kementerian kerana pada masa sekarang di Sabah guru-guru pun tidak ada kemudahan-kemudahan begitu dan ini yang penting untuk mengajar murid-murid di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat masalah-masalah guru sementara dan kekurangan guru terlatih. Kementerian Pelajaran harus dipuji atas usaha serius yang dijalankan untuk meningkatkan nisbah guru berijazah di sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan atau menengah. Sasaran diharap tercapai adalah seperti berikut:

- (i) lebih daripada 60% guru sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan adalah guru berijazah, manakala hampir semua guru sekolah menengah adalah guru berijazah; dan
- (ii) 30% guru sekolah menengah adalah yang berijazah sarjana.

Semua ini adalah sangat menggalakkan dan yakin akan menguntungkan murid-murid di Malaysia atau di Sabah dan Sarawak.

Akan tetapi satu masalah yang selalu berlaku setiap tahun adalah masalah guru sementara yang tidak mencukupi untuk mengisi kekosongan guru terutama sekali di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Mengapakah masalah guru sementara berlaku secara berlangsung berulang-ulang kali? Terdapat kekurangan guru sementara ini sangat serius di beberapa negeri. Ada pula laporan yang mengatakan bahawa sekolah-sekolah tidak dibenarkan menjawat guru sementara yang mencukupi atas sebab anggaran terlalu rendah telah dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri berkaitan kekosongan guru sekolah.

Oleh kerana itu murid-murid sekolah tersebut yang rugi. Ada yang terpaksa belajar dalam kelas yang penuh dengan seramai 50 orang murid. Ada yang terlepas peluang belajar subjek-subjek tertentu kerana tiada guru langsung. Ada sekolah di mana guru-guru sementara dijawat dengan gaji mereka ditanggung oleh lembaga pengurus sekolah kerana guru sementara yang lebih daripada yang dijangka dalam anggaran yang salah itu tidak termasuk dalam...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Belanja gaji sekolah berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Sekejap lagi. Apakah tindakan segera yang diambil oleh kementerian supaya memastikan bahawa keadaan-keadaan tersebut di atas tidak berulang lagi pada masa depan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya agak terkilan dengan jawapan Yang Berhormat tadi. Saya duduk termenung tadi bila Yang Berhormat kata cadangan saya baik tetapi sama ada kementerian ada duit atau tidak. Ini sebenarnya kementerian ini kerajaanlah. Apakah Yang Berhormat sedar apabila harga minyak sekarang sudah turun dengan mendadak kerajaan belum lagi menurunkan harga seperti negara lain? Saya percaya Petronas sendiri sudah mengaut keuntungan yang banyak.

Kemudian ada projek-projek yang dikira tidak menjadi *priority*. Itu juga boleh difikir oleh kerajaan balik supaya ditangguhkan dan peruntukan untuk komputer ini bukanlah banyak. Kalau kita kata RM300 juta pun mungkin harga keuntungan minyak tak sampai pun setengah hari untuk kita bagi bantuan kepada pelajar-pelajar dalam konteks kecemerlangan pendidikan, kempen celik komputer, kemudian sempena dengan hari kemerdekaan...

Jadi semua generasi muda saya percaya akan bergembira dengan sedikit pengorbanan yang berfaedah daripada melaksanakan projek-projek yang tidak berfaedah, yang kita tahu terlalu banyak membazir. Bila buat perayaan-perayaan kita tengok jumlah harga *bunting*. Sepanduk yang dibeli secara tender saya tahu nilainya tidak sedikit. Yang betul-betul membazir. Saya tengok mungkin 30 *bunting*, mungkin dapat beli lima enam biji komputer. Saya membuat perbandingan yang cukup mudah untuk difahami. Kalau kita belanja dengan berhemah tapi kena dengan pada sasaran, bererti rakyat negara kita pun turut gembira tanpa mengira yang miskin, yang kaya semua kaum sebab ini perkara penting yang harus dinikmati oleh semua rakyat. Jadi saya hendak *emphasize* perkara ini, hendak *reaffirm* cadangan ini supaya Yang Berhormat tidak merasa sedikit apologetik. Maknanya tak payah takut samalah walaupun sama-sama dalam Barisan Nasional...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, ini ucapankah penjelasan?

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: ...Kena juga kadang-kadang lantang untuk kebaikan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sibuk sahaja.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Yang Berhormat daripada Pasir Mas ini tidak ada berkaitan dengan Barisan Nasional atau tidak Barisan Nasional. Pendidikan adalah satu agenda untuk membangunkan negara kita.

■1500

Peruntukan ini bukan kuasa sesiapa, ini adalah tertakluk kepada kementerian dan menteri kita, kita berharap mereka boleh cari satu cara yang baik.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan sekali lagi. Mohon laluan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tawau. Saya ingin bertanya tentang isu guru sandaran terutamanya di negeri Sabah. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian dan mohon dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat Tawau iaitu guru-guru sandaran di negeri Sabah, kontrak perjanjian itu hanya setakat sampai hujung tahun ini. Jadi, ada baiknya supaya cadangan daripada Yang Berhormat Tawau tadi iaitu tentang masalah ada sekolah-sekolah yang tidak ada guru di dalam kelas, kemudian terbiar terutamanya di kawasan luar bandar.

Kalau kita lihat sendiri macam contohnya di Tambisan dan Tanjong Paras di kawasan Parlimen Silam yang pernah saya lawati sendiri memang nampak masalah ini sangat mendesak. Saya cadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengambil inisiatif untuk guru-guru sandaran yang akan tamat tempoh kontrak mereka pada hujung tahun ini akan secara automatik disambung mengikut prestasi yang ditunjukkan oleh guru-guru sandaran itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih kepada rakan saya dari Silam. Memanglah ini adalah satu psikologi untuk guru-guru sandaran ini kerana mereka tidak tahu tugasnya akan disambung atau tidak disambung *and they lost interest*. Saya bersetujulah apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Silam dimasukkan dalam ucapan saya supaya kementerian boleh ambil tindakan tentang perkara ini secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa mengatakan bahawa bahagian pendidikan guru di bawah kementerian tidak mampu mengeluarkan bilangan guru terlatih yang mencukupi melalui usaha latihan perguruan yang dijalankan oleh institusi pendidikan guru termasuk institut-institut perguruan dan universiti-universiti awam.

Alasan ini memang tidak boleh diterima oleh rakyat terutama sekali pihak-pihak Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil yang sudah lama menderita kerana kekurangan guru terlatih dan juga kekurangan guru sementara. Pada pendapat saya, latihan perguruan sama ada pada peringkat sijil, diploma atau ijazah tidak boleh dianggap sebagai satu tanggungjawab yang khas bagi bahagian pendidikan guru di bawah Kementerian Pelajaran sahaja. Buat masa yang panjang sehingga ini, bahagian pendidikan guru masih tidak pernah berjaya menghasilkan bilangan guru terlatih yang mencukupi.

Apa salahnya jika kementerian mempertimbangkan kemungkinan menjemput pihak kolej atau universiti swasta di Malaysia untuk berganding bahu menjalankan tugas menghasilkan guru

terlatih supaya dapat mengecilkan jurang di antara permintaan dan bekalan guru terlatih yang ada. Ini dapat memastikan latihan perguruan dijalankan kolej atau universiti swasta di bawah kebenaran kementerian mencapai standard yang memuaskan. Penilaian kualiti kemudahan kolej atau universiti swasta perlu dijalankan oleh kementerian. Kurikulum serta tenaga pengajar perlu dinilai mengikut piawai yang ditetapkan oleh MQA iaitu, Malaysian Qualification Authority.

Contoh penswastan program latihan perguruan yang kita boleh ambil sebagai rujukan adalah kes guru-guru terlatih peringkat sijil atau diploma perguruan atau institut perguruan yang ingin menaik taraf kelayakan perguruan melalui program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Bachelor of Teaching selepas pengalaman mengajar beberapa tahun di sekolah kerajaan. OUM atau Open University Malaysia, sebuah universiti terbuka swasta telah ditugaskan untuk memberi latihan tambahan perguruan dalam Bachelor of Teaching kepada guru-guru terlatih yang dihantar kementerian.

Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menjemput kolej atau universiti swasta yang berkemampuan dari segi kemudahan tenaga pengajar atau kurikulum untuk menjalankan latihan perguruan terutama sekali bagi guru-guru bahasa Cina dan guru-guru subjek-subjek Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Jika kementerian bersedia membuat demikian, saya yakin masalah kekurangan guru khususnya untuk mengajar bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dapat diselesaikan tidak lama lagi di Malaysia atau di Sabah. Begitu juga, saya merayu kepada kementerian memberi juga insentif kepada guru-guru di Sabah yang mengajar bahasa Kadazan Dusun supaya bahasa Kadazan Dusun itu diwarisi kepada generasi muda di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima, pendidikan khas di Tawau. Merujuk kepada pendidikan khas, saya ingin menarik perhatian Menteri Pelajaran kepada SK Bandar Dua, Tawau dan SMK Kuhara. Pendidikan khas yang sudah terlalu penuh dengan murid-murid istimewa di mana tiada guru terlatih yang mencukupi serta sangat kekurangan kemudahan yang berkenaan. Oleh itu, murid-murid istimewa itu terpaksa diajar dalam kelas saiz besar sehinggakan perhatian penuh tidak dapat diberi kepada mereka yang memerlukannya dan pengajaran-pengajaran yang berkesan tidak boleh dicapai.

Saya ingin merayu kepada Menteri Pelajaran agar dapat ambil tindakan segera untuk membina lebih banyak bilik kelas bagi menampung bilangan murid-murid istimewa yang ramai di sekolah ini serta melatih lebih ramai guru pendidikan khas yang mencukupi. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan-cadangan di atas, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

3.58 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Kita menyambut baiklah, saya pun menyokong seperti mana kawan-kawan tadi bahawa untuk menaikkan taraf maktab perguruan ini menjadi institut pendidikan perguruan bagi melatih guru-

guru kita supaya kita dapat melahirkan guru-guru yang berijazah yang mampu untuk membawa sesuatu yang lebih baik kepada penuntut-penuntut dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

Cuma yang timbul di sini adalah satu persoalan yang saya ingin mendapat penjelasan. Apabila dinaikkan taraf untuk menjadi institut, walaupun tidak disebut sebagai sebuah universiti tetapi dia sudah bertaraf untuk melahirkan guru-guru yang bertaraf ijazah. Kebimbangan-keimbangan yang mungkin timbul hari ini di kalangan mereka yang terlibat dalam peringkat maktab sebelum ini, apakah satu hari nanti berkemungkinan institut ini juga akan jadi seperti mana UPSI. UPSI yang dulu adalah merupakan taraf maktab.

■1510

Akhirnya kebimbangan ini ialah akan menyebabkan kita sudah tidak dapat mengawal. Kalau dia masih kekal sebagai maktab yang berada di bawah Kementerian Pelajaran, bermakna bahawa Kementerian Pelajaran masih mampu untuk membuat perhitungan dari sudut unjuran keperluan tenaga-tenaga perguruan kita di sekolah-sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah mengikut subjek dan sebagainya.

Akan tetapi kalau dia sudah dianjak kepada Kementerian Pendidikan Tinggi umpamanya, mungkin satu hari nanti mungkin sekarang tidak. Maka sudah tentu kebimbangan ini akan timbul apabila kita lihat bahawa sekarang ini pun ada lambakan keluaran ijazah pendidikan daripada universiti-universiti tempatan dalam negara kita termasuk UPSI sendiri yang tidak mendapat tempat untuk menjadi guru di sekolah-sekolah ini. Sebab, sudah tentu Kementerian Pelajaran kita mendukung bahawa harus mengutamakan lepasan-lepasan daripada maktab ataupun institut yang akan ditukar nanti.

Maka kalau ia tidak cukup selepas daripada keluaran maktab ataupun institut selepas ini, barulah kita akan ambil daripada lepasan universiti-universiti. Akan tetapi bagi saya bahawa ini satu benda yang sangat merugikanlah. Maknanya kerajaan secara keseluruhannya bila kita telah *spent* duit yang begitu banyak kepada melatih graduan-graduan dalam universiti-universiti dalam bidang pendidikan, tiba-tiba mereka tidak dapat menyumbang kepada pembangunan pendidikan. Maka sudah tentu ini merupakan satu kerugian yang besar kepada negara kita. Jadi ini yang saya kira bahawa satu perhatian yang harus diberikan oleh Kementerian Pelajaran.

Kemudiannya juga ialah perkara berkaitan dengan soal kedudukan hari ini bukan sahaja kepada menaikkan taraf itu sendiri tetapi warga maktab yang akan dinaikkan taraf ini. Khususnya tenaga-tenaga pengajar di institut selepas ini perlu juga diberi perhatian dari sudut pendapatan ataupun tangga gaji mereka. Ini kerana tanpa mereka sudah tentu tidak akan lahir guru-guru yang bertaraf ijazah yang mempunyai kualiti yang tinggi seperti mana yang kita harapkan supaya akan melahirkan guru-guru yang berdedikasi dan sebagainya. Semuanya lahir daripada tenaga-tenaga pengajar di institut pendidikan perguruan itu sendiri.

Jadi ini isu yang timbul sejak sekian lama bahawa mereka-mereka yang mengajar di maktab sebelum ini walaupun mempunyai *master*, tetapi taraf gaji mereka tidak sama dengan

gaji seorang pensyarah di universiti biasa. Gaji mereka mengikut skim perguruan biasa. Kalau tidak silap saya bahawa mereka sekarang ini masih dalam D41 dan mereka mengharapkan akan naik kepada D44.

Akan tetapi bagi saya bahawa itu pun masih rendah D44 itu berbanding dengan seorang pensyarah yang telah pun bila masuk menjadi pensyarah dia telah sampai peringkat DS45 umpamanya. Sedangkan kita sudah naik taraf selepas ini sebagai institut untuk melahirkan guru-guru yang berijazah sama seperti mana di peringkat-peringkat universiti. Pensyarah itu mengajar mereka-mereka yang berkelulusan diploma dan juga ijazah.

Jadi saya kira bahawa warga maktab ataupun warga institut pendidikan perguruan ini perlu diberikan perhatian sebab kalau mereka tidak diberikan kedudukan yang sama *level* dengan pensyarah-pensyarah di universiti lain, maka sudah tentu bagi saya bahawa satu yang tidak baik untuk masa depan mereka. Yang keduanya saya bimbang juga saya tidak tahu apa kedudukan selepas ini pula kepada mereka yang mengajar di institut ini, maktab sebelum ini yang tidak mempunyai ijazah.

Saya percaya bahawa masih ada mereka-mereka mengajar yang tidak mempunyai ijazah. Bagaimana kedudukan mereka selepas ini? Sedangkan kita menaik taraf institut ini untuk melahirkan pelajar-pelajar atau pun guru-guru yang berijazah. Jadi hal-hal yang sebegini harus dilihat oleh kementerian supaya tidak timbul masalah pada kemudian hari nanti.

Kemudian kita memang menyokong. Macam saya katakan tadi melahirkan guru yang berijazah. Akan tetapi sekarang ini sudah pun ada guru-guru di sekolah-sekolah yang mengajar ini yang atas dedikasi mereka sendiri, inisiatif mereka sendiri melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan ijazah dan sebagainya. Saya kira bahawa golongan ini agak ramai di sekolah dan kita harus memberikan satu penghargaan kepada mereka kerana inisiatif mereka yang bersungguh-sungguh. Akhirnya mereka balik untuk mengajar di sekolah tempat mereka mengajar dulu ataupun di sekolah-sekolah yang lain.

Saya kira bahawa sebahagian besarnya telah menggunakan wang poket sendiri untuk belajar. Bukan ditanggung oleh kerajaan ataupun melalui pinjaman ataupun melalui biasiswa. Maknanya bahawa bagi guru-guru, belajar di peringkat sarjana dan *master* adalah merupakan sesuatu yang sangat tinggi. Akan tetapi akhirnya saya bimbang bahawa nanti mereka akan merasai guru-guru ini ataupun guru-guru yang belum lagi melanjutkan pelajaran di universiti akhirnya mereka rasa membuang masa. Oleh sebab bila mereka dapat ijazah, mereka dapat sampai peringkat *master* dan sebagainya seolah-olahnya tidak ada satu penghargaan kepada mereka. Ini kerana mereka masih lagi berada pada skim gaji yang sama seperti mana sebelum mereka memperoleh ijazah.

Jadi saya rasa bahawa saya mohon kepada pihak kerajaan untuk berusaha untuk memberikan pengiktirafan yang menggambarkan satu komitmen dan kejayaan guru-guru yang telah berjaya memiliki ijazah sarjana dan sebagainya. Iaitu dengan memberikan hadiah kenaikan

gaji ataupun memberikan sesuatu yang lebih baik daripada kedudukan yang telah pun mereka peroleh sebelum daripada ini. Ini saya percaya akan memberikan satu galakan yang lebih kepada guru-guru lain yang tidak ada ijazah untuk menyambung pelajaran. Ini supaya nanti mereka rasa bahawa mereka setanding dengan lepasan-lepasan daripada maktab, daripada institut yang akan lahir sebagai guru yang berijazah.

Akan tetapi kalau mereka rasa bahawa tidak ada apa-apa penghargaan daripada pihak kerajaan, jadi mereka rasa buat apa mereka buang masa. Kalau mereka dapat *master* pun balik duduk dalam kategori yang sama, duduk dalam standard yang sama dari segi pendapatan ataupun dari sudut gajinya.

Jadi sebab itu saya mohon kepada pihak kerajaan supaya memberikan perhatian dalam perkara seperti ini. Kemudian satu perkara lagi ialah kita juga bila mahukan guru yang berijazah, kemudian sampai kepada peringkat soal isu pengetua ataupun pengetua sekarang ini. Saya percaya mungkin kementerian masih lagi melakukan program iaitu Sijil Kepengetuaan iaitu NPQH di Institut Aminuddin Baki iaitu untuk melatih bakal-bakal pengetua yang merupakan guru-guru yang dibuat pilihan oleh pihak kementerian sendiri.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kemudian mereka itu yang dilihat mempunyai potensi ataupun keupayaan yang lebih baik untuk naik selepas daripada itu.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pendang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Mahu mencelah? Baik-baik celah itu.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena dan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Pokok Sena ada menyebut tentang guru-guru yang melanjutkan pelajaran dengan inisiatif sendiri dan mendapat sarjana. Ramai juga rakan-rakan saya yang mengajar di sekolah-sekolah juga dengan inisiatif sendiri membuat kedoktoran atau PhD di dalam bidang masing-masing. Mereka ini merasa macam sia-sia segala kerja-kerja yang mereka buat kerana apabila balik ke sekolah mereka tidak sama ada dinaikkan pangkat ataupun tidak diberi peluang yang lebih ataupun diserap sebagai pensyarah ataupun mana-mana institusi perguruan yang mungkin kita masuk dalam pindaan dalam rang undang-undang ini.

Pada pandangan Yang Berhormat Pokok Sena, apakah mereka ini patut diberi *priority* untuk diambil sebagai pensyarah ataupun tenaga pengajar di institut yang akan kita bentang dalam rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa kalau mereka mempunyai kelayakan. Katakan mereka sampai pada peringkat *master* umpamanya yang melayakkan mereka menjadi tenaga pengajar ataupun

pensyarah di institut ini. Seharusnya mereka ini ditempatkan di institut ini kerana mereka mempunyai *background*, pengalaman mereka mengajar dan sudah tentu bahawa pengalaman mereka mengajar sebelum itu boleh memberikan sesuatu yang lebih kepada guru-guru pelatih yang ada di institut perguruan itu nanti.

Jadi sebab itu bagi saya bahawa ini dalam usaha untuk menampunglah, bagi saya menampung maknanya kalau kerajaan tidak boleh mahu pastikan pangkat mereka di sekolah dan sebagainya, sekurang-kurangnya letakkan mereka di institut pendidikan selepas daripada ini.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya tertarik dari segi peluang-peluang Sijil Kepengetuaan yang telah dianugerahkan kepada guru-guru yang ada pengalaman dan potensi untuk dinaikkan pangkat ataupun dinaikkan gaji dan sebagainya.

■ 1520

Apa pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini sebab saya melihat di sesetengah tempat, tidak perlu menyebut secara spesifik negeri ataupun mana-mana kawasan iaitu dari segi kenaikan gaji atau kenaikan pangkat ini. Di Sabah juga terdapat guru-guru yang mempunyai inisiatif sendiri untuk meningkatkan daya ilmu mereka sehingga ke peringkat Master. Akan tetapi yang mengecewakan ialah kita melihat bagaimana pegawai ataupun kakitangan kementerian itu sama ada terlepas pandang ataupun sengaja tidak mengambil perhatian.

Jadi adakah Yang Berhormat setuju supaya diwujudkan suatu mekanisme sama ada jawatankuasa khas bagi memantau guru-guru yang mempunyai pengalaman ataupun ijazah yang telah sesuai dinaikkan pangkat sebagai pengetua ataupun sebagai guru besar ataupun sebagai pensyarah untuk dipertimbangkan supaya mereka ini mempunyai komitmen dan sayang kepada profesion mereka itu sendiri. Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Silam bahawa memang sepatutnya macam saya sebutkan tadi bahawa kerajaan harus berikan perhatian kepada mereka ini kerana mereka dengan kegigihan mereka sendiri tanpa bantuan kewangan daripada kerajaan, mereka melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan ijazah, master dan sebagainya. Sepatutnya bagi saya bahawa sebagai satu tanda penghargaan terima kasih, sekurang-kurangnya kalau tidak ada kenaikan pangkat pun, tangga gaji itu harus ada anjakan daripada tangga gaji sebelum daripada itu.

Jadi bagi saya bahawa ini harus diberikan perhatian. Soal mekanisme saya percaya bahawa maklumat itu, bilangan itu sudah pun ada di peringkat kementerian. Cuma bagaimana proses itu harus dibuat untuk mengenal pasti tempat-tempat yang harus diisi oleh mereka ini.

Kemudian saya balik kepada soal sijil pengetahuan ini, NPQH ini. Saya kira bahawa ini usaha yang sangat baik untuk memberikan latihan supaya akan lahir pengetua-pengetua

sekolah, guru-guru besar sekolah ini yang baik. Cuma masalah yang timbul di sini apa yang telah saya difahamkan, kita telah melatih boleh katakan ribuan mereka-mereka yang telah pun dilatih di Institut Aminudin Baki tetapi sebahagian besar mereka, bilangan yang cukup ramai saya difahamkan bahawa akhirnya balik jadi guru biasa juga. Malah kadang-kadang mereka hilang dia punya jawatan asal mereka itu kerana soal *posting*, soal penempatan mereka.

Jadi saya kira bahawa sesuatu yang rugi kepada guru-guru ini dan juga rugi kepada kita, kita melatih tetapi kita tidak dapat menempatkan mereka untuk menjadi pengetua-pengetua yang baik di sekolah. Akan tetapi bagi saya, sekurang-kurangnya mereka ini kalau pun mereka ini tidak dapat ditempatkan sebagai pengetua tetapi sekurang-kurangnya ada satu hadiah kenaikan gaji. Walaupun hadiah kenaikan gaji untuk mereka kerana ada kelebihan yang ada pada mereka berbanding dengan guru-guru yang lain.

Yang keduanya, saya nak sebut juga berkaitan dengan ini ialah untuk membolehkan kita menempatkan mereka menjadi pengetua ini, saya kira bahawa seharusnya kerajaan sudah memikirkan untuk mengecilkkan bilangan pelajar di sekolah. Bermakna bahawa lebih banyak sekolah, maka sudah tentu lebih mudah untuk dari segi kawalan, dari segi disiplin, dari segi penumpuan, perhatian kepada pembinaan dan pembangunan pelajar.

Jadi bila kita mengecilkkan bilangan bukan sahaja bilangan dalam bilik darjah tetapi bilangan pelajar secara keseluruhan di tiap-tiap sekolah itu kepada mungkin tak sampai seribu orang. Maka sudah tentulah bahawa akan lebih banyak bilangan sekolah dan akan lebih banyak bilangan pengetua-pengetua yang boleh kita tempatkan. Dan mereka ini telah dilatih untuk menjadi pengetua. Jadi saya kira bahawa ini suatu yang perlu dilihat oleh pihak kerajaan.

Kemudiannya juga ialah Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) ini, PTK yang menjadi rungutan bagi pihak kakitangan kerajaan khususnya guru yang mereka menganggap bahawa ini tidak relevan. Sebab kadang-kadang kita lihat bahawa penilaian ini ada guru yang malas tetapi bila dia nak *exam*, dia *study* betul-betul dan akhirnya dia dapat *excellent* dalam peperiksaan PTK ini. Akan tetapi ada guru pula yang rajin tetapi oleh sebab kerajinan dia, dia buat program dengan budak dan sebagainya. Sehingga bila dia nak periksa, dia nak *exam*, ujian ini, dia tak sempat *study* umpamanya. Jadi dia tidak dapat satu pencapaian yang cemerlang dalam *exam* tersebut.

Jadi sudah tentu bahawa satu benda yang tidak adil bagi saya dari segi penilaian tanpa mengambil kira dari sudut kerajinan mereka, kebolehan mereka yang sepatutnya ini harus menjadi *indicator* ataupun kayu ukur kepada pemilihan atau untuk menaikkan tangga gaji mereka dan sebagainya. Ini yang perlu dilihat oleh pihak kementerian.

Yang keduanya ialah soal tugas guru ini yang kadang-kadang dibebankan macam disebut oleh rakan-rakan tadi berkaitan dengan soal tugas perkeranian umpamanya. Kalau tak silap semalam atau dua hari sudah ada menjawab berkaitan dengan lebih daripada 5,000 ditambah dengan perkeranian, *technician* dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak katakan

bahawa itu bilangan yang sedikit yang menyebabkan guru terpaksa dibebankan dengan tugas-tugas perkeranian. Sepatutnya bagi saya bahawa guru harus diberikan, dibebankan tugas mereka dengan tugas untuk mengajar, menjaga disiplin di kalangan pelajar-pelajar dan sebagainya.

Kemudian, satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan soal pendidikan ini ialah pencapaian bergantung pada buku-buku teks yang sampai ke sekolah. Isu di sini ialah, saya nak sebut sedikit untuk mengambil perhatian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali isu buku teks, isu lewat, kelambatan sampai buku-buku teks daripada pembekal, penerbit sama ada Sasbadi ataupun Dawama yang ada kepentingan di peringkat Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jadi isu yang saya nak sebut di sini ialah isu Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai antara yang bertanggungjawab dalam pengeluaran buku teks melalui Dawama ini yang dikatakan akan ada satu *joint*, kerjasama dengan ataupun untuk nak di *listed* kan sebagai *public listed company* dengan Sasbadi ini. Isunya sekarang ini, bagaimana kita boleh memastikan supaya pengurusan buku teks dari segi pembuatan, penerbitan dan sebagainya baik dalam keadaan Dewan Bahasa sendiri tidak dapat memperlihatkan satu kedudukan yang baik.

Saya tunjuk contoh, sekarang Dewan Bahasa tidak ada ketua pengarah. timbalan ketua pengarah pula ada masalah, ada kes-kes ke mahkamah yang diambil oleh kalau tak silap saya pekerja ataupun kesatuan di situ yang tidak bersetuju kerana dikatakan timbalan ketua pengarah itu tidak melalui proses kenaikan yang betul, pemilihannya tidak betul. Ini saya kira ada masalah sebab Dewan Bahasa ini harus dijaga. Dan kebimbangan saya ialah saya lihat macam ada satu percaturan dalaman dan saya telah difahamkan bahawa, saya bukan nak membela soal bekas ketua pengarah sebelum ini tetapi saya difahamkan bahawa Perdana Menteri telah pun macam memberikan satu surat sokongan ataupun kepada Menteri Pelajaran untuk menyambung Ketua Pengarah Dewan Bahasa ini untuk tempoh dua tahun.

Saya lihat bahawa Menteri Pelajaran pula hanya memanjangkan kepada *board*, kepada lembaga pengarah. Dan akhirnya sampai sekarang maknanya kita tidak selesai masalah ketua pengarah. Jadi saya tidak tahu bidang kuasa siapa, adakah Perdana Menteri boleh menentukan? Atau adakah Menteri Pelajaran? Adakah *board* yang boleh buat *last decision* untuk menentukan sama ada cadangan Perdana Menteri, cadangan menteri itu boleh diterima ataupun tidak untuk menempatkan siapa ketua pengarah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saya sangat bimbang bila ada laporan mengatakan bahawa kalau tidak dijaga betul-betul Dewan Bahasa dari segi operasi, dari segi pengurusan dan sebagainya, kebimbangannya ada orang menyebut kepada saya bahawa Dewan Bahasa mungkin bakal ditutup menjelang tahun 2012 kerana mungkin akan menghadapi masalah kewangan. Jadi saya katakan bahawa dalam keadaan begini, seharusnya kita mempunyai pemimpin di peringkat Dewan Bahasa ini yang bertanggungjawab untuk melahirkan buku teks, yang bertanggungjawab untuk menerbitkan buku-

buku teks untuk pelajar-pelajar kita ini seharusnya dipimpin oleh orang-orang yang mempunyai kemampuan dan keupayaan yang jelas dan tidak seharusnya ada permasalahan politik dalaman dalam Dewan Bahasa dan Pustaka itu sendiri.

Jadi saya harap pihak kerajaan harus melihat ini sebagai suatu yang perlu diberikan perhatian. Dan yang lain-lainnya saya harapkan bahawa ada keterbukaanlah selepas ini daripada Kementerian Pelajaran untuk melihat macam disebut oleh rakan-rakan tadi bahawa Ahli-ahli Parlimen ini apa salahnya untuk pergi ke sekolah, untuk menerima jemputan daripada PIBG dan sebagainya.

■ 1530

Saya kata bahawa kita bukan hendak pergi hasut budak-budak. Bukan hendak pergi hasut guru-guru. Bukan hendak suruh pergi hasut guru-guru ataupun hendak suruh kempen guru-guru sokong PAS kah, sokong KeADILan, tak ada. Akan tetapi kita berhasrat untuk membantu mereka.

Saya bukan hendak mengungkit. Saya sendiri pengalaman sejak 1999 dulu, apa yang sekolah minta, kita beri. PIBG minta kita beri. Tidak minta pun kita beri. Bukan kita hendak unguksi tetapi biarlah maknanya kita harus ada peluang. Kita juga harus ada tanggungjawab ini. Sebab itulah saya hendak cadang, kalau sampai hendak rasmi mesyuarat PIBG pun tidak boleh, saya hendak mintalah kalau kementerian boleh membenarkan Mesyuarat Agung PIBG, okey. Ini kerana kami tidak boleh masuk ke dalam kawasan sekolah itu untuk merasmikan Mesyuarat Agung PIBG, kita buat Mesyuarat Agung PIBG di luar. Pilih surau kah, masjid kah, ataupun Markas PAS, kami bila-bila masa boleh. Akan tetapi dia akan timbul pula guru besar kena pergi ke Markas PAS.

Jadi, takut pula ada tuduhan mengatakan bahawa guru besar jadi Ahli PAS. Akan tetapi ini untuk membolehkan supaya wakil rakyat ini boleh berperanan ada hubungan dengan pihak PIBG dengan ibu bapa. Sebab saya kirakan bahawa ini sangat penting untuk kita membantu dari sudut menyelesaikan masalah-masalah...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: ...apa nama, kejap! Masalah-masalah di kalangan masyarakat kita yang tak begitu mengambil perhatian terhadap masalah-masalah disiplin budak-budak. Macam tadi disebut oleh rakan saya..

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap ya. Katanya, kadang-kadang orang lelaki ini dia tak nak pergi ke Mesyuarat Agung PIBG. Betul! Saya bersetuju bahawa memang ramai Mesyuarat Agung PIBG ini yang hadirnya ialah wanita. Sebab orang lelaki ini kadang-kadang dia ada ego dia juga. Dia kata, "*Mak hang pi sudahlah*". Dia ada ego. Ini memang sifat, saya akui orang lelaki ini dia malas, ego pun ada. Ego, ego, ego pun ada. Jadi, saya harap bahawa ini boleh...

Seorang Ahli: Ceramah politik.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Bukan ceramah politik. Saya pergi Mesyuarat Agung PIBG. Walaupun saya jadi wakil rakyat kah, tidak jadi wakil rakyat, saya pergi ke Mesyuarat Agung PIBG sekolah anak-anak saya. Namun, saya hendak sebut bahawa berilah peluang kepada kami untuk membantu pihak sekolah untuk kita melihat lebih kepada masa depan anak-anak kita.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Ekoran daripada apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi, ada satu di kawasan, tidak silap saya di kawasan Jerai. Persatuan PIBG hendak mengadakan satu jamuan untuk mengutip dana untuk persatuan PIBG dan salah seorang jemputan adalah menteri besar.

Namun, apa yang menjadi masalah, guru besar tidak membenarkan jamuan diadakan sebab yang akan hadir adalah menteri besar. Jadi saya harap perkara ini tidak sepatutnya menjadi satu masalah kerana di Kedah memang menteri besar memang Ahli PAS lah. Itu satu perkara.

Yang keduanya tentang salah satu daripada surat siaran daripada yang saya dapat di Portal PPD, Padang Terap Pendang.

“Sila ambil perhatian. Sila tangguhkan penggunaan perkataan ‘Kedah Sejahtera’ di atas kepala surat sehingga satu tarikh atau mendapat arahan daripada jabatan dan PPD”

Jadi, saya rasa ini satu perkara yang tidak sepatutnya dipolitikkan kerana apabila kita telah membuat satu dasar, bermakna dasar itu perlulah diikuti dan tidak boleh dimasukkan sebagai sekolah itu menjadi satu medan politik di dalam negara kita ini. Bagaimana pandangan daripada Yang Berhormat Pokok Sena?

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Ya, saya harap timbalan menteri ambil perhatianlah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang tadi itu. Takkan sampai menteri besar hendak berucap pun tidak boleh sebagai tetamu. Takkan ‘paria’ sangat kot, menteri besar Pakatan Rakyat ini.

Jadi, saya rasa rasionallah sikit. Saya harap, saya percaya, saya tidak salahkan kepada guru besar sekolah, pengetua sekolah yang tidak benarkan, sebab dia pun sendiri menghadapi kehimpitan daripada pihak yang atas lagi. Jadi, dia pun takut nanti dia akan di tuduh bersekongkol dengan pembangkang dan sebagainya. Pada hal, ini menteri besar. Bagi saya, saya kata satu benda yang tak sewajarnya berlaku. Apa salahnya kita beri peluang kepada menteri besar? Menteri besar pun hendak bantu. Sekurang-kurang kalau ada apa-apa peruntukan daripada kerajaan negeri boleh membantu PIBG ataupun membantu pihak sekolah untuk memberikan sedikit sumbangan kepada PIBG, apa salahnya!

Ini kadang-kadang, saya pun kadang-kadang, bantuan hendak tetapi kadang-kadang peluang tidak bagi. Ini satu yang tidak baiklah. Jadi, nampak sangat maknanya kerajaan ini

berpolitiklah saya kata. Kerajaan terlalu berpolitik lebih daripada kepentingan pendidikan untuk anak-anak. Saya setuju macam menghormati bekas ADUN Senggarang. Boleh jemput Yang Berhormat Batu Pahat pergi. Yang Berhormat Batu Pahat sahaja tidak pernah jemput dia. Sebab Yang Berhormat Batu Pahat berpolitik, kita PAS ini tidak berpolitik. Kita melihat soal kepentingan anak-anak bangsa kita. Jadi, kena ubah sikit mentaliti itu. *[Ketawa]* Mentaliti itu bagi...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Apa? Hendak jadi apa? Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka? Boleh, saya boleh cadang Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Ketua Pengarah.

Jadi, yang keduanya tadi kata dengan soal slogan 'Kedah Sejahtera'. Itu slogan kerajaan negeri Kedah yang ada sekarang. Apa salah pada slogan hendak letak di dalam kepala surat dan sebagainya. Apa salahnya? Tidak perlulah, kalau tak nak pakai pun tak perlulah keluarkan satu arahan, satu surat arahan. Kalau tidak mahu pakai, tidak mahu pakai sudah!

Gambar umpamanya, gambar menteri besar. Gambar menteri besar tidak boleh ada di sekolah. Apa masalah? Dulu gambar menteri besar dulu boleh ada. Menteri besar ini dia ialah, maknanya gambar sultan ada, gambar menteri besar tidak ada. Jadi, saya takut nanti akan timbul satu isu bahawa kemurkaan daripada Ke bawah Duli Tuanku Sultan sebab Sultan merestui, melantik, menerima pelantikan untuk menteri besar daripada Pakatan Rakyat untuk menjadi menteri besar.

Jadi, kalau gambar Ke bawah Duli Tuanku Sultan dengan Sultanah boleh ada, tiba-tiba gambar menteri besar tidak ada, seolah-olahnya saya bimbang takut nanti bahawa pihak istana akan mentafsir bahawa Kementerian Pelajaran ini macam tidak mengiktiraf menteri besar yang dia sudah lantik.

Jadi, saya harap, maknanya Kementerian Pelajaran harus melihat perkara ini sebagai satu benda yang sangat penting dan harus diberikan perhatian dan saya rasa itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Silam.

3.57ptg.

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelumnya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana apa yang kita lihat di Labuan, pembangunan untuk sekolah-sekolah di Labuan begitu rancak sekali, yang mana daripada 17 buah sekolah rendah di Labuan yang telah dibangunkan baru atau dinaikkan taraf untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sehingga hari ini, cuma tinggal dua buah sahaja lagi yang belum dinaikkan taraf yang selebihnya telah pun dibangunkan dan dinaikkan taraf oleh kementerian.

Cuma yang kita mohon sekiranya kalau ada peruntukkan tambahan. Apa yang kita lihat untuk Rancangan Malaysia Kesembilan peruntukan untuk Wilayah Persekutuan secara keseluruhan adalah yang bernilai sebanyak RM1.131 bilion, yang mana untuk peruntukan Wilayah Persekutuan Labuan cuma RM92,667 juta. Jadi ini kalau kita lihat kurang daripada 10% berbanding dengan tiga Wilayah Persekutuan yang ada di Malaysia ini.

Jadi, yang kita harapkan semoga kerajaan, Kementerian Pendidikan di samping menaik tarafkan sekolah-sekolah bantuan penuh, juga kita memohon supaya peruntukan-peruntukan untuk sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina yang ada di Labuan diberikan tambahan sedikitlah. Janganlah kita cuma rancak di sekolah bantuan penuh tetapi mereka juga adalah penduduk dan juga rakyat Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri. Dengan adanya kemajuan tersebut, seolah-olah ketiga-tiga sekolah jenis kebangsaan ini agak kurang *inter* dia punya pembangunan prasarana sekolah.

Jadi sebagai Ahli Parlimen, biasanya mahu tidak mahu kita terpaksa berhadapan dengan masalah tersebut. Jadi, peruntukan yang ada itu kalau boleh ditambah lagi supaya semua sekolah-sekolah rendah di Labuan, baik sekolah bantuan penuh, mahu pun sekolah jenis kebangsaan diberikan keseimbangan.

■1540

Di samping itu juga untuk sekolah menengah saya rasa tidak ada masalah di Labuan. Hampir sembilan buah sekolah menengah telah pun dibangunkan dengan begitu baik. Cuma masalah di Malaysia ini, masalah kekurangan tenaga pengajar. Walaupun Labuan sudah pun menjadi Wilayah Persekutuan sepanjang hampir 25 tahun tetapi masalah kekurangan guru ini masih berlaku dan juga diharapkan kementerian dapat melihat masalah-masalah yang ada di pulau yang dikatakan satu-satunya Wilayah Persekutuan di bahagian Sabah dan Sarawak. Keduanya ada ura-ura menyatakan Jabatan Pendidikan di Labuan akan *directed* balik yang mana ia akan bernaung di bawah Jabatan Pendidikan Kuala Lumpur ataupun Putrajaya. Seperti mana ada sekarang Jabatan Pendidikan Labuan dia mempunyai identiti sendiri yang mana berhubungan langsung dengan Jabatan Pelajaran Malaysia seperti mana jabatan-jabatan pelajaran di Putrajaya mahupun di Kuala Lumpur.

Jadi untuk memudahkan pengurusan dan juga pemantauan sekolah-sekolah di Labuan saya mengharap supaya status Jabatan Pendidikan Labuan haruslah dikekalkan seperti mana yang ada sekarang. Ini untuk memudahkan pemantauan dan juga perancangan untuk sekolah-sekolah di Labuan itu sendiri kerana kalaulah dia bernaung di bawah Kuala Lumpur mahupun bernaung di bawah Putrajaya ini akan melambatkan bagi proses apa juga proses pengurusan yang mana kalau dulu Jabatan Pendidikan Labuan bernaung di bawah Sabah dan sesudah itu dijadikan mempunyai Jabatan Pendidikan itu sendiri di Labuan dan yang akan datang. Ini cuma ura-ura, itu mungkin cadangan kementerian akan dijadikan sebagai sebuah jabatan di bawah Kuala Lumpur ataupun Putrajaya. Jadi dengan adanya cadangan itu saya rasa ini akan

menghambat lagi kemajuan ataupun program-program untuk kemajuan di sekolah-sekolah di Labuan itu sendiri. Jadi dengan ada statusnya sendiri dia akan memudahkan penyelenggaraan dan pemantauan. Kedua peluang-peluang pelajar daripada Labuan dapat diatur sendiri yang mana dia tidak seharusnya bersaing dengan mereka-mereka yang ada di Kuala Lumpur mahupun di Putrajaya. Ketiga, kenaikan pangkat untuk pegawai-pegawai yang sedia ada.

Jadi kalaulah Jabatan Pendidikan itu statusnya sama macam hari ini kemudahan-kemudahan untuk kenaikan pangkat pada pegawai-pegawai yang ada dapat diteruskan. Juga seterusnya adalah berkenaan pendedahan kepada pegawai-pegawai pendidikan yang ada di Labuan yang mana dia sendiri secara langsung berhubungan dengan Jabatan Kementerian Pendidikan itu sendiri. Jadi kalau dia harus bernaung di bawah Kuala Lumpur mahupun Putrajaya ini secara tidak langsung peluang-peluang mereka untuk lebih tampil ke depan saya rasa agak sukar yang mana secara langsung atau tidak langsung mereka-mereka ini harus bernaung ataupun harus mendapat *approval* daripada ketua pengarah yang ada Kuala Lumpur. Seterusnya apa yang kita lihat tentang kekurangan guru ini di mana-mana berlaku tapi sebagai status Labuan sebagai wilayah saya rasa harus dipertimbangkan supaya kita dapat bersaing dengan mereka-mereka yang ada di Kuala Lumpur ataupun Putrajaya kerana yang kita lihat kemudahan dan juga tenaga pengajar yang ada di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mahupun Wilayah Persekutuan Putrajaya jauh lebih bagus mahupun jauh lebih teratur berbanding dengan tenaga-tenaga pengajar di Labuan.

Jadi walaupun kita Labuan berkedudukan di kawasan timur tetapi saingan wilayah itu sendiri adalah Kuala Lumpur dan Putrajaya. Janganlah kita jadikan Labuan sebagai sebuah kawasan ataupun Wilayah Persekutuan kononnya canggih dan sebagainya tetapi *in term of* pendidikan kita jauh di belakang berbanding yang ada di sini. Jadi kita harapkan Kementerian Pendidikan haruslah melihat dan juga saingan-saingan tersebut dibandingkan dengan Kuala Lumpur dan Putrajaya *in term of facilities*, kelengkapan sekolah saya rasa kita masih jauh ketinggalan di Labuan juga masih ketinggalan yang mana masih banyak kekurangan yang harus diperbaiki atau ditokok tambah terutamanya makmal-makmal dan komputer dan sebagainya. Ini kita harus perhatikan, harus memberikan fokus yang lebih kepada Wilayah Persekutuan Labuan yang mana ini akan secara tidak langsung kalaulah *facilitiesnya* pun tak cukup jadi status sebagai Wilayah Persekutuan itu sendiri tak nampak. Seterusnya adalah tentang sekolah-sekolah berasrama di Labuan.

Buat sementara ini cuma sekolah menengah sains yang ada di Labuan jadi kita harap kerajaan atau Kementerian pendidikan harus menambah satu atau dua lagi sekolah yang berasrama kerana sebahagian daripada pelajar-pelajar di Labuan adalah terdiri daripada mereka-mereka yang ada di sekitar di Pulau Labuan umpamanya pelajar-pelajar yang datang daripada Kuala Penyu, Menumbok dan penduduk-penduduk di sekitarnya. Jadi dengan itu saya rasakan kerajaan harus memberikan peruntukan tambahan untuk Jabatan Pendidikan Wilayah

Persekutuan Labuan semoga masalah-masalah yang ada dapat kita atasi. Sekian saya turut menyokong, terima kasih.

3.47 ptg

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut menyertai perbahasan Akta Pendidikan Pindaan 2008. Tuan Yang di-Pertua Akta Pendidikan Pindaan 2008 yang dibincangkan di Dewan yang mulia ini sekarang mencadangkan untuk memberi kuasa penganugerahan ijazah kepada Institut Pendidikan Guru. Bil ini menunjukkan bahawa dasar kerajaan telah tukar secara radikal dalam 25 tahun ini khususnya berkait dengan penubuhan universiti dan institusi yang menganugerahkan ijazah. Tuan Yang di-Pertua, bil ini antara lain cadang supaya:

- (i) tukar nama pegawai atau jawatan daripada ketua pendaftar sekolah dan guru kepada ketua pendaftar institusi pendidikan dan guru;
- (ii) pindaan yang paling penting dalam bil ini ialah *expansion of degree awarding powers* iaitu meluaskan kuasa anugerah ijazah kepada Maktab Pendidikan Guru ia juga termasuk penukaran nama dari Maktab Pendidikan Guru ke Institut Pendidikan Guru.

Pada masa kini ada sebanyak 27 kolej pendidikan guru di seluruh negara. Semua maktab ini diberi tanggungjawab melatih guru bagi sekolah rendah dan menengah. Polisi kerajaan dalam beberapa rancangan Malaysia yang lepas ialah menambahkan bilangan guru siswazah dalam sekolah rendah dan menengah. Sangat jelas matlamat pindaan tersebut ialah untuk membolehkan Maktab Pendidikan Guru menganugerahkan ijazah mereka sendiri tanpa bergantung kepada universiti-universiti lain. Ini akan menambahkan kategori pendidikan yang boleh menganugerahkan ijazah di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk anugerahkan ijazah diperkenalkan dengan meminda Seksyen 44 Akta Pindaan 1996. Seksyen tersebut sekarang berbunyi maktab pendidikan guru yang ditubuhkan di bawah akta boleh menganugerahkan sijil atau apa-apa kelayakan lain yang ditetapkan. Dengan penukaran yang dicadangkan ini seksyen ini akan berbunyi seperti berikut "maktab pendidikan guru yang ditubuhkan di bawah akta ini boleh menganugerahkan sijil, diploma, ijazah perguruan atau apa-apa kelayakan yang ditetapkan". Masalah di sini ialah perkataan "ijazah perguruan" tidak ditakrifkan dalam bil tersebut atau di dalam akta pendidikan 1996 atau di mana-mana satu undang pendidikan sekarang yang sedia ada.

■1550

Secara umumnya ijazah perguruan bertujuan untuk menyediakan pelajar-pelajar dengan kemahiran dan latihan untuk mendapatkan sijil perguruan. Jika ini adalah tujuan kerajaan untuk memberi ijazah perguruan maka adalah wajar untuk menambah tafsiran perkataan 'ijazah perguruan' dalam pindaan ini. *If the provisions of the bill come into effect*, maka institusi pendidikan guru merupakan institusi pertama di Malaysia yang bukan universiti yang akan diberi

kuasa untuk menganugerahkan ijazah. Oleh kerana itu kualiti pendidikan di institusi pendidikan guru harus terjamin.

Di kebanyakan negara kuasa penganugerahan ijazah atau *the power to award degrees is closely guided by legislation*. Misalnya ia merupakan satu kesalahan besar bagi seseorang individu atau institusi untuk menganugerahkan ijazah kecuali dibenarkan oleh undang-undang. Ini adalah sangat penting pada kini di mana pendidikan berkualiti diberi keutamaan. Ini juga adalah penting untuk mengekalkan nama baik sistem pendidikan negara dan juga menarik pelajar-pelajar luar negara datang ke negara ini.

Satu sistem pendidikan yang baik juga diakui sebagai satu prasyarat atau kriteria untuk menarik pelaburan asing terutama *in the knowledge based environment*. Soalnya adakah *provision* dalam Akta Pendidikan 1996 dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 sesuai untuk memastikan kualiti dan standard pendidikan yang ditentukan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Institusi pendidikan guru harus diletakkan di bawah hak kuasa Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Ini adalah tidak jelas dalam undang-undang yang sedia ada atau sekarang.

Di bawah *provision* peraturan pendidikan, pihak yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal akademik ialah pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan. Ini tidak akan melahirkan suasana bebas dan *independent* yang diperlukan oleh institusi pendidikan untuk menghasilkan mutu yang baik. Pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap operasi iaitu Kementerian Pendidikan pada masa yang sama tidak boleh bertanggungjawab untuk menjamin kualiti pendidikan.

Sekolah atau pendidikan telah menjadi isu kontroversi dan politik pada masa kini. Perhubungan rapat di antara pendidikan guru dan Kementerian Pendidikan cenderung membawa politik masuk ke dalam bidang pembangunan sumber manusia ini. Walaupun hubungan rapat tersebut juga terdapat di negara lain tetapi sekatan dan imbalan atau *check and balance are instituted* tetapi tidak di dalam negara kita.

Adalah penting untuk membebaskan pendidikan guru daripada politik pendidikan or *politics of education* kalau kita ingin melahirkan sebuah negara cerdik or *smart nation*. Satu langkah ke hadapan ialah untuk menggalakkan institusi swasta memikul tanggungjawab membekalkan pendidikan guru. Mengapakah maktab pendidikan guru tidak diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi? Walhal ada perpisahan atau *separation* di antara pendidikan tinggi dan pendidikan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin bertanya kementerian adakah 27 buah kolej pendidikan guru ini yang sedia ada di Malaysia mempunyai *facilities* dan infrastruktur untuk melatih dan memberi ijazah kepada guru-guru daripada sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina. Dalam konteks ini beberapa minggu yang lalu Menteri Pelajaran dan Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kualiti guru-guru di sekolah-sekolah ini iaitu sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina akan ditingkatkan. Sekian, terima kasih.

3.54 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam meluluskan rang undang-undang ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas pembentangan rang undang-undang ini kerana saya yakin ia amat selaras dengan Misi Nasional iaitu meningkatkan modal insan. Sekali gus ia selaras dengan keperluan dunia yang sedang beralih kepada k-Ekonomi iaitu berasaskan kepada ilmu dan juga kemahiran di dalam menangani isu semasa terutamanya krisis tenaga, makanan dan lain-lain.

Ia selaras juga dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kita mahu membina menara manusia yang gilang-gemilang dalam negara kita supaya menjadi kebanggaan generasi yang akan datang dan rujukan yang utama di dunia ini. Sekali gus, ia akan mengangkat martabat bidang pendidikan dan juga menjadi tonggak kepada pembangunan negara dan sekali gus mengangkat martabat bidang perguruan.

Saya ingin fokus dahulu profesion perguruan. Jika dahulu, guru-gurulah terutamanya di kawasan-kawasan kampung di mana masyarakatnya pada masa itu lebih terdedah kepada yang berlaku di sekeliling; tidak ada TV, kurang surat khabar dan sebagainya tetapi guru menjadi rujukan utama namun. Mereka bukan sahaja dihormati dan disegani malah menjadi rujukan utama dan guru-guru biasanya menjadi pemimpin kepada apa juga kegiatan dan persatuan sama ada yang berdaftar atau tidak berdaftar. Saya yakin peranan tersebut perlu diteruskan dan diperbaharui supaya guru terus mendapat tempat di hati masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat sekarang jasa guru kurang dikenang. Ramai guru yang bukan sahaja di sekolah rendah tetapi di sekolah menengah yang berjasa malah mempunyai jawatan yang tinggi, walaupun mereka mengajar tetapi status jawatan mereka ramai juga yang bertaraf Gred 1, JUSA, guru cemerlang dan sebagainya. Walaupun mereka mengajar tetapi dari satu sudut, kalau boleh saya mengambil satu contoh, cuba kita kira adakah guru yang sedang mengajar walaupun jawatannya tinggi dan berjasa yang dianugerahkan darjah kebesaran oleh pihak-pihak yang mampu memberi, yang dipertimbangkan berbanding dengan profesion lain seperti pentadbir-pentadbir?

Ahli-ahli politik dalam usia muda sudah bergelar Datuk tetapi tidak ada guru yang masih mengajar dan berjasa, berjawatan tinggi seperti guru cemerlang dan sebagainya yang bergelar Datuk? Tidak ada, Tan Sri jauh sekali kecuali guru-guru yang di dalam sektor pentadbiran dan sebagainya. Saya hanya mengambil contoh ini sebagai salah satu daripada kaedah kita mengenang jasa guru. Tanpa guru seperti yang disebutkan oleh rakan-rakan Ahli Yang Berhormat semalam siapalah kita, siapalah mereka-mereka yang berjaya, yang mentadbir negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah cadangan daripada rakan-rakan tadi, semalam dan kelmarin supaya UPSI ini diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran selaras dengan

pindaan rang undang-undang. Namun demikian, saya mempunyai pandangan yang lain. Bagi saya biarlah ia kekal di bawah Pengajian Tinggi. Nanti kalau sudah lama, kita hendak ubah UPSI pindah ke Kementerian Pelajaran. Akan datang USM pindah pula ke Kementerian Sains. Apa lagi? Universiti Sains Islam yang di Nilai itu (USIM) pindah pula di bawah Kementerian Sains ataupun JAKIM.

Jadi, saya rasa trend itu sepatutnya tidak boleh berlaku. Walaupun UPSI ini melatih guru-guru yang berkelulusan tinggi eloklah dikekalkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Ini supaya semua bidang pengajian tinggi dapat diselaraskan di bawah satu kementerian dan tidaklah Kementerian Pengajian Tinggi yang ditubuhkan itu mengecut, daripada banyak universiti di bawahnya menjadi sebuah kementerian yang hanya menjaga atau mengurus tadbir beberapa buah universiti sahaja.

■ 1600

Saya juga merasakan adalah lebih baik dan mencadangkan supaya pusat-pusat atau kolej-kolej matrikulasi yang selaras, yang seimbang, yang sewaktu dengannya, yang setaraf dengan pusat-pusat asasi sains sebagai *feeder* ataupun sebagai pelengkap kepada pelajar-pelajar yang akan belajar ke peringkat universiti dipindahkan pula daripada Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Ini adalah kerana mereka telah pun diasuh sebegitu rupa, mereka telah dididik, pelajar-pelajar ini telah dididik mengikuti pelajaran berkaedah seperti belajar di sebuah universiti. Saya fikir wajar juga kalau kolej-kolej matrikulasi di seluruh negara dipindahkan di bawah pentadbiran pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang prasekolah. Akta ini juga menyebut tentang prasekolah. Rang undang-undang sebelum ini juga ada menyentuh tentang prasekolah. Sekarang banyak prasekolah telah pun ditubuhkan di bawah pengurusan sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Cuma satu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang persaingan di antara prasekolah dengan tabika ataupun kelas-kelas tabika sama ada yang dianjurkan oleh KEMAS ataupun yang dianjurkan oleh jabatan perpaduan.

Ini kerana saya melihat sekarang, walaupun prasekolah, walaupun tabika KEMAS dan tabika perpaduan ini ada kumpulan sasarannya masing-masing tetapi di beberapa tempat termasuk jugalah di kawasan saya bersaing di antara satu sama lain terutamanya di dalam mendapatkan murid-murid ataupun kanak-kanak yang patut belajar di prasekolah ataupun di tabika yang tertentu. Alasannya kerana takut tabika ini ditutup kerana kurang murid-murid. Takut kerana tabika yang satu lagi itu pun ditutup kerana kurang murid. Sedangkan prasekolah sewajarnya menumpukan kepada pelajar-pelajar atau murid-murid dan kanak-kanak daripada keluarga yang berpendapatan rendah sebagaimana yang telah pun digariskan dalam panduan tentang kemasukan murid-murid ataupun kanak-kanak ke prasekolah termasuklah anak-anak kepada guru-guru. Itu tidak mengapalah.

Akan tetapi yang berlaku sekarang adalah bersaing. Asalnya isunya sekarang bersaing untuk mencari atau menarik kanak-kanak supaya belajar di prasekolah, tabika KEMAS ataupun tabika perpaduan dan mereka bersaing untuk mencari seberapa ramai hanya semata-mata kerana takut ditutup dan sebagainya. Kepada saya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tidak wajar kerana sekiranya dibiarkan, satu hari nanti ada tabika KEMAS ataupun tabika perpaduan yang ditutup kerana hendak memenuhi kuota dalam prasekolah. Walaupun kalau persaingan itu tidak wajar lagi berlaku dan sepatutnya tidak lagi berlaku, tutup sahaja. Tabika KEMASkah, tabika perpaduankah, semuanya masuk ke prasekolah supaya semuanya dihalakan kepada satu tujuan iaitu untuk menyediakan murid-murid yang telah terbuka mindanya, yang telah terdidik sebelum mereka masuk ke darjah satu sekolah rendah kebangsaan dan lain-lain.

Isu seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak sentuh ialah, sekarang ini saya perhatikan kebanyakan sekolah-sekolah, kebanyakan guru-guru terlalu tertumpu untuk mencari ataupun membina kuantiti pelajar cemerlang. Mereka menganjurkan berbagai-bagai kaedah. Tuisyen atau kelas tambahan satu bab, meletakkan pelajar yang ada potensi di satu kelompok satu bab, dan lain-lain lagi. Akan tetapi yang saya bimbang Tuan Yang di-Pertua ialah pelajar-pelajar yang tidak tergolong dalam golongan cemerlang ini. Banyak saya terima aduan daripada masyarakat, daripada ibu bapa, seolah-olah Tuan Yang di-Pertua pelajar-pelajar atau murid-murid yang tidak berpotensi ini terbiar. Seolah-olah mereka tidak diutamakan. Seolah-olah pelajar-pelajar atau murid-murid ini terpinggir kerana psikologi mereka, mereka bukan di dalam kelompok. Dari segi psikologi mereka tidak terkelompok dalam golongan pelajar berpotensi, mereka rasa mereka terpinggir.

Jadi perkara ini Tuan Yang di-Pertua perlu juga dilihat. Walaupun saya bersetuju pelajar yang berpotensi mendapat 5A kalau di peringkat UPSR, atau mendapat *straight A* di peringkat PMR dan SPM dan lain-lain, tetapi dari segi psikologi pelajar-pelajar lain juga perlu dijaga supaya mereka tidak merasa terpinggir, supaya mereka ini tidak merasa kumpulan pelajar atau murid yang akan gagal, yang tidak cemerlang, mereka tidak ada harapan lagi dan mereka mungkin menjadi masalah kepada masyarakat selepas mereka keluar daripada sekolah nanti. Di peringkat sekolah inilah Tuan Yang di-Pertua, dari segi psikologi kepada saya perlu kita jaga, perlu kita lihat walaupun kita mencari seberapa ramai pelajar yang cemerlang di peringkat peperiksaan sama ada UPSR, PMR, SPM dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi saya juga bersetuju dengan pandangan rakan-rakan sebelum ini tentang PIBG. Bukan sahaja soal kehadiran ramai kaum wanita, tetapi ada satu perkara Tuan Yang di-Pertua yang pernah saya mencelah. Iaitu peranan PIBG ini adalah peranan yang melibatkan ibu bapa dan guru ataupun penjaga dan guru. Fungsi mereka bukan sahaja hadir dalam Mesyuarat Agung, kadang-kadang tidak berapa kerat. Mesyuarat AJK PIBG entah berapa kali setahun? Mereka bolehlah memohon peruntukan daripada wakil rakyat, korporat dan sebagainya. Akan tetapi yang saya pernah tegur Tuan Yang di-Pertua ialah

peranan PIBG untuk membantu pelajar-pelajar atau murid-murid daripada golongan yang tidak mampu. Sepatutnya PIBG, sewajarnya bukan sepatutnyalah, kasar pula bukan?

Sewajarnya PIBG ini ada pendekatan tertentu ataupun lebih kreatif untuk mengumpulkan seberapa banyaklah wang tabungan, hendak sebut dana besar pula, dalam usaha untuk membantu keluarga-keluarga susah ini. Betullah ada KUAM dan sebagainya tetapi ramai juga keluarga-keluarga yang susah, yang tidak mampu yang boleh dibantu oleh PIBG kerana PIBG ini ada saluran tertentu untuk mendapatkan peruntukan ataupun duit tunai, *cash* daripada tidak kiralah daripada Ahli Parlimen Bukit Bintang pun tidak mengapa, supaya PIBG boleh berperanan untuk membantu keluarga yang susah, untuk membantu pelajar-pelajar atau murid-murid daripada keluarga yang susah, yang berpendapatan rendah supaya mereka juga setaraf, setanding dengan pelajar-pelajar atau murid-murid daripada keluarga yang mampu, yang senang, yang kaya. Bukanlah kita hendak belikan mereka kereta, tidak. Sekurang-kurangnya mereka mampu membayar yuran PIBG, walaupun yuran PIBG ini tidaklah wajib.

Akan tetapi dari segi psikologi Tuan Yang di-Pertua, kalau pelajar atau murid ini tidak bayar yuran PIBG mereka pun segan dengan kawan-kawan dia, dengan rakan-rakan dia. Oleh sebab itu kalau ada pihak-pihak yang membantu, mereka rasa mereka membayar. Tidak kiralah datang dari sumber mana, mereka rasa mereka juga mampu belajar kerana dari psikologi mereka pun telah bayar yuran PIBG.

■ 1610

Jadi saya ingin menyarankan supaya peranan PIBG ini diperluaskan supaya ada cara-cara tertentu untuk mereka meningkatkan tabungan dalam usaha untuk membantu pelajar-pelajar yang susah.

Kedua terakhir Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya ini bukan saya kompelin, Tuan Yang di-Pertua, ada guru dari Sabah, ada guru dari Sarawak, saya mengalu-alukan dan saya tidak pernah kompelin, malah saya terima mereka sebagai keluarga dalam kawasan Parlimen Ledang. Sekadar saya tertanya-tanya, pernah saya bangkitkan dalam Dewan Rakyat ini, isu di Sabah dan Sarawak terutama di kawasan pedalaman ialah kekurangan guru yang terlatih dan sebagainya, terutamanya untuk berkhidmat di kawasan pedalaman tetapi ramai juga guru atau cikgulah yang saya panggil, yang berkhidmat di kawasan saya. Saya suka mereka datang ke kawasan saya. Sekurang-kurangnya adalah berlaku integrasi nasional, tetapi keperluan di sana yang selalu disebut oleh rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak ini lebih kritikal, lebih mendesak berbanding dengan integrasi nasional.

Saya tidak menafikan integrasi nasional tetapi dari segi keutamaan. Saya juga pernah menyarankan kepada Kementerian Pelajaran supaya kalau betullah kurang lepasan SPM yang berkelayakan untuk dilatih di pusat-pusat pengajian pendidikan ini, sekarang di sebut institusi pendidikan, dahulu maktab perguruan. Apa salahnya pilih di kalangan lepasan SPM, Sabah dan Sarawak yang mungkin kurang sedikit taraf kecemerlangannya berbanding dengan pelajar

Semenanjung supaya mereka dilatih menjadi guru dan mereka boleh mendidik dan bertugas di Sabah dan Sarawak. Tidaklah kita sering terdengar suara-suara daripada rakan-rakan dari Sabah dan Sarawak yang mengatakan kurang guru dan sebagainya.

Yang penting, mereka ada kelulusan. Cuma dari segi kecemerlangan lepasan SPM dan sebagainya ini, kurang sedikit berbanding dengan pelajar Semenanjung kerana tidak sama rata dan sebagainya, itu tidak apa. Akan tetapi dalam usaha hendak membantu pelajar-pelajar atau sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak, saya cadangkan supaya lepasan yang kurang cemerlang ini, bukan tidak lulus, kurang cemerlang sedikit sahaja berbanding dengan lepasan di Semenanjung ini diberi peluang dan dilatih menjadi guru supaya mereka boleh balik membantu sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sentuh tentang Sekolah Agama Rakyat. Saya hendak ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang telah pun membuat pendekatan menerima kebanyakan daripada Sekolah-sekolah Agama Rakyat menjadi sebuah sekolah bantuan modal. Saya rasa ini pendekatan yang baik. Jika dahulunya Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini terbiar, tetapi kebanyakan Sekolah-sekolah Agama Rakyat sekarang telah pun mula terbela.

Cuma satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya terima banyak aduan di Johor, kebanyakan Sekolah Agama Rakyat di Johor termasuklah sekolah saya sendiri kerana saya adalah Timbalan Pengerusi Lembaga Pengurus salah sebuah Sekolah Agama Rakyat di Johor, bimbang sekiranya kurikulum asal Sekolah Agama Rakyat itu diubah apabila mereka telah pun terikat dengan sekolah bantuan modal di bawah Kementerian Pelajaran. Jadi yang ini saya minta benar-benar. Sekolah Agama Rakyat biarlah kekal dengan kurikulumnya di samping kurikulum di bawah Kementerian Pelajaran supaya penubuhan asal Sekolah Agama Rakyat itu tidak hilang begitu sahaja terutamanya di dalam pengajaran bahasa Arab, di dalam pengajaran mata-mata pelajaran agama yang menjadi asas kepada sekolah tersebut, di samping kurikulum yang di bawah Kementerian Pelajaran itu sendiri.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Silakan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ledang. Saya rasa sudah ada formula untuk menyelamatkan Sekolah-sekolah Agama Rakyat dan sekolah-sekolah ilmiah ini untuk meneruskan sistem pengajarannya. Baru-baru ini saya dimaklumkan ada perjanjian telah ditandatangani antara Kementerian Pelajaran dengan Yayasan Islam Kelantan yang menguruskan 60 buah sekolah tetapi 20 daripadanya telah dipersetujui untuk dibiayai oleh Kerajaan Pusat dengan pelbagai isi dalam perjanjian tetapi yang utamanya, dari segi kurikulumnya tidak disentuh. Kurikulumnya dikekalkan mengikut kurikulum biasa sekolah tersebut, cuma peranan Kementerian Pelajaran untuk memastikan bangunan sekolah, hal ehwal guru, misalnya dikendalikan di peringkat Pusat.

Jadi setujukah Yang Berhormat Ledang bahawa ada caranya untuk menyelamatkan sekolah ini walaupun diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga Yang Berhormat dari Kuala Krai. Oleh kerana saya juga berpengalaman dan juga terlibat dengan Sekolah Agama Rakyat ini, saya bersetuju yang penting, dua pihak dibela.

Pertamanya, sudah pastilah murid-murid atau pelajar-pelajarnya yang juga termasuk dalam pembelaan kepada bangunan sekolah dan sebagainya kerana ini adalah sekolah bantuan modal.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang selalu saya sebut dalam mana-mana perjumpaan ialah guru-guru di Sekolah Agama Rakyat ini terbela, sama taraf dengan guru-guru di sekolah-sekolah lain yang selama ini menikmati berbagai-bagai-bagai, saya boleh sebutkan "keistimewaan" sebagai seorang guru di sekolah-sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan.

Mereka juga merasai kenaikan pangkat, mereka juga setaraf dengan guru-guru di sekolah bantuan penuh ini dan mereka tidak ada *inpro-complex*, dengan izin dan akhirnya mereka ada nilai diri, mereka bersemangat, mereka ada jati diri dan mengajar untuk anak bangsa kita sebagai pewaris untuk masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Lima. Panjang-panjang ucapan ini?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tidak panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh saya mohon kerjasama semua supaya menteri dapat menjawab setidak-tidaknya pada peringkat dasar ini. Jadi kita boleh selesaikan pada 5.30 petang. Jadi *Monday* kita boleh bahas peringkat Jawatankuasa. Saya terpaksa ambil sebelah kiri dahulu, selepas itu baru Silam pasal yang tadi daripada BN. Sila Kuala Selangor. Ya, sila.

4.18 ptg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum daripada itu, kuorum kita ini cukup ke, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini amat memahami hasrat dan juga cita-cita Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 ini untuk mengangkat martabat maktab pendidikan untuk diangkat menjadi institusi pendidikan guru yang seluruhnya saya yakini bercita-cita untuk memberikan satu martabat baru bagi maktab pendidikan guru.

Namun seperti mana yang telah disebutkan oleh beberapa Yang Berhormat sebentar tadi, yang kita mahukan pada akhirnya bukan hanya sekadar lambakan guru-guru berijazah

tetapi lebih penting daripada itu adalah kualiti guru yang akan menentukan juga sekali gus kualiti murid dan pelajar yang akan mereka jana dan mereka hasilkan.

Justeru saya cenderung untuk menyokong pandangan Yang Berhormat Ledang sebentar tadi yang mengatakan, yang menegaskan dan mengusulkan supaya UPSI dan institusi pendidikan ini ataupun institusi seperti ini tetap diletakkan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Khusus untuk menjaga dari sudut kualiti, menjaga dari sudut piawaiannya, menjaga dari sudut akreditasinya kerana itu akan antara lainnya menentukan kualiti pendidikan guru-guru berijazah.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, bercakap peringkat dasar ini telah banyak disebutkan antara hal lain termasuklah hal-hal berkenaan belanjawan ataupun belanja yang telah dilaburkan dalam pendidikan ini. Menteri Pendidikan sendiri telah pun menyebutkan bahawa daripada sejumlah yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, RM23.2 bilion tidak silap saya bersamaan dengan 76% peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pendidikan telah dibelanjakan.

Namun, kita dengar di Dewan ini juga keluhan, rintihan bukan hanya daripada Yang Berhormat daripada Sabah atau Sarawak, daripada Kinabatangan dua hari yang lalu, daripada Batang Sadong, Putatan dan seumpamanya tetapi tak perlu mungkin kita pandang jauh-jauh. Masih terdapat lagi jurang, jurang di mana bukan hanya jurang digital, jurang infrastruktur, jurang keupayaan, pelbagai *divide* ini berada juga di Semenanjung ini. Bukan di Pantai Timur mungkin, bukan di negeri utara tetapi di negeri Selangor ini. Saya bagi mewakili Kuala Selangor pun ingin merakamkan di Dewan yang mulia ini dalam peruntukan yang sebesar itu yang ada di Kementerian Pendidikan, Kementerian Pelajaran, kita dapati sekolah seperti Sekolah Kebangsaan Saujana Utama, di kawasan saya, Kuala Selangor mempunyai pelajar seramai 3,000 yang kepadatannya sudah melampaui apa yang sepatutnya.

Walaupun sudah ada peruntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, untuk membina sebuah sekolah kebangsaan dan juga sebuah menengah di kawasan ini, bagi menampung bilangan pelajar yang melonjak mendadak begitu. Namun, sehingga hari ini belum ada lagi komitmen untuk ia direalisasikan.

Kita dengar pelbagai keluhan sementara banyak yang telah dibelanjakan. Sekolah-sekolah di Sabah, Sarawak kalau tidak pun ratusan, puluhan yang masih lagi belum mendapat bekalan yang munasabah seperti bekalan elektrik, air bersih yang meletakkan sekolah-sekolah kita itu bermaruah dalam memacu sebuah negara maju 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya kira saya cukup simpatilah dengan Menteri Pelajaran. Dalam apa usahanya untuk memperbaiki arah kualiti pendidikan di negara ini dan pelbagai program, projek, inovasi yang dibuat masih lagi kita dengar di Dewan ini, dalam perbahasan ini pun. Pelbagai kritikan yang saya kira rata-ratanya membina setelah kita pasti dan

setelah kita saksikan pengenalan sekolah bestari, selepas sekolah integrasi, pelbagai sekolah-sekolah berasrama penuh diperkenalkan. Terkini dengan sekolah *clustemy*. Namun, kita lihat macam-macam, kita terpaksa mengakui juga, macam-macam usaha memperbaiki dan menambah baik pendidikan atau sistem pelajaran di peringkat ini.

Macam dikatakan ibarat "*menampal baju buruk*" Tuan Yang di-Pertua ataupun menampal lubang-lubang di jalan raya seumpama di jalan raya di Kuala Selangor itu, tetap kita lihat baju tetap buruk dan jalan masih tidak selesai. Sesetengah jalan di Kuala Selangor itu seumpama disebutkan oleh mantan Menteri Kerja Raya adalah lembah maut. Begitu juga nampaknya dalam urusan pelajaran dan pendidikan di negara ini, di peringkat ini. Apa yang silap? Kalau kita baca daripada penganalisis, penulis-penulis makalah, jurnal dan *magazine*, kita dapati bahawa saban minggu ada sahaja penulisan yang mahukan, menuntut supaya dilakukan satu transformasi.

Kita pun dalam Dewan ini bercakap tentang revolusi pelajaran dan pendidikan, kita bercakap tentang transformasi. Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melanjutkan sedikit perbahasan saya ini untuk masuk ke topik apa yang sebenar-benarnya pada pengamatan saya bukan yang dipertikaikan itu dari sudut infrastrukturnya, bukan dari sudut kemudahannya semata-mata. Walaupun itu adalah agak utama juga yang perlu dibekalkan, tetapi yang dipertikaikan adalah dari sudut kualiti dan penentuan kualiti adalah apa yang menjadi mungkin dalam hal menentukan arah tuju, falsafah ataupun yang dikatakan oleh beberapa Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagaimana masih terdapat lagi keciciran ke paras 83,000 hari ini yang dalam semua peringkat 11 setahun yang awal ini tidak kurang daripada 7,000 lebih. Setiap peringkat gugur ataupun tercicir, di mana letaknya? Sementara kita bercakap tentang kecemerlangan pendidikan, apabila kita menyebutkan tentang kecemerlangan pendidikan dan kecemerlangan pelajar-pelajar ini kita agak tersasar atau kita silap dalam mentasawwurkan, mengkonsepsikan apa dia sebenarnya kecemerlangan atau kita masih lagi gagal memahami apa itu pendidikan yang sebenarnya.

Sehinggakan kalau saya boleh lanjutkan perbincangan ini, kita lebih menumpu dan ini perlu kita huraikan atau kita leraikan pada peringkat ini. Apakah milikan kita sudah menjadi satu yang terlalu bersifat utilitarian ataupun terlalu bersifat melihat kepada pelajar itu. Kemudiannya menjadi mahasiswa itu, kemudiannya menjadi graduan itu hanya di sudut mereka itu adalah modal insan.

Modal insan dari segi apa? Dari segi ia hanya merupakan faktor atau dalam Bahasa Inggeris dengan izin *factors of production* dan lalu. Dengan itu, hala kita membawa pendidikan ini menjadikan ia lebih menumpu kepada memenuhi kehendak-kehendak pasaran ataupun *fulfilling market forces* ataupun *market driven*. Kesemua perkara ini, dan hari ini kita lihat, kita bercakap tentang sebentar tadi Yang Berhormat Ledang menyebutkan tentang terlalu sangat kita memberikan pujaan dan pujian, dan penganugerahan akademik semata-mata.

Apakah di situ letak masalahnya? Apakah hari ini kita dengar tentang apa yang dikatakan sebagai *total education* atau kesemua ini kita perlu lihat kembali, kita *revisit* kembali? Ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin lebih bersifat falsafah tetapi saya mahu juga ia dihuraikan sebenar-benarnya kerana takut kita tidak lagi ataupun takut-takut kita sudah tidak lagi meletakkan kesungguhan pendidikan kita ini di atas paksinya, paradigmanya, modalitinya, dalam kerangkanya, bingkainya yang sehingga hari ini semakin kucar kacir nampaknya.

Semakin menimbulkan pelbagai krisis dan masalah dan setiap seorang sama ada profesornya sendiri, semuanya bangun mengkritik mahukan *overhaul of our education, re-engineering of our education*. Di mana letak silapnya sehingga hari ini, saya juga keliru. Dalam sedikit pengalaman saya mengajar tahun yang lalu di universiti tempatan, di universiti awam dan penglibatan saya dalam pengajian di peringkat menengah dan rendah, secara swasta saya mendapati perkara ini perlu kita harungi bersama.

■1630

Saya dapati Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang menjadikan pendidikan kita ini semakin tidak berdaya saing dan akhirnya hanya menumpu kepada kecemerlangan yang begitu sempit adalah kerana mungkin kita tidak mengambil peredaran dan penemuan-penemuan pendidikan yang hari ini sudah menjadi sesuatu yang bersifat global tetapi tidak dapat garap bersama. Menjadikan kita hilang daya saing berbanding dengan negeri-negeri di selatan tambak contohnya. Saya minta maaf kalau saya terpaksa mengambil mereka sebagai *benchmark*. Saya tidak berapa suka yang dikatakan bahawa kita sudah sepuluh tahun ketinggalan, jauh sekali kalau kita mengambil *the Californian modalities* dari negeri-negeri barat.

Jadi, dalam hal ini, saya mencadangkan Dewan yang mulia ini supaya penggarapan seluruh falsafah pendidikan kita ini dilihat keluar dari hanya meletakkan apa yang dikatakan sebagai satu domain kepintaran yakni yang disebut sebagai hanya satu *intelligent quotient* atau pun IQ, yang IQ ini saya tidak perlulah bersyarah panjang di sini Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah faham semua tetapi yang menjadi tercicir di sini adalah bagaimana kita setelah memahami kepentingan IQ, EQ dan yang dikatakan *spiritual quotient* itu dapat membawa pendidikan kita dan meletakkan pengoperasiannya, relevansinya sehinggakan kepada kurikulumnya dan kepada *assessment* dan penilaiannya sehinggakan setiap seorang pelajar itu tidak dihukum pada peringkat mereka di sekolah rendah lagi. Orang yang tidak bijak, tidak pintar lalu dipinggirkan dan disudutkan dan akhirnya mereka itu tercicir walaupun mereka suatu haru nanti mungkin menjadi seorang usahawan dan korporat besar, yang dikatakan mereka-mereka yang berjaya dalam sudut dunia keusahawanan dan perniagaan ini tidak semestinya memegang ijazah, PhD dan seumpamanya.

Di sini saya mintak Dewan yang mulia ini merakamkan satu keinsafan dan kesedaran bahawa apabila kita bercakap kerana ia telah selalu disebut, maka ia hilang bisanya. Namun sama ada ia sebenar-benarnya mengesani seluruh sistem pendidikan kita, itu masih dalam pertikaian. Saya berani mengatakan bahawa ketika saya mengajar dahulu saya tidak meletakkan

straight A student. Diketahui *straight A student or first class student* tidak merupakan calon yang baik *for the master or PhD, Degree by research*, tidak ada jaminan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Baru hendak naik...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat Kuala Selangor memandang saya lama, saya hendak tanya sedikit. Ada sedikit kemusykilan, pandangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pandangan terlampau lama.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Bagi berehat sekejap.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Lama duduk, dua hari tak bercakap.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kuala Selangor. Saya ingin berkongsi pandangan, kalau boleh dengan Yang Berhormat Kuala Selangor, iaitu berhubung dengan sistem pendidikan kita, yang kalau ikut penjelasan, saya ikut penjelasan Yang Berhormat dari luar dan dalam Dewan ini, kita melihat seolah-olah golongan pelajar yang mempunyai kecemerlangan ini nampak terpinggir dengan sistem pendidikan yang ada di negara kita pada masa kini.

Adakah juga sistem ini juga menggambarkan *level of intellectualism* yang sepatutnya, bermakna kata kalau orang itu mendapat PhD, dia belum tentu mempunyai intelektual yang hebat, atau pun dia bukan terletak bersandarkan kepada kedudukan *qualification* yang dimilikinya. Jadi, dalam keadaan sekarang, apa saranan dan cadangan Yang Berhormat bagi membolehkan kecemerlangan ini dapat kita zahirkan dan terus kita kemukakan kepada masyarakat demi negara yang tercinta ini.

Dr. Dzulkefly Ahmad: [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Arau yang saya rasa memahami hasrat hati saya dan pemikiran saya dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita kembali kepada persoalan tadi, sebagai *total education* untuk melahirkan *total personality* maka di sinilah yang seharusnya pemikir-pemikir kita, *think tankers* kita dalam *education*, jangan kita ambil daripada luar sahaja. Saya tahu beberapa projek-projek besar hanya mengambil konsultan daripada luar, makan juta ringgit. Saya kenal peribadi-peribadi itu, paling tidaknya dengan nama dan CVnya.

Apabila kita gagal untuk memungkah keupayaan intelek yang ada di negara ini, dan kadangkala begitu tersasarnya kita kerana kita tidak nampak dalam satu *world view*, dalam satu sudut pandang, apabila kita tidak dapat melahirkan satu sistem pendidikan yang dapat meletakkan *assessment* kita, penilaian kita, kurikulum kita untuk pada akhirnya meletakkan ketiga-tiga tadi, ketiga-tiga domain kepintaran itu digarap untuk dilahirkan dalam setipa peribadi anak didik yang kita lahirkan atau kita janakan dalam sistem pendidikan kita di peringkat rendah, menengah, sehinggalah ke IPT.

Itu saya tidak masuk lagi kepada apa yang merupakan revolusi pendidikan dalam apa yang disebutkan oleh Profesor Howard Gardner dalam tujuh domain kepintaran. Jadi, dalam kata

lain, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan kita ini hanya menjurus kepada hanya dua, tiga domain kepintaran lalu hukum setiap pelajar kita dalam domain itu dan menghalakan, menala pemeriksaan, *assessment*, dan penilaian kita kepada domain-domain *intelligence* itu.

Adapun, kalau boleh saya sebut, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lanjutkan keseluruhan domain kepintaran ini, pertamanya, yang dikatakan linguistik atau pun *critical intelligence*, *mathematical intelligence*. Kesemua itu adalah merupakan *intelligence* yang sistem pendidikan kita ini digarap, hurai dalam sistem penilaiannya dan akhirnya seorang itu berjaya atau tidak dihukum di atas itu. Bagaimana mereka yang cemerlang hari ini hendak kita anugerahkan dengan Datuk dengan RM300,000 selepas memenangi pingat perak di Beijing baru-baru ini. Apa *intelligencenya* yang dia ada.

Kalau kita lihat kepada kepintarannya, apa *intelligencenya* itu. Kalau tidak disebutkan oleh Profesor Howard Gardner sebagai *charismatic intelligence*. Hanya *static intelligence* yang menjurus kepada kepintaran seseorang menggunakan lokomotornya. Ini lahir dalam domain *sports*. Kalau saya boleh hurai sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ataupun mereka yang mempunyai domain kepintaran dari sudut ini, dan mereka cukup hebat. Kalau ini tidak termasuk dalam *assessment*, atau dilihat dalam satu kerangka penilaian yang lebih luas, maka orang-orang ini mungkin kita hukum pada rendahnya bodoh.

Pada awal lagi, saya tidak mahu menghuraikan keseluruhan ini menjadi satu kuliah yang panjang, Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya sebutkan, dalam tujuh perkara itu, kalau boleh, saya tidak pelan pun hendak bercakap dalam ini, tapi ini semua *full memories coming back into unit*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak tekankan di sini, kalaulah kita pada awal-awal sudah meletakkan sistem pendidikan itu begitu dan kita meraikan mereka yang berjaya dari sudut akademik ini, oh, hebat, 17 A nya.

Jadi, saya minta supaya apakah ini yang kita mahu dan kita tidak pernah membuat satu kajian. Saya minta kementerian membuat satu kajian, mereka yang dikatakan hebat itu, IQnya itu 140 dan ke ataslah, kalau kita ikuti laluan hidupnya, *timelinenya*, apakah mereka berjaya. Apakah ada jaminan bahawa mereka, yang *straight A student* ini berjaya pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kinabatangan terpanggil.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terpanggil, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mikrofon Yang Berhormat ini kasihan, tak berfungsi Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat, minggu hadapan kena diperbaikilah, dia kena lompat pergi sebelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya terpanggil, saya memang mendengar daripada luar dan saya masuk hujah-hujah Yang Berhormat, memang ada inti patinya. Walau bagaimanapun, apakah Yang Berhormat melihat bahawa sistem kita yang ada ini tidak lengkap dan perlu ada transformasi baru dalam sistem pendidikan kita dan kalau ya, apakah cadangan-cadangan yang Yang Berhormat ingin lontarkan supaya turut serta membantu dalam menjana pendidikan negara kita yang dijurus pada masa akan datang. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya bersedia untuk bersama dalam mana-mana wacana dalam mana-mana fokus untuk melahirkan satu sistem pendidikan yang lebih mantap sesuai dengan peredaran zaman yang kontemporari dan futuristik.

■ 1640

Dan saya rasa kawan-kawan di sebelah sini juga bersedia. Kalau sekarang saya punya waktu Tuan Yang di-Pertua saya sedia untuk menghuraikan. Ini yang saya berikan adalah lontaran-lontaran awal supaya kita digerakkan dan disedarkan, diinsafkan bahawa apakah kita telah tersasar sekian lamanya yang merupakan jenayah pendidikan di negara kita ini selama harinya. Kerana kita tidak mahu kembali *revisit and listen to the voice of descends, listen* kepada sedikit perbezaan pandangan. Sebab apa sebab ini bukan datangnya daripada kalau saya boleh sebutkan sumber-sumber Islam semata-mata. *These are contemporary researches* dan itu pun kita gagal untuk menghayatinya. Kalau saya masuk tentang bagaimana Islam pula dari sudut *religion driven knowledge* lagi tetapi saya rasa tidak perlu yang itu. Saya lebih *inclusive* daripada itu.

Jadi dengan kata lain kalau saya boleh teruskan sedikit Tuan Yang di-Pertua, saya cukup khuatir...

Tuan Yang di-Pertua: Fokuskan kepada akta pindaan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini peringkat dasar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya saya tahu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Nanti peringkat jawatankuasa saya huraikan satu persatu ini peringkat dasar. Saya masih mahu merakamkan andainya kita lakukannya apa yang, jangan disebut istilah transformasi, revolusi pendidikan ini kalau kita tidak tahu apa ertinya untuk menggarap keseluruhannya itu. Yang kita lakukan pada saya adalah tampal tempelnya dan setiap kali dilakukan setiap kalilah kritikan pun dilontarkan kepada kementerian dan menterianya. Dan *flip flop* polisinya, saya cukup kesian, saya cukup sedih, saya terus terang sebutkan. Maka dengan kata lain kalau bukan untuk mengambil alih kerajaan itu atau kementerian itu, itu ditentukan oleh rakyat.

Tetapi dalam hal ini kalau saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua sedikit lagi tidak apa, jadi dengan kata lain juga kalau begitulah sifatnya tidaklah yang dikatakan tadi kalau bila PAS bangun bercakap dia bercakap tentang pendidikan itu agama. Tetapi kalau kita lihat apa yang dikatakan IQ *emotional quotient* itu adalah penting untuk mendidik pelajar supaya mampu mengurus emosinya. Supaya tidak dapatlah kita lihat seperti mana berlaku di Dewan ini ledakan-ledakan emosi yang tidak terkawal. Walaupun mereka itu Ahli Parlimen Yang Berhormat tetapi kadangkala kerana ia tidak terkawal ia menjadi seperti apa yang kita saksikan *the shouting match around everyday, every time*.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Arau tergamit.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit lagi Yang Berhormat Arau ya. Jadi begitu juga yang dikatakan *spiritual quotient* ini tidak semestinya *religious*. *Spiritual quotient* ini adalah keupayaan, kepintaran untuk memahami hala tuju hidup. Dan hala tuju hidup ini tergantunglah kepada agama mana yang kita anuti. Dan dengan kata lain kalau kita tidak ada hala tuju hidup, inilah yang menjadikan pelajar-pelajar yang tajam akalunya, tumpul akhlakunya, mundur dan langsung tidak ada punya tujuan hidup, maka mereka tidak akan menjadi pelajar yang cemerlang, gemilang, terbilang. Mungkin hanya terlentang pada hujungnya.

Tuan Yang di-Pertua sebab itulah saya perlukan dalam bercakap di peringkat dasar ini menegaskan perkara ini supaya kita kembali benar-benar. Saya kalau masuk sedikit daripada apa yang disebutkan oleh Allah SWT dalam hal ini kalau ini mengambil perspektif agamanya. Perspektif agamanya dalam *total education* ini Tuan Yang di-Pertua adalah untuk melahirkan manusia-manusia, pelajar-pelajar, anak didik ini yang pada akhirnya memahami bahawa setelah mereka itu diberikan *cognitive ability, intellectual ability*, mereka pada akhirnya kalau boleh saya sebutkan menjadi seorang yang *creatively enterprising, morally and spiritually vibrant and intellectually superior*.

Di situlah maka mereka akan berperanan *[Bercakap dalam bahasa Arab]*. Terbaik daripada kalangan kamu adalah mereka yang paling banyak khidmatnya kepada rakyat. Yang ini yang kita hendak lahirkan, pelajar-pelajar seperti ini yang bukan hanya *take from the society but gives, they more they have, the more they gives*. Yang ini yang kita mahukan, mahu melahirkan manusia-manusia cemerlang ini. Dan siapanya manusia cemerlang ini bukan hanya ditentukan oleh pandangan peribadi ataupun pandangan perspektif Islam semata-mata. Mungkin *religious based education* lain pun tetapi itu bukan pertikaian saya. Pertikaian saya kembali kepada perkara asas dan falsafah tadi.

Tuan Yang di-Pertua saya sudah mula bercakap tentang perkara yang paling titik bengit di Kuala Selangor tadi. Saya masuk ini kerana saya rasa inilah pada akhirnya yang akan menentukan keberkesanannya, yang akan menentukan taraf keupayaan daya saing kita, *the comparativeness of our student and our graduate will finally depend on these* Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan itu apa pun reformasi, apa pun transformasi, apa pun revolusi yang hendak kita lakukan kita kembali melihat kepada premis kita, *world view* kita yang akan menentukan kerangka dan bingkai pendidikan itu.

Dan kalaulah kita dapat langsung, kita dapat punggah dan kita dapat pacu dalam menentukan kembali, saya yakin 83,000 pelajar-pelajar yang tercicir dalam sebelas tahun pendidikan awal dapat kita elakkan. Sebab apa? Sebab walaupun mereka tidak cerdik akademik, mungkin mereka akan menjadi cemerlang dari sudut teknikal dan vokasional. Kenapa kita hukum mereka manusia-manusia tidak bijak, tidak pintar kerana kita tidak tahu bahawa di

sana ada *kinesthetic intelligence*. Ada *intra personal intelligence*, ada *inter personal intelligence*. Saya pernah melihat sendiri pelajar-pelajar yang cerdas dan pintar tidak tahu untuk berhubung dengan sesama manusia, tidak tahu untuk *communicate and has no social ability, social skill*. Apakah itu manusia bijak? Manusia pintar?

Jadi kesemuanya ini Tuan Yang di-Pertua perlu digarap akhirnya. Ini kalau saya panjang lagi memang tidak habislah Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa banyak lagi yang hendak saya sebut. Saya pun faham Tuan Yang di-Pertua pun nampak agak bersetuju dengan saya jadi sudah itu saya di peringkat jawatankuasa nanti saya perlu menghuraikan *detailnya*. Saya yakin saya hanya dapat rakaman dalam Hansard sahaja. Pandangan-pandangan saya ini mungkin di sini sahaja, di Dewan yang hampir hanya 10% yang dipenuhi tetapi andainya Tuan Yang di-Pertua kita *committed*, andainya kita sungguh-sungguh punya *political will*, jangan sampai kementerian ini menjadi momokan. *Flip flop policies* dan bukan hanya pembangkang ataupun Pakatan Rakyat sahaja yang menghujah, mengkritik tetapi ahli akademik pun begitu, penganalisis pun begitu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat jangan susah 10 orang pun kita dengar yang terbaik.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih saya cukup sokong pandangan Yang Berhormat Kinabatangan. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

4.47 ptg.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama membahaskan rang undang-undang suatu akta untuk meminda Akta Pendidikan 1996. Bila kita merujuk tentang peranan pendidikan dalam pembinaan negara bangsa memang tidak dapat disangkal dan dinafikan lagi. Sebab salah satu dasar yang terdapat dan termaktub dalam Akta Pendidikan ini kita lihat bagaimana pihak kerajaan itu sendiri telah pun memperkenalkan suatu mekanisme supaya dapat membentuk negara bangsa itu sendiri. Dan dalam soal ini saya membincangkan rang undang-undang ini merujuk kepada perkara yang kelapan Fasal 7 iaitu bertujuan untuk meminda Seksyen 44 Akta 550 bagi membolehkan Institusi Pendidikan Guru menganugerahkan diploma dan ijazah perguruan selaras dengan kenaikan taraf maktab pendidikan guru kepada institusi pendidikan guru.

Apabila Sabah merdeka menerusi Malaysia dalam tahun 1963 dan kita rujuk dalam *Malaysian Federalism: Conflict or Consensus* yang ditulis oleh Mohammad Agus Yusuf. Pada peringkat awal kita melihat bagaimana sistem pendidikan ini kalau di negeri Sabah ianya seolah-olah tidak pernah disebut sebagai suatu yang perkara penting. Tetapi kalau kita rujuk dalam IGC (*Inter Government Committee*) yang telah tulis dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold dalam tahun 1960. Yang antara lain dalam ketetapan dan laporan itu menjelaskan bahawa hak-hak

keistimewaan yang terdapat kepada warga Sabah dan negeri Sarawak perlu dipelihara dan diambil perhatian.

Dan dalam laporan dalam tahun 1967 kita melihat bagaimana ketika itu hanya 119 orang sahaja iaitu rakyat daripada negeri Sabah yang boleh ditawarkan untuk memegang jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan negeri ketika itu. Dan melihat kepada ini bagaimana peranan pendidikan itu sangat penting, penting untuk pembangunan sesebuah masyarakat. Apalagi contohnya di negeri Sabah sebab di sini kita berbincang untuk memartabatkan pendidikan ini sebagai satu wahana sebab kita mahu melihat pembentukan manusia itu sendiri hanya kita boleh peroleh melalui pendidikan.

■ 1650

Sebab pendidikan ini satu proses yang kita akan mendidik ataupun membentuk manusia itu untuk menjadi satu manusia yang menjadi lambang kebanggaan sesuatu masyarakat ataupun negara itu sendiri. Jadi kita berharap, dengan wujudnya sebab daripada segi kedudukan geografi, tanah Semenanjung, Sabah dan Sarawak dipisahkan oleh Laut Sulu dan Laut China Selatan. Jadi daripada segi proses integrasi ini mungkin tidak begitu cepat kita perolehi sebab sudah 40 tahun lebih Sabah dan Sarawak ini berada dalam Malaysia ini tetapi masih lagi di antara kita ini mempertikaikan dan soal lahirnya negara bangsa yang tidak ada lagi sentimen-sentimen yang dibawa oleh semangat kekitaan itu bukan hanya wujud di kalangan etnik ataupun golongan-golongan tertentu.

Apa yang paling penting ialah kita mahu melihat satu proses bagaimana apabila kita melahirkan guru itu, guru di semua tempat di negara kita ini tanpa mengira dari mana mereka datang mempunyai satu matlamat iaitu ingin menjadikan profesion keguruan dan perguruan itu menjadi suatu profesion yang dia harus membezakan. Di sini saya mencadangkan kepada kementerian ini iaitu asasnya jelas kepada pengamal yang akan menjadi seorang guru itu supaya mereka tahu tanggungjawab mereka, peranan mereka iaitu membentuk negara ini melalui pendidikan yang diterima oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang, agama ataupun etnik. Ini kerana di sini bagaimana di peringkat permulaan dalam Suruhanjaya Cobbold itu apabila kita mahu mendapat persetujuan daripada kedua-dua buah negeri tadi sebab kita mahu juga dipelihara supaya mengambil kira terutamanya tentang isu-isu pendidikan.

Walaupun tidak disebut dengan secara meluas dalam laporan Suruhanjaya Cobbold itu, tetapi saya ingin mencadangkan kepada kementerian sudah tiba masanya, sudah tiba masanya untuk kita sama-sama dapat mengangkat martabat institusi perguruan ini terutamanya di negeri Sabah kepada satu tahap yang memang kalau sudah ijazah itu diiktiraf dan membolehkan ianya akan bertaraf antarabangsa dan boleh melahirkan manusia yang mengamalkan perguruan itu. Jikalau kita lihat sebagai contohnya di negara-negara yang sudah lama merdeka dibandingkan dengan Malaysia ini iaitu mereka boleh membezakan yang terlibat dengan politik atau terlibat dengan profesion, yang menjadi kata orang punca pendapatan untuk mereka menyara hidup

mereka. Sebab kita tidak mahulah di antara kita sebagai yang mahu terlibat dalam profesion ini, kita jelaskan kepada kementerian, cadangkan kepada kementerian supaya proses orientasi yang berterusan ini kepada guru-guru ini supaya mereka ini tahu peranan dan tanggungjawab mereka. Ini kerana sensitiviti inilah yang menyebabkan kadang-kadang ada di kalangan guru-guru itu sendiri gagal membezakan ataupun apa peranan mereka ketika itu terutamanya kalau mereka di sekolah.

Sepatutnya mereka faham, sebab falsafah pendidikan yang telah dibuat dalam Laporan Penyata Razak dan Rahman Talib yang telah mengambil kira pelbagai kaum yang ada di negara kita ini supaya menjadi asas kepada pembentukan pendidikan ataupun peraturan yang menjadi ikutan kepada kita ini untuk dapat membentuk suatu bangsa Malaysia yang kita sama-sama dapat menghormati di antara satu sama lain.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak wujud soal sentimen ataupun isu perkauman ini. Kalau kita lihat dalam keadaan sekarang ini, saya lebih menghormati generasi 60-an, 70-an yang mana mereka ini lebih mengutamakan soal negara ini yang kalau dibandingkan dengan sekarang ini yang ramai sudah intelektual, ahli politiknya pun sudah intelektual tetapi sentimen perkauman itu semakin menebal seolah-olah kita ini *reverse*, balik.

Jadi kita berharap dengan fasal ke-8 yakni yang bertujuan untuk mengangkat institusi perguruan itu supaya dapat mengeluarkan ijazah. Kita harap manusia yang akan dikeluarkan daripada maktab-maktab ini, mereka ini benar-benar faham akan tanggungjawab mereka. Juga saya mencadangkan kepada kementerian supaya pengambilan di kalangan guru ini juga diramaikan yang datang daripada Sabah dan Sarawak. Ini kerana daripada segi yang saya sebutkan di peringkat awal tadi iaitu masalah geografi, lokasi antara dua tanah ini sangat jauh dipisahkan. Itu sebabnya kita mencadangkan kepada kementerian supaya dapat melonggarkan daripada segi pengambilan kelayakan minimum daripada guru-guru yang datang daripada Sabah dan Sarawak ini perlu diambil kira.

Saya bersetuju dengan pandangan beberapa orang sahabat kita Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang iaitu daripada Ledang yang menyebut supaya kalau kelulusan SPM semimum yang diperlukan tetapi kalau menjurus kepada keperluan Sabah dan Sarawak, perlu diambil kira kalau daripada segi syaratnya itu mungkin terlalu ketat, perlu dilonggarkan sedikit. Akan tetapi kita tidak boleh berkompromi daripada segi kualiti orang yang ingin menjadi guru itu, kita kena ambil berat ini sebab tidak menjamin sebenarnya. Walaupun mungkin sel otak saya ini dengan sahabat-sahabat semua serupa, lebih kurang 11,000 bilion neuron tetapi kita perlu melihat kepada satu sahsiah individu yang kita boleh pertahankan dan mereka ini boleh menjadi pendidik yang terbaik. Itu daripada segi kelonggaran yang mungkin kita boleh berikan daripada segi gred dia. Akan tetapi apabila kita buat temu duga kepada orang yang layak mengambil jawatan tersebut, kita perlu lebih kritikal dan pastikan supaya mereka ini benar-benar layak. Saya bersetuju juga dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, jangan dihantar guru-guru

yang ada masalah datang ke Sabah ataupun Sarawak ataupun negeri-negeri lain di tanah Semenanjung ini. Ini kerana kita tidak mahu lagi melihat manusia, individu yang menjadi guru ini yang dianggap kalau pada satu ketika dulu dianggap sangat mulia, sangat dipandang tinggi di kalangan masyarakat kita. Jangan sampai darjat mereka ini dipandang yang terlalu rendah.

Jadi kita berharap supaya generasi yang akan menjadi guru di masa akan datang ini sesuai dengan mengantarabangsakan dan mengangkat martabat perguruan ini menjadi suatu yang akan menjadi lambang kekuatan dan sebagai mereka ini sebenarnya. Ini kerana guru ini selain daripada pada ibu bapa yang menjadi *role model*, yang menjadi tanggungjawab utama, yang memastikan bahawa pembinaan anak bangsa generasi akan datang ini memang bergantung kepada ibu bapa itu sendiri, 85% masa anak-anak kita ini bersama ibu bapa tapi *at the same time as a second home* dengan izin, guru yang berada di sekolah itu bertanggungjawab ketika berapa jam anak murid itu berada di sekolah itu perlu memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses mendidik anak bangsa itu sendiri. Hayati falsafah pendidikan negara kita itu.

Dengan cara ini, saya rasa kita boleh membentuk dan melahirkan institusi perguruan ini menjadi satu lambang kebanggaan. Kalau kita lihat di negara seperti UK ataupun US, mereka ini sangat dimuliakan dan dihormati.

Jadi kita berharap supaya dengan memperkenalkan perubahan rang undang-undang ini dapat memperkemas kini kan lagi dan kita ucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian.

Seterusnya dalam fasal yang ke-9 iaitu bertujuan meminda subseksyen 67(1) Akta 550, memberi menteri kuasa untuk menetapkan cara murid dinilai dan taraf yang hendak dicapai oleh mereka pada semua peringkat pendidikan di bawah bidang kuasanya. Kita berharap dengan kuasa yang diberikan kepada menteri ini, kita sama-sama dapat melahirkan dan dapat menilai keupayaan murid-murid ataupun para pelajar kita kepada tahap yang bukan hanya kita kira latar belakangnya itu ada kepentingannya ataupun istilah nepotisme dengan izin. Kita mahu dia benar-benar sama ada latar belakang itu bangsa Cina, Melayu, India dan sebagainya. Kita perlu lahirkan suatu individu apabila kita nilai, mempunyai keupayaan yang boleh menjadi kebanggaan bukan hanya kepada Kementerian Pelajaran itu sendiri tetapi kebanggaan kepada warganegara Malaysia. Ini kerana kita mahu melihat bila rakyat di negara ini berada ataupun pergi ke luar negara, mereka akan rasa bangga dan tidak segan silu mengatakan bahawa mereka itu bangsa Malaysia.

■1700

Jadi kita berharap dengan semua dapat menilai tahap dan taraf ini dan kita cadangkan juga kepada Kementerian Pelajaran supaya membuat data bank yang berterusan di peringkat awal. Mungkin kalau sekarang ini terputus ataupun belum diwujudkan satu institusi yang memang khas sama ada dalam konsep *research and development* iaitu mengkaji apa kelemahan-kelemahan. Kita mahu supaya perwujudan institusi ataupun agensi seumpama ini tidak begitu dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan ia akan bias ataupun berat sebelah.

Kalau kita dapat membentuk konsep seumpama ini, saya rasa dan pasti tidak akan wujud di kalangan kita ini rasa *jealous* dengan izin ataupun cemburu ataupun ada yang tersisih dan sebagainya.

Kita tidak mahu lagi wujud seperti pihak-pihak tertentu yang mahu menghasut kononnya dia tidak diberi peluang tapi kalau kita lihat kepada Penyata Razak dan Rahman Talib, sudah jelas terbukti kepada kita bahawa tidak ada satu pun. Dalam akta pendidikan itu pun sendiri ada menyebutkan kalau para ibu bapanya tanpa mengira latar belakang, kalau anak itu sudah lima tahun umurnya atau enam tahun umurnya wajib dihantar ke sekolah. Jadi kita sangat bersetuju supaya dapat melahirkan bangsa Malaysia sebab kita tahu pendidikan ini akan menjadi satu teras utama. Di negeri Sabah, saya sangat berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang memberi peruntukan besar dalam bidang pendidikan ini sebab kita melihat keadaan geografi di negeri Sabah itu dan banyak lagi perkara-perkara yang perlu diambil perhatian.

Saya ingin juga mencadangkan kepada kementerian berhubung dengan penilaian murid yang akan diberi kuasa kepada menteri ini supaya diambil kira dari segi kurikulum dengan mengambil tahu tentang kebudayaan. Mata pelajaran sivik ataupun kesedaran tatanegara yang sebelum ini diperkenalkan akan ditambah nilainya sebab disesuaikan dengan peredaran masa ataupun tuntutan zaman sekarang ini, mungkin kita perlu masukkan dari segi kebudayaan. Sebab dengan cara inilah apabila kita faham ataupun mengerti dari segi budaya, latar belakang satu keturunan bangsa itu menyebabkan mudah untuk kita memahami. Dengan secara tidak langsung juga kita dapat menghormati rasa tanggungjawab kita dan bagaimana supaya kita sama-sama prihatin.

Begitu juga saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya guru-guru daripada etnik lain terutamanya masyarakat Cina ataupun India dihantar ke kawasan luar bandar bukan hanya bertumpu di kawasan ladang ataupun di kawasan-kawasan bandar. Kita mahu mereka ini ada *feel*, ada rasa sendiri bagaimana kesusahan yang dihadapi ataupun dirasai oleh rakyat kita yang tinggal di kawasan luar bandar. Sebab dengan cara konsep seumpama ini, saya sangat bersetuju di masa akan datang supaya kementerian itu sendiri dari segi memberi anugerah kecemerlangan kepada guru-guru dengan memberi insentif ini bukan hanya tertumpu kepada guru-guru yang ada di kawasan bandar. Harus memberi keutamaan kepada guru-guru yang berada di kawasan luar bandar.

Mungkin di masa akan datang, kalau ada guru-guru yang sudah cemerlang di peringkat luar bandar, mereka ini dihantar ke bandar. Kita melihat bagaimana sekolah-sekolah di kawasan bandar ini menghadapi banyak masalah dari segi disiplin, sosial dan sebagainya. Mungkin kampung yang dari segi penduduknya terhad tetapi pada masa yang sama banyak yang boleh kita bawa ke peringkat bandar untuk diterapkan suatu nilai budaya kawasan luar bandar yang aman, selesa, damai itu menjadi cerita kepada pelajar-pelajar ataupun murid yang berada di kawasan bandar.

Begitu juga guru-guru yang sudah cemerlang di kawasan bandar ini dihantar ke kawasan luar bandar. Jangan hanya dia diangkat sebagai guru besar ataupun pentadbir yang akhirnya kemahiran itu akan tertumpu kepada kawasan bandar dan gap ataupun jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar itu masih lagi wujud. Kita tidak boleh rapatkan, sedangkan falsafah pendidikan itu kita mahu melihat supaya semua warga Malaysia mempunyai sistem pendidikan yang sama rata, sama nilainya. Kalau orang bandar bijaksana, orang luar bandar pun begitu sebaliknya. Jadi kita berharap supaya dengan pelaksanaan dan pengubahan rang undang-undang ini akan dapat memperkemaskan lagi dan kita harus memberi tumpuan utama di kawasan-kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat pendidikan ini sebagai wacana kita untuk memastikan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat di negara ini akan semakin rapat dan terjamin. Kita melihat sejak akhir-akhir ini nampak sangat walaupun saya ada menyebut tadi di peringkat awal bahawa longgarnya dan adanya sentimen yang terlalu ekstrem yang kadangkala sama ada pengamal politik ataupun golongan profesional yang banyak terlibat dalam penglibatan dari segi isu-isu politik. Jadi kita mengharapkan dengan penggubalan ataupun perubahan kepada rang undang-undang ini, kita bercadang dan berharap kepada kementerian supaya sama-sama dapat memasukkan kurikulum yang berteraskan kepada perpaduan. Bukan kita hanya mengutamakan kepada unsur-unsur iaitu aktiviti yang dibuat di sekolah-sekolah itu semata-mata untuk memenuhi aktiviti yang memperoleh markah kepada murid ataupun pelajar itu sendiri. Akan tetapi kita mahu melihat supaya aktiviti kurikulum yang menjurus kepada perpaduan ini diberi penekanan utama kepada murid-murid dan para pelajar kita.

Begitu juga, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya kalau sekolah tertentu itu secara majoritinya ada ramai bangsa Melayu ataupun keturunan etnik yang dominan, kita perlu menghantar guru-guru yang lain latar belakangnya supaya apabila dia memberi pendidikan ataupun mengajar di sekolah tersebut dia tidak terpengaruh oleh persekitaran. Kalau kita melihat sebagai contoh ada beberapa buah tempat di negeri Sabah ini, kita melihat bagaimana guru-guru yang dihantar ke sekolah-sekolah itu tidak mengambil kira sensitiviti kaum sehingga boleh mewujudkan sentimen-sentimen yang kita tidak senangi yang boleh menjejaskan kepada perpaduan dan persefahaman kaum itu sendiri.

Jadi, kalau dalam kurikulum yang akan ditambah ataupun dimasukkan, saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya konsep perpaduan dan kebudayaan itu perlu dimasukkan dan diambil perhatian oleh kementerian kerana dengan cara inilah saya rasa kita pun sudah 51 tahun merdeka dan akta ataupun Penyata Razak dan Rahman Talib pun sudah lama diperkenalkan. Saya rasa inilah antara dasar yang memang sesuai walaupun sesetengah pihak beranggapan bahawa dasar Kementerian Pelajaran ataupun dasar pendidikan kita ini tidak begitu terbaik. Akan tetapi apa yang saya dapat perhatikan daripada keadaan setelah kita

merdeka sekian lama ini, ia boleh membentuk dan dapat melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, mempunyai tolak ansur yang tinggi.

Jadi kita perlu teruskan dan saya menyokong supaya rang undang-undang yang diubah ini akan dapat memperkemaskan lagi dan dapat melahirkan suatu modal insan yang menjadi kebanggaan semua rakyat Malaysia. Kita berharap guru-guru yang akan dinaikkan dari segi martabatnya apabila mereka ini mendapat ijazah sesuai dengan menaik taraf dan mengangkat martabat itu, maka profesion serta individu yang menjadi pengamal itu benar-benar faham dan memahami tanggungjawab dan peranan mereka sebagai seorang guru. Dengan cara ini, saya rasa kita akan dapat meyakini bahawa senang dan mudah untuk kerajaan dapat melaksanakan apa pun program dan tidak ada lagi sentimen-sentimen yang boleh menghalang dari segi perpaduan kaum yang ada di negara kita ini.

Saya juga mencadangkan kepada kerajaan supaya pekeliling yang bukan hanya sebenarnya pihak pembangkang yang mengatakan bahawa mereka tidak dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti sekolah, sebenarnya Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional di negeri Sabah juga ada juga mendapati halangan-halangan tersebut. Jadi saya berharap supaya pihak kementerian dan menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini mengambil kira kerana sudah tiba masanya kita tidak perlu takut dengan fahaman-fahaman politik ini.

Kalau kita benar yakin bahawa kita sebagai orang politik juga faham dari segi profesionalisme, faham dari segi tatacara dan kita mahu masuk ke sekolah itu sama-sama untuk membentuk satu gagasan warganegara Malaysia yang benar-benar cintakan perpaduan dan memastikan bahawa pendidikan inilah sahaja satu elemen yang terpenting yang boleh menyebabkan kita bersatu padu dan kita sama-sama dapat mengangkat. Memang sesuaiilah ayat awal yang diturunkan kepada manusia itu Iqra' iaitu disuruh membaca. Inilah proses yang kita peroleh daripada pendidikan ini. Jadi dengan pendidikan yang kita perolehi ini, kita sama-sama dapat galas dan pertahankan rang undang-undang yang ada ini memang sesuaiilah. Hanya kita perlu perbaiki dari segi di mana terdapat kekurangan dan kelemahan. Mudah-mudahan...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Ya, silakan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Silam. Saya rasa sebelum Yang Berhormat silam menamatkan perbahasan ini saya hendak balik jauh sedikit.

Tadi Yang Berhormat memberi komen kepada Yang Berhormat Kinabatangan mengenai guru-guru yang dibawa ke sebelah Sabah yang dikatakan bermasalah. Saya tidak mahu Dewan ini diberitahu bahawa semua guru yang dibawa ke Sabah ataupun Sarawak adalah bermasalah dalam konteks ketidakefektifan mereka mengajar ataupun kesalahan-kesalahan mereka yang berlaku di sekolah. Ini kerana saya dimaklumkan ramai di antara guru yang dihantar ke Sabah dan Sarawak yang dikatakan bermasalah bukan kerana masalah pengajaran tetapi masalah

penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti setengahnya politik ataupun kepartian yang tidak dipersetujui tapi mereka ini masih sebahagian ramainya adalah guru yang baik dan cemerlang.

■1710

Jadi kalau itu keadaannya saya rasa dia tidak menjadi satu masalah kepada Sabah dan kepada Sarawak, yang menjadi masalah guru-guru ini untuk sebulan dua akan berasa tertekan kerana perpindahan.

Namun akhirnya saya dapati ramai guru-guru yang dipindahkan atas sebab-sebab politik ini menyesuaikan diri dengan baik di Sabah dan Sarawak dan mereka *enjoy*. Mereka duduk lama malah tidak memohon pun untuk kembali ke Semenanjung. Jadi saya berharap kita tidak keluar daripada Dewan ini dengan merasa mereka yang dipindahkan itu bermasalah dari segi pendidikan. Mereka sebenarnya guru yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan yang diberikan. Sebenarnya kebetulan juga pandangan Yang Berhormat Kinabatangan pagi tadi ialah, sebab kita melihat sebenarnya di peringkat awal ada di kalangan mereka ini mungkin sahabat belum berhadapan secara realitinya. Akan tetapi kita sendiri berdepan dengan guru-guru seperti yang saya maksudkan sebab kita berdasarkan kepada pengalaman yang kita peroleh.

Sebagai contohnya ada beberapa buah sekolah di kawasan saya sendiri. Alhamdulillah kebetulan mungkin dari segi latar belakang pendidikan yang saya peroleh saya pernah belajar di tanah Semenanjung ini saya boleh berinteraksi dan boleh berkomunikasi dengan mereka untuk memberi penjelasan sebab sifat keterbukaan itu sehinggakan mereka itu sendiri rapat dan mesra dengan saya.

Saya berharap mungkin pandangan Yang Berhormat Kuala Krai didengar sendiri oleh guru-guru yang lain dan siapa yang dengar pandangan Yang Berhormat ini kita sama-sama kongsi. Ini supaya apabila mereka ini dihantar ke negeri-negeri selain daripada tanah Semenanjung ini benar-benar mengamalkan konsep profesionalisme mereka sebagai seorang pendidik, sebagai seorang guru. Sebab kita memang sudah akur inilah keunikan bangsa Malaysia yang berbilang kaum ini. Apa pun yang dihantar ke negeri Sabah sebenarnya kita tidak ada kena prejudis ataupun sentimen-sentimen yang tidak baik sebenarnya sebab mereka juga saudara kita, sahabat kita dan sama bangsa Malaysia. Hanya apabila mungkin suatu pengalaman yang sudah ada di tanah negeri sendiri, jangan dibawa ke tempat lain.

Kita kenakan suatu konsep yang benar-benar bahawa jangan campur adukkan antara politik dengan guru. Saya ingin cadangkan kepada guru-guru, kalau benar-benar mereka ini minat berpolitik, terjun ke dunia politik sebenarnya. Jangan dicampuradukkan, sebab saya sendiri pun pernah menjadi seorang guru tetapi apabila saya berhadapan dengan antara politik dengan guru maka saya mengambil keputusan untuk berhenti daripada seorang guru. Ini yang kita mahu, sebab inilah yang diperkenalkan oleh negara-negara yang lebih maju daripada kita yang mengambil keputusan profesion ini. Kita tidak boleh - jarang-jarang sekali, *two in one* kita boleh

buat. Buat kerja sebagai seorang politik, buat kerja sebagai seorang guru, mesti profesion itu ada penumpuan.

Dalam ilmu agama pun ada ditegaskan kepada kita diingatkan kepada kita, kalau hendak jadi tukang pandai kayu ataupun tukang pandai besi, kena rujuk setiap dia punya pakar. Begitu juga kita sebagai guru nanti bila akta ini akan diubah dan diangkat martabatnya untuk mendapat satu ijazah. Kita harap orang yang menerima ijazah itu betul-betul kita boleh hormat dan mereka ini benar-benar menjadi seorang pendidik yang tahu membezakan profesion dengan bidang yang lain. Itu sebabnya kita berharap supaya generasi yang ada juga di luar sana sama-sama menilai antara kerajaan mana yang baik dan mana yang tidak baik.

Saya di sini melalui kebetulan, Alhamdulillah juga pengalaman apabila kerajaan negeri memberi peluang saya belajar ke luar negara. Saya boleh membandingkan kehebatan negara Malaysia ini dengan negara yang lain yang sudah 200 tahun merdeka daripada kita. Namun sebenarnya kalau dari segi sistem perundangan, sistem perkhidmatan awamnya, sistem yang lain ini mungkin sahabat-sahabat hanya mendapat maklumat tetapi kalau mungkin, saya tidak nafikan kalau anda sudah pernah tinggal di luar negara selama 10 tahun dan masih juga mengutuk Malaysia, sebenarnya itu tidak baik dan tidak wajar. Ini yang kita mahu supaya sistem pendidikan ini benar-benar membentuk bangsa Malaysia yang menghormati sayang kepada negaranya dan dia tidak mengutuk atau sembarangan.

Saya sangat berharaplah supaya kita sebagai *law makers* dengan izin, pembuat, penggubal undang-undang ini sama-sama berfikir, berdebat, berbahas seumpama ini. Pandangan yang dikemukakan ini adalah untuk kebaikan bersama. Insya-Allah saya yakin dan pasti kalau kita sama-sama menghayati, memainkan peranan masing-masing, yakinlah bahawa kita di Malaysia ini, kita boleh bersatu padu. Percayalah kalau kita mengamalkan dan menghormati apa pun dalam Perlembagaan Negara kita ini terutamanya pendidikan inilah yang menjadi teras utama kekuatan bangsa Malaysia itu sendiri. Percayalah tidak ada di antara kita ini yang akan menganggap bahawa dia itu Cina ataupun India ataupun bangsa lain kalau kita tahu bahawa kita itu bangsa Malaysia.

Ini yang perlu ada pada kita sebab kita tidak mahu apa yang berlaku di negara barat seperti United Kingdom ataupun USA yang sudah 200 tahun lebih merdeka tetapi jarang sekali, ialah kadang-kadang itu hanya gambaran contoh kepada pihak-pihak tertentu tetapi secara majoritinya kalau kita sudah pernah tinggal lima, enam tahun di sana, dari segi perpaduan tidak ada yang sehebat negara Malaysia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan perubahan rang undang-undang ini kita akan sama-sama berdoa dan mengharapkan agar satu rang undang-undang yang benar-benar boleh dapat memperbaiki dari segi mutu pendidikan yang akan diberikan kepada warga negara Malaysia.

Kita berharap juga dengan adanya pembaikan dan perubahan kepada rang undang-undang ini, kita akan sama-sama secara ikhlas mahu melihat supaya pendidikan ini sebagai satu

tools yang terbaik untuk memastikan bahawa perpaduan dan kekuatan bangsa Malaysia itu dapat dipertahankan. Dengan ini saya turut mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.17 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Pendidikan Pindaan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya akan merujuk kepada masalah kekurangan guru dalam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Beberapa tahun lalu kita sering kedengaran pemimpin-pemimpin politik dari Barisan Nasional mengatakan kadar masalah kekurangan guru dalam SJK(C)-SJK(C) yang serius dan di seluruh negara kita kekurangan gurunya lebih kurang 3,000 orang. Namun, amatlah hairan dalam tahun ini Timbalan Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Ayer Hitam, dia kata masih kewujudannya kekurangan guru di SJKC dan bilangan yang diberi olehnya kepada surat khabar adalah lebih kurang 3,500 orang.

Di seluruh negara kita kekurangan guru di SJK(C)-SJK(C) lebih kurang 3,500. Kenapa masalah ini boleh berturut-turut berlaku di negara kita? Apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan khususnya mereka yang kononnya mewakili orang Cina di negara ini? MCA, Gerakan, SUPP, apa yang telah mereka buat? Adakah ada satu agenda Barisan Nasional untuk menyekat perkembangan SJK(C)-SJK(C) di negara ini? Oleh itu masalah kekurangan guru di SJK(C) sepanjang masa ini tidak diselesaikan.

■ **1720**

Mungkinlah ini adalah satu sebab yang utama kenapa mereka kalah besar dalam pilihan raya umum yang lalu pada bulan Mac. Tsunami, *political tsunami* itu kerana masyarakat Cina telah *give up on them*. Hilang seluruh keyakinan atas kerajaan Barisan Nasional untuk menyelesaikan satu masalah pendidikan yang begitu penting di SJK(C)-SJK(C). Ada beberapa pihak berkata bahawa kekurangan guru di SJK(C) ini adalah kerana orang Cina tidak berminat untuk bekerja sebagai guru. Tidak berminat untuk memohon untuk masuk Maktab Perguruan untuk dilatih sebagai guru.

Akan tetapi angka-angka yang diberi oleh Kementerian Pelajaran itu adalah bercanggah dengan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ini. Dalam tahun ini, Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa ada sejumlah 7,288 orang yang memohon untuk masuk ke maktab perguruan untuk dilatih dalam kelas Bahasa Cina. Di antara sejumlah pemohon 7,288 orang, hanya 2,524 orang pemohon telah dipanggil untuk temu duga, untuk *interview*. Akhirnya daripada 2,524 orang yang dipanggil untuk temu duga, hanya 1,240 orang telah diterima sebagai guru-guru pelatih dalam Maktab Perguruan. Bukankah angka ini menunjukkan bahawa ada *over demand*, ada lebih orang yang memohon untuk masuk ke maktab perguruan supaya dilatih sebagai guru-guru mengajar Bahasa Cina.

Akan tetapi kenapa bilangan tempat yang ditawarkan oleh maktab perguruan ini adalah begitu terhad sehingga lebih kurang 50% daripada mereka yang dipanggil untuk temu duga tidak dapat diterima masuk ke maktab perguruan. Dalam keadaan sekolah rendah negara kita sekarang ada *over supply of teachers* di sekolah kebangsaan tetapi di sekolah jenis kebangsaan Cina ada masalah kekurangan guru yang begitu serius. Kenapa kerajaan tidak boleh menambah tempat-tempat dalam maktab perguruan supaya lebih penuntut-penuntut diterima masuk untuk dilatih sebagai guru-guru yang boleh mengajar Bahasa Cina. Adakah ini satu *hidden agenda*? *Hidden agenda*, satu agenda yang sulit Barisan Nasional supaya dapat mengikat perkembangan SJK(C)-SJK(C) di negara kita.

Oleh itu saya harapkan, saya harapkan Kerajaan Barisan Nasional...

Puan Hajah Nancy bin Shukri [Batang Sadong]: Minta laluan sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terpanggil.

Puan Hajah Nancy bin Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan dari Bandar Kuching. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa masalah kekurangan guru ini bukan sahaja dihadapi oleh sekolah jenis kebangsaan Cina. Untuk makluman Yang Berhormat, anak saya semua sekolah di Chung Hwa School dengan izin. Akan tetapi yang kita hadapi di seluruh Malaysia saya rasa mungkin bukan hanya di Sarawak. Saya rasa keseluruhan, masalah ini adalah satu masalah nasional.

Ada juga kekurangannya di sekolah-sekolah biasa. Bukan sahaja di sekolah jenis kebangsaan Cina. Kita tidak berlaku adil terhadap keseluruhan polisi kerajaan. Mungkin pihak kementerian mungkin boleh menjawab nanti. Cuma saya mahu tegaskan di sini bahawa ini bukan satu masalah yang dihadapi oleh sekolah jenis kebangsaan Cina sahaja. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Sadong ini adalah tidak tepat. Dari beberapa tahun lalu, Kementerian Pelajaran dengan alasan bahawa ada masalah kekurangan guru di SJK(C). Dengan alasan ini, Kementerian Pelajaran telah menghantar banyak guru yang langsung tidak fasih dalam Bahasa Cina ke SJK(C). Sehingga ada juga *principals*, guru besar yang langsung tidak fasih dalam Bahasa Cina yang telah dihantar kepada SJK(C) kerana ada *over supply of teachers* di sekolah kebangsaan.

Oleh itu, dia menerima satu bantahan yang kuat daripada masyarakat Cina kerana daripada pentadbiran SJK(C)-SJK(C) seperti *assembly*, setiap minggu satu *assembly*, guru besar akan memberi ucapan kepada murid-murid. Kalau guru besar ini tidak fasih dalam Bahasa Cina, apa bahasa yang dia akan ucapkan. Oleh itu dia akan menukar sifat-sifat *yang special* di SJK(C) ini dan ini adalah masalah bukan tahun ini atau kebelakangan ini saja. Ini adalah masalah yang berpuluh-puluh tahun sudah dan oleh itu saya anggap Yang Berhormat dari Batang Sadong...

Seorang Ahli: Batang Sadong.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...Batang Sadong tidak begitu faham dalam bidang perguruan di sekolah-sekolah rendah negara kita ini. Tadi saya ada menyeru supaya kerajaan menambah tempat-tempat dalam maktab perguruan untuk mereka yang berminat menuntut untuk kelas-kelas Bahasa Cina supaya masalah kekurangan guru-guru di SJK(C)-SJK(C) di seluruh negara kita ini boleh diselesaikan. Angka-angka yang jelas menunjukkan tempat-tempat di maktab perguruan untuk mereka yang berminat untuk belajar untuk menjadi guru dalam kelas Bahasa Cina itu adalah terlalu kurang. Oleh itu hampir 50% daripada mereka yang dipanggil temu duga tidak diterima.

Sebab kedua kenapa adalah berlanjutan masalah kekurangan guru-guru di SJK(C) adalah kerana selepas dilatih sebagai guru-guru dari kelas Bahasa Cina, guru-guru ini sepatutnya dihantar kepada SJK(C)-SJK(C) tetapi mereka dihantar kepada sekolah kebangsaan dan itulah menyebabkan masalah kekurangan guru-guru di SJK(C) menjadi lebih teruk lagi. Sebab ketiga adalah berkenaan dengan syarat-syarat pengambilan penuntut-penuntut ke maktab perguruan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung perbahasan pada hari Isnin, 25 Ogos 2008.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin, 25 Ogos 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.